

KONSEP  
PEMBANGUNAN  
DAN KENEGARAAN  
MALAYSIA

# KONSEP PEMBANGUNAN DAN KENEGARAAN MALAYSIA

Cetakan Pertama Disember 1989  
Cetakan Kedua Julai 1990  
Cetakan Ketiga November 1990  
Cetakan Keempat Jun 1992

© Hakcipta milik penulis

ISBN No. 983-99661-2-X



338.97695  
UKM  
2

Diterbitkan oleh  
Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi.

Dicetak oleh  
Perniagaan Yakin  
No. 4, Jalan Pudu Ulu Cheras  
56100 Kuala Lumpur.

5 MAY 1996

M 672433

## PEMBANGUNAN DAN KENEGARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN	MUKASURAT
1. Kedatangan Dan Perkembangan Islam di Nusantara .....	1
Dr. Shafie Abu Bakar	
2. Ringaksan Sejarah dan Tamadun Islam di Nusantara .....	17
En. Mohamad Taha	
3. Perkembangan Islam di Malaysia .....	31
Dr. Shafie Abu Bakar	
4. Perkembangan Politik di Tanah Melayu dan Malayan Union .....	51
En. Surtahman Kastin Hasan	
5. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 .....	58
En. Yaakob Mat Noor	
6. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan .....	66
En. Yaakob Mat Noor	
7. Pandangan Islam Tentang Ilmu dan Pendidikan .....	72
En. Surtahman Kastin Hasan	
8. Dasar Pelajaran Kebangsaan Dan Dasar Bahasa Malaysia .....	80
Prof. Madya Dr. Baharudin Yatim	
9. Dasar Kebudayaan Kebangsaan .....	86
Prof. Madya Dr. Baharudin Yatim	
10. Prinsip Umum Ekonomi Islam .....	91
En. Surtahman Kastin Hasan	
11. Insititusi Kewangan Islam .....	96
En. Surtahman Kastin Hasan	
12. Dasar Ekonomi Baru Dan Hubungannya Dengan Islam .....	104
En. Surtahman Kastin Hasan	
13. Islam Dan Masyarakat Berbilang Kaum .....	115
Prof. Madya Razali Nawawi	

## Kata Pengantar Bagi Edisi Ke Empat

Edisi ini mengandungi tiga belas tajuk kecil berbanding dengan sebelas tajuk kecil dalam edisi yang sebelumnya. Risalah-risalah yang dipilih untuk dimuatkan adalah berkaitan dengan pembangunan negara dan kenegaraan Malaysia.

Adalah perlu bagi generasi muda memahami konsep-konsep yang terkandung dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan, serta pandangan Islam terhadap ilmu dan masyarakat berbilang kaum, semoga keharmonian dan kesepadan antara kaum dapat diteruskan. Jika ada sebarang kesilapan atau kekurangan kami sentiasa menerima sebarang teguran dan cadangan yang membina. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi pertolongan dalam penyediaan buku ini khasnya Puan Rosliza bte Ramly dan Cik Rohayu bte Musa yang telah banyak memberi sumbangan tenaga menaip dan menyusun manuskrip sehingga kepada penyempurnaan dalam bentuk buku. Semoga usaha mereka semua itu diberi balasan yang baik oleh Allah s.w.t. Amin.

Dr. Sulaiman Noordin  
Penyalaras  
Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor.

Tarikh: 15hb June 1992.

hd:Pengantar4 SN/lz.

## KATA PENGANTAR

Malaysia adalah sebuah negara yang rakyatnya berasal dari berbilang kaum. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia adalah diasaskan kepada hasrat semua kaum itu untuk sama-sama membangunkan negara ini merasai nikmat daripada kemajuan yang tercapai. Matlamat utama yang perlu dicapai ialah kesepaduan dan kehormanian antara kaum, kerana tanpa kesepaduan dan keharmonian antara kaum kedudukan negara akan sentiasa tidak stabil.

Melalui sistem pemerintahan demokrasi banyak usaha telah dilaksanakan untuk mencapai hasrat ini. Beberapa dasar penting seperti Dasar Pendidikan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pertanian, Dasar Kebudayaan dan sebagainya telah digubal dengan mengambil kira latar belakang tersebut. Generasi muda hari ini dan generasi-generasi akan datang harus memahami dan sentiasa ingatkan latar belakang sejarah penubuhan dan pembangunan negara kita supaya terhindar dari tindakan yang mungkin akan merugikan negara kita kemudian hari. Memahami dan mengerti tentang konsep-konsep lulus yang terkandung dalam ajaran Islam, agama resmi negara, ada suatu keperluan bagi semua warganegara, tidak kira yang beragama Islam atau tidak. Kami menegaskan ini bukanlah bertujuan untuk mengislamkan semua orang, tetapi untuk mempastikan bahawa semua warganegara memahami konsep-konsep yang digunakan sebagai asas kepada pembentukan sebuah negara yang aman dan saksama.

Risalah-risalah terkandung dalam buku kecil ini membincangkan isu berkaitan dengan pembangunan negara. Mudah-mudahan ia dapat menjelaskan masalah yang dihadapi. Jika sekiranya pembaca budiman ada sebarang teguran yang membina, silalah kirimkan teguran saudara/saudari itu kepada penerbit. Semoga usaha kita semua ini diberkati oleh Allah s.w.t. InsyaAllah.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua mereka yang telah memberi pertolongan untuk menjayakan pencetakan buku ini khasnya kepada kakitangan di Pusat Teknologi Pendidikan terutama Dr. Rudin Salinger, Puan Amnah bte Jantan dan Encik Saari bin Musa. Kepada pensyarah-pensyarah yang telah sudi memberi komen dan pandangan yang bermas atas tulisan-tulisan berkenaan khasnya Dr. Dahnil Adnani, Dr. Ishak Mohd Rejab, Encik Surtahman Kastin, En. Mohamad Taha dan yang lain-lain. Semoga usaha kita semua dapat diberkati oleh Allah s.w.t. Amin.

PROF. MADYA DR. BAHARUDDIN YATIM,  
Penyelaras,  
Pusat Pengajaran Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor.

## KEDATANGAN DAN PERKEMBANGAN ILMU ISLAM DI NUSANTARA

Dr. Shafie Abu Bakar,

### Penerimaan Islam, Caranya:

Penerimaan Islam di dalam masyarakat Melayu adalah secara damai. Di dalam sejarah kemasukannya ke Alam Melayu, tidak tedapat suatu catatan sejarah yang menunjukkan yang ianya dipaksakan ke atas penduduk-penduduk di rantau tersebut dengan secara kekerasan. Jika pun ada berlaku perperangan, maka ianya lebih bersifat tempatan sesudah agama tersebut berjaya bertapak di beberapa bahagian rantau tersebut hingga menimbulkan konflik antara mereka yang bimbang dengan kedatangan nilai yang baru yang boleh mengugat kewujudan mereka dengan mereka yang melihat nilai baharu lebih memberi kekuatan pegangan kepada mereka. Sebagai contohnya ialah perperangan Giri (Raja Raden Fattah) dengan kerajaan Majapahit (Prabu Udara) di awal abad ke 16M. (Hamka, 1965 : 488 - 493).

Penyebaran agama Islam di Alam Melayu, hasil dari daya tarikan yang wujud di dalam Islam itu sendiri. Keunggulan Islam ini dapat dilihat sama ada dari sudut ketuhanan, keinsanan yang meletakkannya pada tempat yang paling wajar di tengah-tengah ciptaan Tuhan dan kemasyarakatan yang menyemarakatakan manusia yang berbeda. Kelebihannya dari segi ketaqwaaannya kepada Allah.

Penerimaan Islam di Alam Melayu adalah menerusi daya intelektual dan rasional serta rasa ta'abbudiyyah penganut-penganutnya. Bukti penerimaan Islam berdasarkan sifatnya yang berunsur intelektual dan rasional bukan saja terlihat pada sifat Islam itu sahaja, tetapi di dalam konteks perkembangannya di Alam Melayu kita lihat tempat-tempat tibanya Islam pada peringkat permulaan adalah menerusi kota pelabuhan yang menjadi lokasi termaju sesebuah negara di bandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain. Maksudnya tidak bermula dari pendalam. Penerima-penerima Islam pada peringkat awalan ini terdiri dari kalangan pemerintah dan kalangan atasan yang taraf pemikiran mereka lebih tinggi dari peringkat awam yang kemudiannya sama menurut menerima Islam. Tempat-tempat terawal menerima Islam pada peringkat awal ini termasuklah di Phan-rang di Selatan Champa di Cambodia 431/1039 atau lebih awal dari itu, di Gresik di Timur Jawa 475/1082, di Utara Sumatera 506/1112, di Perlak dan Samudra 682/1282, di Terengganu 702/1302, di Jolo, Sulu 710/1310 dan di Melaka di akhir abad ke 8/14. Selepas itu Islam berkembang luas ke daerah-daerah Alam Melayu.

Kalau kita melihat kepada kalangan-kalangan pendakwah yang mula-mula tiba ke Alam Melayu adalah terdiri dari kalangan yang benar-benar memahami tentang Islam. Antara mereka yang diketahui namanya ialah Syeikh Ismail yang menyebar agama Islam di Pasai, sebagaimana tercatat di dalam Hikayat Raja-raja Pasai. Syeikh Abdu'Llah 'Arif di Utara Sumatera sebagaimana tercatat di dalam Hikayat Aceh dan muridnya yang

bernama Syeikh Burhanuddin yang menyebarkan agama Islam di Priaman ke bawah pantai barat Sumatera. Sharif Awliya Karim al-Makhdum menyebarkan agama Islam di Sulu bersama dengan Sayyid Abu Bakar, Maulana Malik Ibrahim di Gresik, Jawa (803/1400), Syeikh Abdul Aziz di Melaka sebagaimana yang tercatat di dalam Sejarah Melayu. Dari Melakalah Islam tersebar luas di Alam Melayu terutama ke bahagian Tanah Jawa yang antaranya di sebarkan oleh wali-wali songo (sembilan). Antaranya Sunan Bonang, Sunan Giri, Sunan Ampel, Sunan Darajat dan Sunan Kalijaga.\* Seterusnya Islam berkembang luas ke alam Melayu.

### Dari Manakah Datangnya Islam

Berhubung dengan persoalan dari manakah datangnya pendakwah-pendakwah atau penyebar-penyebar agama Islam tersebut ada beberapa pendapat yang dikemukakan, terutama oleh para orientalis. Pendapat-pendapat mereka boleh dirumuskan kepada empat golongan:

1. Golongan yang berpendapat bahawa Islam didatangkan ke Alam Melayu melalui India. Pendapat ini berpecah kepada dua:
  - i. dari Gujarat
  - ii. dari Koromandel
2. Golongan yang berpendapat bahawa Islam didatangkan ke Alam Melayu melalui negeri China.
3. Golongan yang berpendapat bahawa Islam didatangkan ke Alam Melayu dari Asia Barat (Arab-Parsi).

### Kedatangan Islam Melalui India

Pendapat yang mengatakan Islam ke Alam Melayu dari India melihat seolah-olah kedatangannya sama dengan cara kedatangan agama Hindu ke rantau ini sebelumnya. Pendapat ini dikenali dengan teori "outochthonous". Sarjana-sarjana orientalis yang mengatakan Islam di bawa ke sini dari Gujarat ialah terdiri dari Pijnappel seorang Profesor Pengajian Melayu di Universiti Leiden. Menurut G.W.J. Drewes, yang mencatat pendapat Pijnappel di atas (Drewes, 1968 : 440 - 441) Pijnappel berpendapat ini ialah kerana terdapat banyak catatan-catatan yang merujuk kepada pendakwah-pendakwah Arab dari Gujarat dan Malabar yang bermazhab Shafie di dalam catatan sejarah awal di Kepulauan Melayu. Menurut Drewes pendapat ini diperkuuhkan lagi kemudiannya oleh Snouck Hurgronje seorang pakar mengenai hal ehwal Islam di Indonesia. Tetapi satu penemuan yang dianggap sebagai "The Great Discovery" bagi teori ini ialah yang dilakukan oleh J.P. Moquette. Beliau yang membuat kajian (1912) mendapati batu nisan

pada kuburan Maliku's-Salih (M.1297) dan beberapa kuburan yang lain di Pasai (terutama yang bertarikh 831/1428) dan juga kuburan Malik Ibrahim (M.1419) di Gresik, Jawa bersamaan dengan kuburan di Cambay, Gujarat, lantas beliau membuat kesimpulan bahawa ini membuktikan bahawa Islam di Alam Melayu dibawa dari Gejara. Pendapat ini kemudian disokong oleh ramai lagi sarjana-sarjana orientalis/Belanda seperti R.A. Kern, B.H.M. Vlekke, J. Gonda, G.H. Bousquet dan Schrieke. Dalam hal ini Shrieke menegaskan:

"Portuguese writers assert that Indians, notably Gujeratis played an important part in the conversion of the Island." (Schrieke, 1955 : 230)

Turut sama menyokong pendapat ini beberapa sarjana Inggeris seperti D.G.E. Hall (Hall, 1966 : 191), Brian Harrison, H.E. Wilson dan R.O. Winstedt. Selain dari menyokong penemuan Moquette beliau menambah keterangan perhubungan antara India dan Tanah Melayu di mana terdapatnya batu nisan di Bruas, Perak yang bersamaan dengan yang di Gujerat. Lagi pula katanya di dalam Sejarah Melayu juga terdapat maklumat kebiasaan orang di sini mengimport batu nisan dari India. (Winstedt, 1917 : 173).

Kepentingan Gujerat pada masa itu ialah kerana ia merupakan sebuah pelabuhan perdagangan yang terkenal pada masa itu. Menurut M. Roelofsz:

"The Gujarati ports in particular boasted an extensive fleet of merchant shipping. Like all Arab, Persian and Indian craft ..." (Roelofsz, 1962 : 61)

Walau bagaimana, teori yang pada mulanya dianggap bernas ini menghadapi sanggahan dari kalangan orientalis sendiri seperti G.E. Morrison seorang pegawai yang pernah berkhidmat di Malaysia. Beliau menerima bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu berasal dari India, tetapi bukannya dari Gujerat, ini ialah kerana berdasarkan sejarah Gujerat lebih kemudian menerima Islam dari Alam Melayu ini sendiri. Buktii menunjukkan bertapaknya Islam di Pasai dapat dikesani sejak 1282 bilamana dua orang diplomatnya pernah dihantar ke Negeri China pada zaman Dinasti Yuan Yang. Dua orang diplomat ini bernama Hasan dan Sulaiman. Kedua-duanya nama orang-orang Islam. Batu nesan Maliku's-Salih menunjukkan yang raja Islam terawal di Pasai ini meninggal pada 1297M., sedangkan tempat yang dikatakan berasalnya Islam rantau ini dari Gujerat baru dikuasai oleh Islam pada tahun 1298 (hall 1966 : 191). Gujarat benar-benar makmur sebagai pusat perdagangan Islam dari 1401 - 1572. Ini bererti pengislaman di sini bukannya dari Gujerat. Satu lagi bukti ialah dari pengunjung-pengunjung yang datang ke Pasai seperti Marco Polo dan Ibn Battutah yang menyatakan bahawa Pasai memang telah menerima Islam sejak 1292 lagi. Morrison dalam sanggahannya menghujahkan lagi bahawa penganut-penganut agama Islam di Gujerat ialah bermazhab Hanafi sedangkan penganut-penganut agama Islam di Alam Melayu ini bermazhab Shafie. Beliau (Morrison) berpendapat agama Islam yang tiba di Alam Melayu ini sejak

akhir abad ke 13 berasal dari Pantai Koromandel yang penduduknya yang beragama Islam bermazhab Shafie.

Pendapat Garrison ini disokong oleh De Jong, W.F. Wertheim dan S.Q.Fatimi dan G.W.J. Drewes. Bahkan S.Q.Fatimi mengatakan bahawa Raja Merah Silu berketurunan dari Bengali kerana beliau menggunakan gelaran Thakur. Hujah ini diasaskan juga pada apa yang dilaporkan oleh Tome Pires (Fatimi, 1963 : 35). Namun begitu hujah mazhab ini tidak begitu kukuh. Sebagai contohnya walaupun dikatakan yang penduduk Islam di Gujerat bermazhab Hanafi, namun begitu tidak mestilah seluruhnya sebagai contohnya Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang datang ke Aceh dari Gujerat pada tahun 1637 (Iskandar, 1966 : 2) adalah bermazhab Shafie.

### Kedatangan Islam Dari Negeri China

Pendapat yang mengatakan bahawa agama Islam di Alam Melayu berasal dari Negeri China ialah berdasarkan kepada fakta yang menunjukkan berlakunya perhubungan dagang antara orang-orang Islam dari Asia Barat (Arab-Parsi) sejak abad ke 3/9 lagi atau lebih awal 1/7M. Menurut al-Mas'udi seorang ahli ilmu alam dan pelayar Islam yang ulung, pada tahun 265/877 terdapat lebih kurang 120,000 atau 200,000 pedagang-pedagang di pelabuhan Khanfu (Canton) yang sebahagian besar daripada mereka itu terdiri dari peniaga-peniaga Islam (Arab-Parsi). Apabila berlakunya pemberontakan Petani di Selatan China pada zaman pemerintahan Emperor Hi-Tsung (265-276/878-889) dari Dinasti T'ang, maka ramai dari pedagan-pedagang Islam telah menjadi kurban, akibatnya mereka telah melarikan diri berlindung dan menjalankan kegiatan di kawasan Asia-Tenggara khususnya di kawasan Alam Melayu. Ini terbukti dari rentetan penandaan penempatan mereka seperti di Champa di Cambodia 431/1039, di Jolo, Sulu 710/1310, di Gresek, Jawa 475/1082 dan di Terengganu 702/1302. Menurut Syed Naguib sebahagian dari pedagang-pedagang tersebut juga pergi berlindung di Kedah sebuah negeri Melayu tua dan juga Palembang yang menandakan sejak dari itu bermulanya pertapanan Islam di Alam Melayu, khususnya di Semenanjung (Syed Naguib, 1969 : 11). Bukti-bukti lain yang menunjukkan perhubungan yang bersifat keislaman antara Negeri China dengan Alam Melayu dari kesan yang lebih kemudian ialah perlindungan yang diberi oleh Negeri China terhadap Melaka pada zaman awal pembukaannya oleh Parameswara (Sultan Muhammad). Pada masa itu Negeri China diperintah oleh Dinasti Ming yang pada masa pemerintahan Maharaja Ch'eng-tsu telah menghantar beberapa siri perutusan diplomatik, misalnya di bawah pimpinan Laksamana Muhammad Cheng Ho. Pada tahun-tahun 1405, 1409 dan 1411 Sultan Muhammad pergi sendiri ke China. Pada tahun 1414 puteranya Sultan Iskandar pergi ke China memberitahu tentang kemangkatan bapanya. Pada tahun 1419 baginda sekali lagi pergi ke sana (Hall, 1966 : 194). Bukti ini menunjukkan bahawa pengislaman China mempunyai pertalian dengan pengislaman

Melaka. Bukti pertalian pengislaman di sini dengan Negeri China dapat dilihat juga dari sudut seni. Sebagai contohnya masjid tua yang terbina di beberapa tempat terawal menerima Islam seperti masjid di Gresik, Jawa, Masjid Agung Banten (abad ke 16), Masjid Tua Kalimantan. Masjid Kampung Laut, Kelantan, masjid-masjid di Melaka (Masjid lama berjumlah 77 buah daripada keseluruhan masjid yang berjumlah 161 buah) adalah dibina secara bertingkat-tingkat yang mencerminkan wujudnya pengaruh binaan rumah-rumah ibadat China yang berbentuk pagoda. Masjid-masjid berbentuk sedemikian di Melaka seperti Masjid Kg. Hulu (1721), Masjid Kg. Keling (1889), Masjid Terengkera (1806), Masjid Duyung (1820), Masjid Alai (1898) dan lain-lain. Walaupun tarikh-tarikh pembinaan masjid ini agak baharu ia mencerminkan bentuk-bentuk binaan masjid sebelumnya yang diteruskan dengan pembinaan masjid-masjid tersebut.

### Kedatangan Islam Dari Asia Barat

Teori terakhir, ialah teori yang mengatakan bahawa kemasukan Islam ke alam Melayu adalah langsung di bawa dari Asia Barat yang dibawa oleh pedagang-pedagang/pendakwah-pendakwah Arab parsii. Antara yang mengutarakan pendapat ini ialah Syed Naguib al-Attas, beliau menolak sekeras-kerasnya teori yang mengatakan Islam tiba ke Alam Melayu dari India. Menurutnya hujjah yang mengatakan Islam berasal dari India itu didasarkan kepada bukti-bukti luaran berdasarkan pola-pola perniagaan mengikut cara kedatangan Hindu-Buddha yang juga berasal dari India - "autochthonous theory". Menurut kajian haruslah dilihat dari sudut dalaman - maksudnya sifat Islam yang diterima masyarakat di sini. Misalnya dari hasil penulisan yang berhubung dengan agama Islam di rantau ini tidak ada yang menunjukkan karangannya dihasilkan oleh orang India, tetapi berasal dari Arab, walaupun melalui India seperti Syeikh Nuruddin ar-Raniri. Dari nama-nama pendakwah Islam yang diketahui tiba peringkat permulaan di rantau ini tidak ada yang merujuk kepada nama-nama mereka yang berasal dari India. Misalnya Syeikh Ismail, Syeikh Abdul Aziz, Maulana Ishak dan Maulana Abu Bakar semuanya berasal dari Mekah. Dilihat dari gaya tulisan jawi , adalah diikut oleh orang-orang Melayu dari gaya penulisan Arab, tidak menurut cara India melalui bahasa Urdu atau Parsi. Begitu juga dilihat dari cara pembacaan al-Quran orang-orang Melayu di sini lebih mendekati cara pembacaan Arab terutama menurut qira'ah Hafaz, tidak seperti cara bacaan orang India.

Namun begitu pendapat yang mengatakan Islam yang tiba ke Alam Melayu terus dari Asia Barat bukanlah pendapat perseorangan Syed Naguib. Tokoh-tokoh lain ialah seperti G.W.J. Drewes yang mengatakan mazhab Shafie yang dianuti oleh penganut-penganut Islam di Alam Melayu berasal dari Mesir yang didasarkan kepada pendapat Keyzer (seorang pengkaji Undang-undang Islam Belanda terawal). Demikian juga Niemann (M. 1861) dan De Hollander (m. 1961) juga menyebut bahawa orang-orang

Arablah yang berperanan menyebarkan agama Islam di Alam Melayu. Pendapat yang sama juga diutarakan oleh John Crawfurd dengan hujah bahawa pada masa kehadiran Islam kerantau ini orang-orang Arablah yang menguasai jalan laut dan Marsden pula menyokong dengan menyebut catatan seorang ahli sejarawan Portugis, Diego de Couto, yang membuat kajian di India mengatakan seorang pendakwah Arab mengislamkan seorang Raja Melaka (Ismail Hamid, 1982 : 93).

Walau bagaimanapun ketepatan mengenai teori kedatangan Islam ke Alam Melayu ini tidak mungkin selesai dengan membenarkan suatu pihak dan meyalahkan pihak yang lain, kerana sifat penyebaran agama Islam ke rantau ini bukan melalui satu cara semata-mata, apalagi jika dilihat dari sudut konsep dakwah Islamiyah itu sendiri yang merupakan tanggungjawab ke atas setiap seorang muslim menyebarluaskan dakwah Islamiyahnya. Di dalam hal ini kesemua teori-teori di atas dapat diterima dan dapat disatukan rumusannya. Kita menerima bahawa agama Islam memangnya berasal dari Asia-Barat (Mekah) dan penyebarannya dilakukan oleh pendakwah-pendakwah dari sana, tetapi di dalam penyebaran selanjutnya setelah Islam tersebar luas, termasuk ke India dan ke Negeri China, tidak mustahil bahawa Agama Islam yang tersebar di sini datangnya melalui India dan China, di bawa oleh pendakwah-pendakwah yang langsung berasal dari Asia Barat atau yang pernah menetap di kedua-dua tempat tersebut atau dari kalangan penduduk di kedua negeri tersebut yang telah memeluk agama Islam. Sifat ini juga berlaku di dalam perluasan pengaruh agama Islam pada peringkat tempatan. Dalam maksud ianya disebar oleh pendakwah-pendakwah luar (Arab, Parsi dan sebagainya) dan penganut-penganut tempatan sendiri. Bahkan di dalam sejarah kita lihat penganut-penganut tempatan inilah akhirnya lebih berpengaruh dalam menyebarluaskan agama Islam selanjutnya secara menyeluruh. Contohnya sebagaimana peranan yang dimainkan oleh pendakwah-pendakwah Pasai dan Melaka sendiri di dalam menyebarluaskan agama tersebut di Alam Melayu.

### **Teori Perkembangan Islam di Alam Melayu**

Berhubung dengan teori perkembangan Islam di Alam Melayu ini pula ada beberapa pendapat. Prof. Cesar Adib Majul dari Filipina membuat rumusan di dalam sebuah kertaskerjanya yang berjudul: "Theories On The Introduction And Expansion Of Islam In Malaysia" yang dibentangkan di dalam Persidangan Antarabangsa Sejarawan-sejarawan Asia kali kedua yang berlangsung di Taipeh pada bulan Ogos, 1962 membuat rumusan kepada 7 teori, iaitu Falsafah Ideologi Islam, Falsafah Tasauf/teologi, perdagangan/perniagaan (perkahwinan), dakwah/ulamak, politik, pertentangan dengan Kristian dan ekonomi (Majul, 1964 : 345 - 395).

Dari sudut falsafah ideologi, sebagaimana telah disentuh dibandingkan ideologi Islam dengan pegangan masyarakat Melayu sebelumnya, ideologi Islam dapat memberi

alternatif yang unggul baik dari segi doktrin ketuhanan, kemasyarakatan, kemanusiaan, nilai keakhlakan dan pengibadatan. Keunggulan ideologi keislaman ini bukan setakat doktrin semata-mata tetapi resap ke dalam jiwa individu dan masyarakatnya. Bagi individu ia dapat memberi suatu nilai keyakinan yang kukuh yang mempengaruhi "sudut pandangan" perlakuan dan tindakan individu tersebut. Di pandang dari sudut individu dan masyarakat pula , ideologi keislaman ini telah melahirkan revolusi dari dalam masyarakat dengan berlakunya kemasukan orang-orang Melayu secara besar-besaran ke dalam Islam terutamanya pada abad 12 - 15M. Pertukaran pegangan keyakinan secara besar-besaran tidak akan berlaku di dalam sebuah masyarakat melainkan wujud di dalamnya ketidakpuasan hati masyarakat ini erhadap sistem kepercayaan, politik pemerintahan, aturan kemasyarakatan dan ekonomi lama mereka. Di dalam kehidupan masyarakat Melayu yang berdasarkan kepada kepercayaan agama sebelum Islam, masyarakat sekurang-kurangnya telah dibahagi-bahagikan kepada bahagian-bahagian yang menyerupai kasta . Rakyat umumnya dinafikan hak dan peranannya baik di dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Ini berlawanan dengan Islam. Menurut William Wertheim yang mengkaji masyarakat di rantau ini:

"Islam gave the small man a sense of individual worth as a member of the Islamic community. According to Hindu ideology he was merely a creature of lower order than the members of higher castes. Under Islam he could, as it were, feel himself their equal, or even, in his quality as a moslem, the superior of such of them as were not moslems themselves, even though he still occupied a subordinate position in social structure. (Majul, 1964 : 383)

Seiterusnya, dari ideologi Islam yang membawa unsur persamaan antara manusia dan persaudaraan di kalangan mereka telah mewujudkan solidariti yang kuat di kalangan mereka, sehingga mengatasi perasaan berpuak-puak. Melalui ikatan bahasa yang dipilih oleh Islam di rantau ini iaitu "Bahasa Melayu", rasa serumpun sebangsa yang dikuatkan oleh konsep umat dan dar al-Islam ikatan mereka bertambah erat. Menurut Majul unsur inilah sebenarnya membawa kepada kesedaran nasionalisma peringkat awal yang menjadi benih kepada revolusi menentang penjajahan pada abad ke 20 (Majul, 1964 : 383).

### **Penyebaran Islam Melalui Pendakwah Sufi**

Suasana perkembangan Islam di Alam Melayu berubah corak dari kesepian kepada kepesatan secara mendadak mulai abad 12 dengan kehadiran pendakwah sufi ke rantau ini .Kejatuhan Kota Baghdad pusat Tamadun Islam pada zaman kegemilangannya di tangan Hulagu Khan Maharaja Mongol pada 656/1258 (Hamka, 1968 : 184)menyebabkan ramai kalangan ulamak, ilmiawan-ilmiawan, ahli-ahli teologi dan ahli-ahli tasyaaf melarikan diri ke negeri-negeri Islam yang lain dan setengahnya pula turut sama belseyar ke timur jauh mendakwah Islam di rantau tersebut. Mereka kebanyakannya terdiri dari pendakwah

Arab-Parsi (bukannya dalam pengertian datang dari dua tempat - negeri Arab dan Parsi, tetapi dari satu tempat, ialah kerajaan Abbasiah yang memang tamaddunnya dan pemerintahannya dibina oleh kedua bangsa tersebut).

Kalau kita meneliti dari individu pendakwah yang tiba di rantau ini yang terakam di dalam sejarah, maka kita dapatkan mereka adalah dari kalangan tokoh-tokoh yang memahami soal-soal falsafah teologi dan tasauf dan mereka datang memang berperanan secara langsung sebagai pendakwah seperti Syeikh Ismail yang disebut di dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*, Syeikh Abdul Aziz yang tercatat di dalam *Sulalatu's-Salatin* Syeikh Abdullah Arif dan Syeikh Burhanuddin yang dirakan oleh *Hikayat Aceh*. Demikianlah dengan Syarif Awliya Karim al-Makhdm dan Sayyid Abu Bakar di Sulu, Maulana malik Ibrahim di Gresek, Jawa. Pendakwah-pendakwah ini dikatakan ada keistimewaan-keistimewaan di dalam mengubati penyakit-penyakit yang menambah minat penganut-penganut terhadap agama baru. Pada peringkat selanjutnya turut sama dikembangkan tarikat-tarikat yang setengahnya disesuaikan dengan keadaan tempatan.

Pengaruh falsafah teologi dan tasauf terbukti dari catatan seorang pengembara Islam yang terkenal iaitu Ibn Battutah yang telah singgah di Pasai pada tahun 1345/6. Beliau menyebut bahawa:

"The sultan of Java (Sumatra), al-Malik az-Zahir, is a most illustrious and open-handed ruler, and lover of theologians". (Gibb, 1929 : 274)

Dikatakan juga di Pasai terdapat majlis-majlis ilmiah yang membicarakan persoalan keagamaan yang bersifat falsafah, usuluddin dan asauf yang dihadiri oleh pembesar-pembesar negeri dan majlis dipimpin oleh sultan sendiri. Antara tokoh keilmuan yang diketahui pada masa itu ialah Kadi Amir Sayyid dari Shiraz dan Faqih Tajul Din dari Isfahan (Marrison, 1951 : 31 - 36) dan di dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* menyebut dua orang pembesar di negeri itu ialah Syed Asmayuddin dan Syed Ali Ghiyatuddin. Peningkatan kemajuan ilmu pengetahuan keislaman yang berlaku di Pasai ini memang sesuai dengan kedudukan Pasai pada pertengahan abad ke 14 yang merupakan sebagai sebuah pusat perdagangan yang maju di Alam Melayu. Menurut Marco Polo (1292), di Pasai pada masa itu terdapat perwakilan (duta) dari kerajaan Delhi . Bahkan menurut Tome Phires dalam *Suma Orientalnya*, pelabuhan Pasai pada masa itu didatangi oleh pedagang-pedagang dari Arab, Parsi, Pegu, India, Turki, China dan lain-lain.

Setelah Melaka maju berkembang Pasai dapat mempertahankan tarafnya sebagai pusat keilmuan keislaman dengan wujudnya tokoh-tokoh seperti Makhdum Patakan, Makhdum Muda Tun Hasan yang juga mahir di dalam masalah falsafah keislaman (murid makhdum) dan Tun Jana Khatib yang pernah dihantar oleh Pasai menyebarkan agama Islam di Singapura (Sejarah Melayu, Cetera ke 19), tetapi terbunuh di sana.

Pengaruh penyebaran Islam menerusi tasauf dan falsafah lebih jelas lagi berlaku di Melaka, apabila negeri itu meningkat maju setelah menerima Islam mulai awal abad ke 15, dan kehadiran ulamak-ulamak dari Parsi, Arab dan Gujarat.

Antara pelajar-pelajar yang pernah belajar di sini ialah Sunan di Pulau Upih. Antara ulamak-ulamak terkenal di Melaka termasuklah Maulana Abu Bakar, Kadi Yusof, Tun Bija Wangsa dan lain-lain. Pengajian yang bersifat falsafah juga amat menarik minat pelajar-pelajar di Melaka sebagaimana di Pasai. Sebagai contohnya sebuah kitab yang membicarakan persoalan falsafah tasauf (theosophy) telah dihantar oleh seorang ulama Makkah iaitu Maulana Abu Ishaq ke Melaka. Kitab tersebut berjudul Ad-Durrul-Manzum yang bererti Rangkain/Untaian Mutiara. Kitab ini membicarakan tiga persoalan penting berhubung dengan ilmu teologi dan falsafah tasauf iaitu mengenai dhat, sifat dan afal (tambahan). Seorang guru dikirim bersama dari Makkah untuk mengajarkan ilmu ini. Beliau ialah Maulana Abu Bakar. Pengajaran di bawah pimpinan Maulana Abu Bakar ini disertai oleh pelajar-pelajar yang terdiri dari Sultan Melaka sendiri (Sultan Mansur Syah), ulamaknya (Kadi Yusuf) dan pembesar-pembesar negeri Melaka.

Walaupun negeri Melaka pada masa itu telah meningkat dari segi pengajian keilmuan yang bersifat keislaman, namun ia belum dapat mengatasi Pasai. Persoalan-persoalan agama yang agak rumit masih dirujuk ke Pasai. Sebagai contohnya kitab ad-Durrul'l-Manzum yang membicarakan persoalan yang rumit itu perlu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh tokoh yang berauthoritas di dalam terjemahan dan ilmu berkenaan, sebab itu ianya dihantar ke Pasai dan diterjemahkan oleh Makhdum Patakan, pakar bidang berkenaan. Namun begitu terdapat jua percubaan ulamak Melaka untuk menguji ulama-ulama Pasai dengan masalah-masalah falsafah sebagai contohnya seperti yang diceterakan oleh Sejarah Melayu di dalam cetera ke 20 yang Sultan Melaka, Sultan Mansur Syah menitahkan Tun Bija Wangsa dan Tun Rana ke Pasai bertanyakan persoalan Syurga dan Neraka. Persoalan ini ada pertaliannya dengan bahasan falsafah Ibn Arabi yang bertalian pula dengan pengaruh falsafah Plato dan Neo-Platonisme Baru yang diadunkan dengan falsafah Islam.\* Memang menurut Syed

---

\* Menurut Shaykh Ahmad Sirdindi (seorang mujaddid ad Din) di India pada abad 17M, kepercayaan wahdat 'l-wujud oleh Ibn Arabi (Parsi) tidak berasaskan al-Quran dan as-Sunnah. Lihat "Sufism and Shariah" oleh Muhammad Abdul Haq Ansari (1986), The Islamic Foundation, halaman 123. - Penyunting.

Naguib pengaruh falsafah tasauf al-Jili, pendokong kuat pemikiran Ibn Arabi - tiba ke Melaka setelah lebih kurang 50 tahun terhasil karangannya - *Al-Insanu'l-Kamil* (Naguib, 1966 : 7) ianya telah dipelajari di Melaka. Tetapi pengaruh falsafah tasauf dan teologi yang bergemeralah adalah yang berlaku di Aceh. Ini menunjukkan bahawa pengaruh ilmu tasauf dan teologi berperanan penting di dalam penyibaran Islam di Alam Melayu ini.

### Penyebaran Islam Melalui Perniagaan

Teori penyebaran agama Islam di Alam Melayu melalui perdagangan atau perniagaan adalah merupakan teori yang popular. Teori ini lebih mendasarkan andaian secara umum tanpa memberi perhatian khusus pada sifat pendakwah adakah ia pakar di dalam hal ehwal keislaman atau sebaliknya. Teori ini mengandaikan orang-orang Islam yang datang pada peringkat awal ke rantau ini adalah bertujuan menjalankan perniagaan dan mereka beragama tetapi melalui sosialisasi kemudiannya pegangan keagamaan mereka itu diikuti oleh mereka yang berhubungan dengannya yang kemudian tersebar luas. Salah satu bukti terawal yang menekankan bahawa penyebaran agama Islam di Alam Melayu ini menerusi perniagaan ialah dari Tome Pires yang menulis dalam tahun 1515. Menceritakan tentang Pedagang-pedagang di Melaka, beliau menulis:

"Some of them (merchants) were Chinese, some Arabs, Parsees, Gujaratees, Bengalees and of many other nationalities, and they flourished so greatly that Mohammed and his followers determined to introduce their doctrines in the sea-coast of Java (together) with merchandise." (Majul, 1964 : 346)

Dalam maksud menerusi sosialisasi di atas, Islam berkembang secara aman seperti berlakunya perkahwinan campur antara pedagang yang datang singgah atau menetap di sesuatu tempat dan kemudian berkahwin dengan anak-anak (perempuan-perempuan) tempatan. Dengan ini mereka menarik mereka kepada masuk Islam. Sifat sedemikianlah dikatakan berlaku kepada perkembangan agama Hindu-Buddha sebelumnya. Teori ini diketengahkan oleh Van Leur yang berpegang kepada pendapat Nicolas Krom. Bahkan menurut Krom:

"Marriages of the foreigners with maidens of the country had the same results as earlier with the establishment of Hinduism, and as far as religion is concerned the effect must have been even immediate since the wife of Mohammedan must after all have embraced Islam herself." (Majul, 1964 : 347)

Perkahwinan yang berlaku tidak setakat dengan perempuan-perempuan dari golongan rakyat biasa, tetapi oleh kerana mereka dipandang sebagai pendatang yang berkebudayaan tinggi, terhormat, berada dan pandai menyesuaikan diri dengan suasana tempatan, mereka senang mendekati pihak pemerintah dan berkahwin dengan kalangan atasan dan keluarga pemerintah. Misalnya seorang puteri Raja Pasai berkahwin dengan seorang saudagar Islam dan kemudian anak mereka berdua menjadi Bendahara keempat

di Melaka dan terkenal dengan gelaran Tun Ali Sri Nara Diraja. Beliau berkhidmat pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1445 - 1459). Di Jawa pada abad ke 16, kita dapat keturunan raja-raja Banten dan Cheribon adalah berdarah Arab yang menunjukkan perlakunya perkahwinan dengan kalangan atasan ini dalam penyebaran agama Islam. Di dalam Silsilah Brunei juga terdapat catatan yang menunjukkan anak perempuan Sultan Ahmad, Sultan Berunai yang kedua selepas penerimaan Islam telah berkahwin dengan seorang Sharif dari Mekah (Taif) yang bernama Sharif Ali yang kemudian menggantikan pemerintahan mertuanya dengan gelaran Sultan Berkat. Beliaulah yang telah menjalankan pemerintahan undang-undang Islam di Berunai. Di Sulu pula menurut Tarsila Sulu rajanya yang pertama yang mengambil title Sultan ialah seorang Sayyid yang bernama Sayyid Abu Bakar yang telah berkahwin dengan anak Raja Baginda, yang berasal dari putera raja Minangkabau yang telah mendirikan pemerintahan di Sulu pada penghujung abad ke 14M. Darinya ialah berterusan keturunan Diraja Sulu. Terdapat di dalam beberapa Tarsila Mindanau yang mengatakan bahasa pengasas kesultanan di Mindanau seperti kesultanan Magindanao dan Buayan ialah Sharif Muhammad Kabungsawan anak kepada Sharif Ali Zainal Abidin dari Hadramaut yang telah berkahwin dengan puteri Raja Melaka. Perkahwinan dengan pedagang-pedagang dari Arab ini berlaku hingga ke akhir abad ke 18 di kalangan puteri raja-raja seperti di Sumatera (di Siak), di Pontianak dan di Banjarmasin, juga di Aceh.

Sayyid-sayyid yang datang menyebarkan agama Islam ini menurut Warner yang dipetik oleh Majul adalah dari Hadramaut yang mempunyai kedudukan tinggi sebagai keturunan dari Fatimah az-Zahra' anak Rasulullah s.a.w.

"The Hadhrami Sayyids are deeply respected and are grouped in varying numbers of families throughout the towns and the wadis. They consider themselves as undoubtedly of the very purest blood and of direct descent from the daughter of the prophet, and they most jealously resent any intermarriage save with the bluest of blue Islamic blood ... (Majul, 1964 : 350)

Dari perbincangan di atas dapat difahami bahawa status sosial para pedagang, khususnya yang berketurunan dari Rasulullah yang menguasai bidang keislaman, apalagi berjaya di dalam bidang perniagaan, membolehkan mereka mendekati kalangan pemerintah tempatan dan berkahwin dengan keturunan bangsawan tersebut dan berperanan bahkan menguasai bidang pemerintahan tersebut.

Teori perniagaan/perdagangan di atas, sesungguhnya bersifat umum yang boleh dikaitkan dengan teori penyebaran agama Islam yang lain seperti melalui perkahwinan di atas. Teori perdagangan/perniagaan ini juga boleh dikaitkan dengan teori dakwah. Dalam maksud pendakwah-pendakwah yang memahami bidang keislaman datang menyebarkan agama Islam ke rantau berikut dengan adanya pedagang-pedagang Islam ke rantau ini. Hujjah ini membuktikan bahawa sungguhpun kesan-kesan membuktikan

wujudnya kehadiran pedagang-pedagang Islam ke rantau ini sejak abad ke 7M dalam rangka perhubungan dagang mereka dengan Negeri China, tidak berlaku penyebaran Islam ke rantau ini, ini ialah kerana bukan tujuan mereka untuk menyebarluaskan agama, tetapi selepas abad 12M, apabila pakar-pakar di dalam bidang keislaman tiba ke sini khusus untuk berdakwah maka penyebaran Islam di rantau ini berlaku dengan pesatnya. Tokoh-tokoh pendakwah ini antaranya terakam di dalam bahan penulisan tempatan sebagaimana telah dibicarakan. Bahkan ada di kalangan pengikut tempatan berkordan untuk berjihad di dalam lapangan dakwah. Misalnya Raja Ma'abari, Sultan Muhammad sanggup turun takhta kerajaan dengan menyerahkannya kepada anaknya dan rela menjadi fakir kerana untuk mendakwahkan agama Islam kepada penduduk-penduduk di Lamiri, Haru dan Samudra. Sifat dakwah ini tentulah diiringi dengan sifat pembelajaran yang berasaskan keilmuan dan intelektual sebagaimana berlaku di Pasai seperti yang disebutkan oleh Ibn Battutah, atau di Melaka seperti pada zaman Sultan Mansur Shah yang bergurukan Maulana Makhdum Sadar Johan demikianlah dengan beberapa tempat yang lain. Contoh dakwah dan pengajian yang sedemikian bukan saja berlaku pada peringkat istana, tetapi meresap ke dalam berbagai-bagai peringkat. Di mana saja berlakunya penyebaran agama Islam ianya diikuti dengan pengajian sama ada berlaku di rumah, surau, masjid dan madrasah yang terus menghidupkan penyebaran agama tersebut.

### **Penyebaran Islam Melalui Politik**

Teori penyebaran Islam di Alam Melayu kerana politik adalah dikemukakan oleh J.C. Van Leur di dalam kajiannya yang berjudul Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History, yang dibukukan selepas kematiannya (meninggal muda sewaktu berumur 34 tahun bila meletus peperangan Pasifik. Ia terbunuh di Jawa). Di dalam hal ini menurut Van Leur:

"The trade of the Moslems was no mere directly related to the conquests of Islam in southeast Asia than Indian trade had been related to the expansion of Brahmanic culture there. In this case, too, trade and faith need to be separated. Nor did Islam bring 'economic development' to Indonesia. The Islamization of Indonesia was a development determined step by step by political situations and political motives."

(Van Leur, 1967 : 112)

Menurut Van Leur, penerimaan Islam di Alam Melayu terutamanya di negeri-negeri persisiran di utara perpantai Sumatera, ialah kerana berkurangnya kekuasaan politik negeri-negeri di selatan perpantai Sumatera. Jadi negeri-negeri kecil di persisiran utara mengambil peluang membentuk pemerintahan dengan menerima Islam dan mendapat sokongan dan perlindungan dari kekuasaan sama ada secara terus dari pedagang-pedagang yang berkuasa dan berpengaruh atau dari kekuatan Islam yang

sedang berkembang seperti di India. Keadaan yang sama dilihat oleh Van Leur berlaku dengan kebangkitan Melaka yang berkembang pesat pada abad ke 15. Pemerintahnya menganut agama Islam dan menjadikannya sebagai alat untuk mendapat perlindungan dari tekanan kekuasaan dagang orang-orang India. Di India sendiri - terutama di barat daya India (Gujarat) dan diutaranya Islam telah bertapak dan menguasai kawasan tersebut. Penerimaan ini juga digunakan dengan tujuan politik untuk membendung pengaruh Siam dan juga menentang regim Hindu Jawa. Pemerintah (Sultan) diberi jaminan sebagai kesatuan negara dan umat Islam untuk dipertahan dari sebarang pencerobohan. Keadaan ini dilihat sama juga berlaku di Indonesia. Di India sendiri yang menjadi sumber kerajaan Hindu-Buddha di Indonesia mengalami keruntuhan peradaban dan ketamadunan kerajaan yang bercirikan Brahman oleh kerana berlakunya perperangan antara kuasa Islam yang baru muncul dengan kerajaan Hindu tersebut. Keruntuhan ini tiba kepada puncaknya apabila kerajaan Hindu Vijayanagar jatuh tersungkur kalah pada kerajaan Islam Mogol pada 1556. Hal ini mempengaruhi situasi di Indonesia .Kerajaan Hindu Majapahit pada masa itu di dalam keadaan tenat. Menyedari hal ini negeri-negeri kecil dan para aristokrat yang berada di bawah kerajaan yang niat itu menumpukan usaha ke arah memperbesarkan kekuasaan mereka secara autonomes dan menerima Islam sebagai alat untuk mendapat sokongan yang merupakan satu kekuasaan pada masa itu dan Melaka pada masa itu merupakan pusat kekuatan di timur jauh. Akibatnya pada tahun 1520 kerajaan Shaiva-Buddhist Majapahit itupun runtuh. Meskipun pada masa tersebut mulai berkonfrontasi dengan kekuasaan dari barat (Portugis diikuti oleh kekuasaan lain-lain) Islam terus berkembang di Alam Melayu.

### Teori Lanjutan Peperangan Salib

Kedatangan kekuasaan barat yang dimulai oleh Portugis dan kekuasaan lain seterusnya telah memulakan babak baru di dalam kelancaran penyebaran agama Islam di Alam Melayu. Teori ini dinamakan juga "Crusader Theory" atau "Teori Lanjutan Peperangan Salib" lantaran ianya dianggap konfrontasi antara Islam dan Kristian di Alam Melayu dengan kedatangan Portugis, Spanyol, Belanda dan Inggeris sebagai lanjutan dari pertembungan antara orang-orang Islam dan Kristian di Timur Tengah dan Eropah . Islam yang datang secara aman dan menghidupkan aktiviti perniagaan di rantau ini tanpa penjajahan telah dikocak oleh kedatangan barat yang datang secara kekerasan. Ini tercermin dari kata-kata Albuquerque berikut sebelum ia melancarkan serangan kedua terhadap Melaka yang membawa kepada kejatuhan pada tahun 1511.

"The first is the great service which we shall perform to Our Lord in casting the Moors out of this country, and quenching the fire of this sect of mafamede so that it may never burst out again here after, and I am so sanguine as to hope for this from our undertaking, that if we can only achieve the task before us, it will result in the Moors

resigning India altogether to our rule, for the greater part of them - or perhaps all of them - live upon the trade of this country and are become great and rich, and lords of extensive treasures ... (Malacca) is the headquarates of all the spiceries and drugs which the Moors carry every year hence to the Straits without our being able to prevent them from so doing, but if we deprive them of this their ancient market there, there does not remain for them a single port, nor a single situation, so commodious in the whole of these parts, where they can carry on their trade in these things ... and I hold it as very certain that if we take this trade of Malacca away out of their hand, Cairo and Mecca are entirely ruined, and to Venice will no spiceries be conveyed except that which her merchants go and bring in Portugal." (Majul, 1964 : 389)

Konfrontasi yang bersifat kesaliban ini jelas lagi jika kita perhatikan dari tulisan pada permulaan karangannya - buku "Suma Oriental" yang ditujukan kepada Rajanya - Manuel - Raja Portugis bahawa peperangan yang dilakukan oleh Albuquerque adalah: "against the name of Mohammed (Mafamede)." dan menurutnya:

"that God's omnipotence is favoring these efforts because he wills to make Christianity take root through out your kingdoms." dan mengenai Melaka Pires berkata: "And since it is known how profitable Malacca is in temporal affairs, how the more is it in spiritual (affairs), as Mohammed is cornered and cannot go farther, and flees as much as he can." (Majul, 1964 : 390)

Oleh kerana kedatangan Kristian yang dibawa oleh Portugis dan yang lain-lain lagi berikutnya dengan cara perampasan, kekerasan dan pemaksaan, menyebabkan bangkitnya rasa marah dari kalangan anak-anak tempatan, apalagi mereka telah menganut agama yang selamanya telah berkonfrontasi. Ini membuat mereka menolak Kristian dan makin mengukuhkan pegangan keislaman. Bahkan menurut Schrieke, seorang pengkaji Belanda:

"From the conquest of Malacca in 1511 onwards, one finds the Portuguese including the archipelago in their struggle against Islam and Islamic trade. Their conquests were accompanied by vigorous missionary activities, and these stirred their opponents to action in their turn." (Majul, 1964 : 391)

Pertentangan ini membangkitkan semangat jihad di kalangan umat Islam yang dengannya memperkuatkan lagi kesatuan keislaman di rantau ini. Peranan ini terutamanya diambil oleh Aceh selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Pada satu pihak yang lain usaha mempercepatkan keislaman di kawasan yang belum menerima Islam dilakukan untuk mendahului pengaruh yang mungkin dilakukan oleh agama Kristian menerusi kehadiran Portugis dan lain-lain yang menyusuli kehadirannya. Sebab itu kita dapat mulai 1521, Brunei mengislamkan sekitaran jiran-jirannya yang belum Islam, 1539 Sultan Alauddin Riayat Shah melancarkan serangan ke atas orang-orang Batak pagan, 1575 Sultan Babullah Ternate memusnahkan kubu-kubu Portugis yang

didirikan di dalam kawasannya. Dan usaha mereka untuk menguasai dagangan rempah disekat.

Bila Sepanyol tiba ke Filipina pada tahun 1512, mereka dapat kerajaan Islam telah berdiri dengan teguhnya di sana di bawah pemerintahan Raja Matanda yang kemudian diganti oleh Raja Sulaiman. Pada zaman Raja Sulaiman inilah tentera Sepanyol menyekat perkembangan Islam di Filipina, khusus di bahagian utara negeri itu. Kalau tidak sudah pastilah sejarah keagamaan di Filipina akan lain jadinya (Gowing; 1979 : 25). Namun begitu konfrontasi keagamaan antara penduduk-penduduk Islam di bahagian selatan negeri itu berterusan ratusan tahun berikutnya, bahkan hingga kini.

### **Penyebaran Islam Melalui Perhubungan Ekonomi Dengan Politik**

Teori terakhir ialah teori ekonomi yang berhubungan dengan politik. Ini ialah kerana pemerintah-pemerintah tempatan amat bergantung ekonominya pada cukai-cukai perniagaan dari pedagang-pedagang terutama pedagang-pedagang Islam yang menguasai perdagangan pada masa itu. Pedagang-pedagang ini boleh mengontrol kemajuan sebuah pusat pelabuhan perniagaan. Misalnya dikatakan sebelum Melaka menerima Islam ianya tidak berkembang maju, tetapi apabila Pasai mengusahakan pengislaman rajanya Iskandar Shah menerusi perkahwinan dengan anak Raja Pasai, maka pedagang-pedagang Islam yang pada asalnya tertumpu ke Passai memberi sokongan kepada Melaka hingga Melaka maju dari segi perdagangan dan pengembangan agama Islam. Kenaikan negeri-negeri persisiran yang menerima Islam juga mendapat sokongan dari pedagang-pedagang Islam. Ini adalah merupakan sebagai galakan kepada mana-mana negeri terutama di pesisiran baik yang baru muncul atau yang sedia wujud untuk menerima Islam untuk kebaikan dan kekuuhan dari sokongan pedagang-pedagang Islam.

Sifat penyokongan ini dapat dilihat umpamanya apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis 1511, pedagang-pedagang Islam berkonfrantasi dengan Portugis dan menarik perdagangan mereka dari sana dan beramai-ramai menolong membantu menaikkan kemajuan Aceh sehingga menjadikannya pelabuhan yang termaju menandingi Melaka dan terkuat dari segi ketenteraan dan menyerang Melaka beberapa kali seperti pada tahun 1537, 1547 dan 1551.

### **Kesimpulan**

Walau bagaimana, sebagaimana teori-teori kedatangan Islam ke Alam Melayu, begitulah juga dengan teori-teori penyebarannya di rantau tersebut, setiap teori yang dibincangkan di atas, bukanlah menjadi faktor yang tersendiri menjadi sebab yang dominan di dalam memperluaskan pengaruh Islam di Alam Melayu ini. Bahkan dapat dikatakan setiap faktor yang dibincangkan berperanan di dalam memberi saham di dalam perkembangan Islam di rantau ini. Segala faktor di atas mungkin berlebih kurang dari

segi pengaruhnya, tetapi sebenarnya kesemuanya merupakan kesatuan yang memperluaskan pengaruh agama Islam di Alam Melayu ini. Walau bagaimanapun faktor-faktor ini bukanlah merupakan penentu sebenarnya di dalam mengekalkan pengaruhnya di hati penganut-penganut agama Islam di rantau ini. Sifat Islam itulah sebenar-benarnya yang menawan dan menambat hati penganut-penganut agama Islam di Alam Melayu untuk terus berpegang dengannya.

#### CATATAN

- \* Secara lengkap Wali Songo (Sembilan )ialah:
- 1. Sunan Bonang (Makhdum Ibrahim).
- 2. Sunan Darjas (Masih Ma'umat).
- 3. Sunan Giri (Maulana Ishak - 'Ainul Yaqin-Raden Paku).
- 4. Sunan Gunong Jati (Fatahillah-Falatehan-Sharif Hidayatullah).
- 5. Sunan Kali Jogo (Joko Sa'id-Orang Muda Muhammad Said).
- 6. Sunan Kudus (Sheikh Ja'afar Sadiq).
- 7. Sunan Murio.
- 8. Sunan Ngampel (Raden Rahmat).
- 9. Sunan Prawoto (Mukmin).

(Hamka, 1965 : 627)

dc: B43 Keda.&Perkemb. Is. Nusantara.

## RINGKASAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM DI NUSANTARA

Mohamad Taha.

### Pendahuluan

Tajuk ini cuba menyingkap, secara ringkas, perubahan di kepulauan Melayu selepas perkembangan Islam. Pada umumnya, kesan yang hampir serupa dapat dilihat di seluruh Nusantara selepas kedatangan agama ini. Oleh itu, untuk memudahkan perbincangan, kita akan menumpukan kepada satu kawasan sahaja. Kita memilih Melaka sebagai *sample* kerana sejarahnya agak lengkap dan jelas.

### Pengislaman Nusantara

Islam datang ke Nusantara semenjak kurun Hijriyah yang pertama (kurun ke 7 dan 8M) (Hamka 433-434). Pengislaman di sini mulai pesat selepas kejatuhan Baghdad ke tangan Mongol pada tahun 1258M. Kejatuhan ini menyebabkan para pendokong Islam mencari tapak baharu. Sebahagian mereka datang ke Nusantara.

Selepas tahun 1258M tersebut sejarah menyaksikan kemunculan kerajaan-kerajaan Melayu Islam seperti cendawan selepas hujan di Nusantara seperti Aceh, Terengganu, Melaka, Patani, Banten, Mataram, Brunei, Sulu dan lain-lain.

Para sejarawan berbeza pendapat tentang jalan kedatangan Islam ke sini. Ada yang mengatakan bahawa Islam datang melalui Cina. Sebahagiannya berpendapat ia dibawa melalui India, sama ada Kembayat, Benggala atau Malabar. Setengahnya pula mengatakan Islam datang ke sini terus dari Timur Tengah. Masing-masing pihak menegakkan teori berdasarkan hujah-hujah tersendiri.

Mengikut pendapat ramai, Islam dibawa melalui jalan perdagangan antarabangsa. Golongan saudagar memainkan peranan utama. Dikatakan bahawa, di samping bermiaga, mereka juga berdakwah. Ini adalah satu gambaran yang biasa pada zaman yang masih bersih dari sekularisme. Ini mudah difahami kalau dilihat kepada ajaran Islam yang menganjurkan supaya setiap orang hendaklah bertindak sebagai muballigh (penyampai), menyampaikan walaupun satu ayat apa yang diketahui. Oleh itu, tanggungjawab menyebarkan Islam

bukanlah khusus untuk 'golongan agama' saja, ia tertanggung ke atas semua, termasuk pedagang.

Walaubagaimanapun sebahagian pendakwah yang datang ke Nusantara ini merupakan pendakwah 'sepenuh masa' seperti Makhdum Sayyid Abd. Aziz, tokoh yang mengislamkan raja Melaka (*Sejarah Melayu* 61-62). Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh para penulis sebagai 'orang sufi' (lihat Fatimi, 23 dan 73-78, sebagai misalnya).

Antara pendapat yang popular juga ialah penyebaran Islam melalui perkahwinan, misalnya Parameswara, raja pertama Melaka, menganut Islam selepas mengahwini Puteri Raja Pasai (Shaw *et al.*, 61-62; Harrison 50-51). Suku *sayyid* yang terdapat di negara kita hari ini adalah keturunan para pendatang ini. Walaubagaimanapun, perkahwinan campur tidaklah meluas di kalangan masyarakat Nusantara. Oleh itu sukar untuk mengatakan bahawa ia sebagai faktor utama penyebaran Islam di sini.

Di dalam mengulas pengislaman Nusantara, seperti juga di mana jua di dunia ini, para orientalis tetap memasukkan jarumnya. Contohnya dapat dilihat di dalam tulisan Snouck Hurgronje (hal.14-15) ini:

"Saudagar-saudagar Islam dan Muslimin yang mencari untung menetap di tengah-tengah penduduk kafir. Juga tanpa menjadi orang suci atau terlalu saleh, biasanya Muslimin itu memperlihatkan kecenderungannya untuk menyebarkan agamanya terutamanya di keluarga orang yang agak kurang beradab. Kepentingan peribadi mereka sendiri pun sudah mengharuskan dia berbuat demikian: dia ingin menciptakan lingkungan keluarga sendiri. Tidak sukar baginya untuk memperisterikan seorang wanita dari lingkungan itu ...."

Demikian juga Harrison (hal. 51-52), beliau memberi gambaran bahawa penerimaan Islam oleh raja-raja Melayu didorong oleh kebendaan:

"The acceptance of Islam by the local rulers of those coastal areas must have been largely inspired by the wealth, commercial success and business which Gujarat and Bengali merchants represented".

Van Leur (hal.112) pula memberi gambaran keronnya penerimaan Islam oleh masyarakat Nusantara didorong oleh 'political motives'. Gambaran yang demikian juga diberikan oleh D.G.E.Hall (lihat hal.213) dan kuncu-kuncunya yang lain.

Itu adalah secebis contoh semangat Perang Salib para penulis Barat terhadap Islam, dan contoh pemikiran masyarakat mereka yang berorientasikan kebendaan sebagai pengukuran terhadap segala-galanya.

Kita juga sering melihat gambaran yang diberikan oleh mereka bahawa masyarakat Nusantara menerima Islam semata-mata kerana mengikut raja, dengan mendasarkan hujah mereka kepada sumber-sumber klasik seperti *Hikayat Patani*, *Sejarah Melayu*, dan lain-lain, yang dikarang untuk membesar-besarkan raja-raja Melayu: "supaya akan menyukakan duli hadirat baginda" (*Sejarah Melayu* 3). Sebaliknya, kajian yang lebih ilmiah menunjukkan keadaan sebaliknya: Islam telah datang ke Patani semenjak 300 tahun sebelum rajanya, Raja Paya Tu Napa (Osman et al, 215) menganut agama ini pada tahun 1457M (Bangnara,7). Begitu juga di Jawa (Salam 25), Malaysia (lihat Fatimi 89) dan di tempat-tempat lain di Asia Tenggara ini, rakyatlah terlebih dahulu menerima Islam. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan peranan penting raja dalam mengembang dan mendaulatkan agama ini. Pengislaman baginda lebih memusatkan lagi perkembangan Islam dari sebelumnya. Penganutan ini juga diambilkira sebagai tanda atau tarikh rasmi pengislaman negeri baginda.

Kajian yang mendalam menunjukkan bahawa ajaran Islam adalah faktor terpenting penyebaran Islam. Tauhid yang mengasaskan pemikiran rasional dan konsep-konsep 'taqwa mengatasi keturunan' dan 'kesatuan aqidah mengatasi suku bangsa' amat ampuh di dalam berhadapan dengan anisme dan konsep kasta yang menyelubungi masyarakat Nusantara pada masa itu.

Kebanyakan penulis menekankan 'cara sufi' sebagai pendekatan yang digunakan oleh para pendakwah awal di Nusantara ini (lihat Fatimi dan lain-lain). Ini mungkin difikirkan sesuai dengan suasana masa itu yang penuh dengan unsur-unsur mistik yang sesat dan terkongkong oleh 'konflik dalaman' sebelum Islam.

### Nusantara Islam

Islam telah membawa perubahan besar kepada masyarakat Nusantara. Contoh yang jelas dapat dilihat di Melaka.

Melaka, yang dibuka pada akhir kurun ke 14 atau awal kurun ke 15M oleh Parameswara putera Sailendra dari Palembang, menerima Islam secara rasminya pada tahun 1409 atau

1414M. Di bawah Sultan Muzaffar Syah (1445-1458) Melaka mencapai zaman keemasannya (*Undang-undang Melaka*, 38), bilamana banyak nilai-nilai Islam diserap ke dalam pemerintahannya (Wake 128). Kerajaan ini merosot pada masa Sultan Mahmud Syah yang membawa kejatuhan ke tangan Portugis pada tahun 1511M.

### Pentadbiran

Di dalam susunan pentadbiran Melaka, kuasa tertinggi ialah Sultan, dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Syahbandar, Perdana Menteri, Seri Bija Diraja, Mandulika, Laksamana dan lain-lain (Hashim 134, Adnan 13-14, *Undang-undang Melaka*, 62).

‘Sultan’, gelaran ketua kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah, telah digunakan oleh Melaka menggantikan gelaran ‘Raja’. Demikian juga ‘Syahbandar’, jawatan ketua di pelabuhan, menampakkan unsur-unsur Parsi.

Di dalam kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah, khalifah, dengan nasihat para pembesar, pakar perundangan dan hakimnya, berperanan sebagai ketua ‘diwan membenteras kezaliman’, institusi tertinggi yang menghukum pegawai-pegawai kerajaan yang zalim. Peranan ini juga dimainkan oleh Sultan Melaka. Seorang putera Sultan yang membunuh orang pernah dilucutkan dari jawatan Putera Mahkota oleh ayahandanya atas nasihat Bendahara (*Sejarah Melayu* 123-124).

Temenggung adalah seorang pegawai yang ditugaskan membenteraskan kemungkar dan mengawal keamanan dan kebajikan awam di dalam negeri (*Undang-undang Melaka* 62; *Sejarah Melayu* 143-144). Syahbandar pula bertanggungjawab terhadap kebajikan pedagang, anak yatim dan orang-orang yang teraniaya (*Undang-undang Melaka*, *Ibid.*). Di dalam kerajaan Khulafa’ al-Rasyidin dan kerajaan Islam selepasnya, tugas-tugas ini dipikul oleh pegawai *hisbah* (*al-Muhtasib*) dan pengawal malam (‘polis’) (lihat al-Salih 91-110).

Jawatan qadhi juga diperkenalkan di dalam pentadbiran Melaka. Walaupun peranannya sebagai ‘hakim’ tidak jelas, tetapi mungkin juga beliau berperanan sebagai penasihat undang-undang Melaka. Andai ia ini berdasarkan kepada unsur-unsur undang-undang Islam dan bahasa Arab di dalam *Undang-undang Melaka* yang menggambarkan bahawa ia digubal oleh, atau dengan nasihat, pakar undang-undang Islam dan bahasa Arab.

Permuafakatan (Syura) juga diamalkan, sebagaimana tergambar di dalam wasiat Sultan Mansur kepada Raja Husin (Sultan Alauddin) ini: (*Sejarah Melayu* 141)

"Dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan kebijaksanaannya itu?".

Para pembesar selalu dipanggil bersidang oleh Sultan untuk memutuskan sesuatu perkara penting seperti di dalam pertahanan dan hubungan diplomatik (lihat *Sejarah Melayu* 197 dan 206).

Dasar atau prinsip utama pentadbiran kerajaan ini dapat dilihat di dalam petikan berikut: (*Undang-undang Melaka* 162)

".... Bermula pada segala menteri dan sida-sida dan segala bala tentera sekalian itu hendaklah seperti firman Allah Ta'ala dalam al-Quran itu, hendaklah diturut *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'ani al-munkar*.

Inilah yang dikerjakan oleh segala menteri dan segala yang memegang pekerjaan ini, hendaklah kamu dari pagi-pagi hari duduk di balai, kerana segala hamba Allah banyak diserahkannya pada segala raja-raja dan menterinya, kerana sabda Nabi *salla'llahu `alaihi wassalam: kullukum ra'in wa kullukum mas'u'lun "an ra'i yatihi"*.

Petikan di atas juga menyatakan bagaimana sepatutnya seorang pegawai bertingkahlaku. Undang-undang Melaka juga menetapkan beberapa syarat di dalam pemilihan para pegawai kerajaan, misalnya untuk menjadi menteri dimestikan berkeupayaan menyiasat benar atau salah sesuatu perkara, mengetahui undang-undang, pintar dalam menyelesaikan perbalahan dan saksama dalam menjalankan pentadbiran (lihat fasil 6:2 *Undang-undang Melaka*, hal.70-72).

Sebenarnya, keperibadian Islam amat dititikberatkan di dalam pentadbiran pada masa itu, seperti digambarkan oleh wasiat S.Mansur kepada Sultan Alauddin ini: (*Sejarah Melayu* 140)

"....hendaklah engkau berbuat sabar serta adil sangat-sangat, dan jangan tamakkan harta orang ... melainkan dengan izin tuannya. Janganlah lagi khali engkau .pa keluar dihadap orang, kerana hamba Allah banyak terserah kepadamu, jikalau kesukaran baginya hendaklah engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa baik-baik ..... *kullukum ra'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyyatihi ...*"

Oleh itu, pendidikan Islam untuk Sultan dan bakal penggantinya sangat diambil berat, seperti yang akan dilihat nanti.

### Perundangan

*Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* adalah undang-undang utama Kesultanan Melaka. Undang-undang ini, terutamanya *Hukum Kanun Melaka*, banyak memetik undang-undang Islam terutama berkenaan jenayah seperti qisas, hudud, diat, dan ta'zir, dan berkenaan kekeluargaan seperti pesaka, nikah-cerai, mas kahwin dan iddah, yang berdasarkan kepada mazhab Syaff'i.

Undang-undang Melaka ini kemudiannya diwarisi oleh negeri-negeri lain, terutamanya yang ada kaitan sejarahnya dengan Melaka.

### Ekonomi

Melaka muncul sebagai pusat perdagangan utama di rantau ini pada zamannya. Oleh itu ia memerlukan satu peraturan untuk mengawal kegiatan perniagaan ini. Dalam hal ini, peraturan-peraturan Islam jelas kelihatan di dalam undang-undangnya yang mengharamkan perniagaan benda-benda haram seperti anjing, babi, tuak, arak dan seumpamanya. Syarat-syarat sah jual-beli, aqad dan lain-lain juga dinyatakan. Seterusnya ia menggariskan pengharaman bunga (riba), hukum orang muflis, suhlu (perjanjian), ikrar, amanat, pinjam-meminjam, syarikat (perkongsian) dan lain-lain (lihat *Undang-undang Melaka*, 134-148).

Penggunaan wang syiling telah diperkenalkan di Melaka. Wang ini berunsurkan Arab-Islam. Wang syiling Sultan Muzaffar Syah, sebagai misalnya, ditulis "Muzaffar Shah al-Sultan" di permukaan hadapannya, dan "*Nasir al-Dunya wa al-Din*" [penolong dunia dan al-Din],(lihat Shaw 2-4). Ini mengingatkan kembali kita kepada tugas utama ketua negara Islam iaitu "mendirikan (mendaulatkan) al-Din dan mentadbir dunia dengannya". Sudah tentulah penggunaan ini adalah ikutan kepada kerajaan-kerajaan Islam di Timur Tengah,

kerana wang syiling telah digunakan di dalam dunia Islam semenjak zaman Rasulullah s.a.w, lagi (lihat al-Salih 20).

### Pendidikan dan pembelajaran

Melaka juga muncul sebagai pusat pelajaran penting. Ia menjadi tumpuan guru-guru Arab, Parsi, India dan Pasai, yang mengajar secara sukarela, tetapi biasanya diberi ganjaran dan penghormatan yang tinggi. Melaka dapat menarik ramai pelajar asing yang terdiri dari orang awam, wali, ulama' dan raja dari negeri sekitar (lihat Arnold 361; Winstedt 84-85; Hamid 14; Naguib al-Attas 13; Cartesao 251). Di dalam tulisan lama, seperti *Sejarah Melayu*, pelajar-pelajar asing ini dikenali sebagai 'santeri'.

Pendidikan dan pembelajaran Islam mendapat sambutan yang menggalakkan dari segenap lapisan masyarakat. Bagaimana besarnya penghormatan rakyat Melaka kepada ilmu pengetahuan Islam dapat dilihat apabila mereka mengadakan perarakan besar-besaran untuk menghantar *Kitab Darul-Mazlum* ke Pasai dan menyambutnya kembali (*Sejarah Melayu* 127). Minat ini juga ditunjukkan oleh Sultan Muhammad Syah, pembesar dan rakyatnya yang telah berguru dengan Sayyid Abdul Aziz selepas mereka menganut Islam (*Ibid.* 63). Sultan Mahmud Syah, puteranya dan pembesarnya pula berguru dengan Maulana Sadar Jahan yang tiba dari Jiddah (*Ibid.* 204-205). Sultan Mahmud Syah juga sanggup datang sebagai seorang 'fakir' pada waktu malam ke rumah Maulana Yusuf semata-mata untuk belajar, dengan membawa *Kitab Ma'lumat* (*Ibid.* 167). Diceritakan juga bahawa Raja Muzaffar, yang bakal menggantikan ayahandanya Sultan Ahmad, diserahkan mengajari kepada seorang guru bersama-sama kanak-kanak lain (*Ibid.* 226). Memang menjadi tradisi sultan-sultan Melaka memberikan didikan Islam kepada bakal pengantinnya.

Istana, rumah guru dan masjid adalah institusi pengajian awal di Nusantara. Sebagai pusat utama, istana merupakan pusat pengajaran, penterjemahan, penulisan, penyalinan dan perpustakaan. Ia menjadi pusat tumpuan para ulama' yang melakukan kerja-kerja ini. Rumah guru pula selalu dikunjungi oleh keluarga diraja dan pembesar untuk belajar agama seperti yang dijelaskan tadi, di samping rakyat jelata. Masjid juga penting sebagai pusat pengajian terbuka dan pusat pertemuan masyarakat. Di sinilah diadakan sambutan perayaan hari-hari kebesaran Islam yang melibatkan Sultan, pembesar dan rakyat jelata.

Hubungan ilmiah antara kerajaan-kerajaan Islam juga diadakan. Makkah, sebagai pusat, telah membekalkan Melaka para 'ulama' dan kitab-kitab. *Kitab Darul-Mazlum*, yang

dibawa ke Melaka oleh Maulana Abu Bakar dari Makkah, telah dihantar oleh kerajaan Melaka ke Pasai untuk diterjemahkan, dan kemudian dibawa kembali ke Melaka untuk disimpan di istana Melaka (*Ibid.* 127). Melaka juga beberapa kali merujuk ke Pasai untuk menyelesaikan beberapa masalah agama (*Ibid.* 128-131). Hubungan dengan kerajaan lain juga diadakan. Sultan Alauddin selalu mengundang raja-raja Pahang, Kampar dan Inderagiri, serta keluarga mereka, dan baginda sendiri yang mengajar mereka tentang Islam. (Cartesao 251).

### Bahan bacaan

Pada peringkat permulaan, boleh dikatakan semua buku dibawa masuk dari Timur Tengah, terutama Makkah. Kitab-kitab Arab ini menyajikan ilmu-ilmu asas Islam seperti aqidah, fiqh, tafsir, hadith dan tasawwuf. Nampaknya *Kitab Darul-Mazlum*, sebuah kitab tasawwuf, adalah kitab yang paling terkenal pada zaman Melaka. Ini mungkin kerana kebanyakan pemimpinnya meminati ilmu tasawwuf (lihat *Sejarah Melayu, passim*). *Kitab Ihya' 'Ulum al-Din* (karangan Imam al-Ghazali), *Kitab Talkhis al-Minhaj* (Imam al-Nawawi) dan *Kitab al-Tamhid* (Abu Syukur) juga didapati di Melaka (Winstedt, *The Malays*, 35). Di samping buku-buku tersebut, banyak juga buku-buku sastera dibawa masuk ke Melaka termasuk *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Iskandar Zulkarnain*, di samping buku-buku syair.

Buku-buku tersebut dikaji dalam teks asal atau yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu.

Kemudian muncul pula karya-karya asli tempatan yang memetik banyak perbendaharaan kata Arab di samping terpengaruh sepenuhnya dengan gaya bahasa ini. Karya-karya ini juga menampakkan pengaruh Islam yang kuat di samping pengaruh tempatan yang banyak bersifat kehinduan seperti yang dapat dilihat di dalam *Undang-undang Melaka* dan puisi-puisi Melayu, terutamanya yang bercorak mistik. Secara umumnya, karya awal Nusantara ini boleh dibahagikan seperti berikut: (Hamid 2)

- 1) Hikayat Melayu pengaruh Islam
- 2) Puisi bercorak mistik dan pengajaran Islam
- 3) Pensejarahan Melayu Tradisional
- 4) Hukum dan Undang-undang Melayu.

Jelaslah bahawa tradisi penulisan di Nusantara bermula dengan kedatangan Islam. Para 'ulama' merupakan golongan penulis yang awal di Nusantara. Tujuan mereka menulis ialah untuk menyebarkan ajaran dan pengetahuan Islam. Di samping itu penulisan juga didorong oleh keinginan untuk mengagungkan wangsa dan pemerintah (Khoo Kay Kim 3-4). Faktor yang kedua ini datangnya dari golongan tempatan yang muncul selepas melalui proses pembelajaran sumbangan golongan 'ulama' tadi.

### Tulisan dan Taqwim

Dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, mereka menggunakan tulisan Jawi. Tulisan ini berdasarkan tulisan Arab yang dicampurkan dengan lima huruf Parsi, iaitu *nya*, *ca*, *nga*, *pa* dan *ga*, sebagai penyesuaian dengan lidah Melayu. Tulisan Jawi digunakan sepenuhnya oleh masyarakat Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat.

Zaman awal ini juga diperkenalkan penggunaan Taqwim Hijriah, iaitu kalender rasmi Islam, yang diperkenalkan secara rasminya di dalam dunia Islam oleh Saidina 'Umar b. Khattab. Bukti penggunaannya di Melaka dapat disaksikan pada batu-batu nisan, misalnya batu nisan Sultan Mansur Syah yang tercatat "2 Rajab 880H" sebagai tarikh kemangkatannya (Winstedt, "The Tomb", 48). Demikian juga di dalam tulisan-tulisan seperti *Sejarah Melayu*, yang dikarang selepas kejatuhan Melaka, ada dicatatkan penggunaan tarikh-tarikh Hijriah oleh masyarakat awal itu.

### Kesan pendidikan dan pembelajaran

Kegiatan-kegiatan penciptaan karya, penterjemahan, pencedukan, dan penyalinan kitab-kitab itu telah memperkayaan khazanah buku alam Melayu Islam. Bahan-bahan bacaan Islam yang diwarisi ini dipegang erat oleh masyarakat Melayu sehingga kedatangan penjajah.

Kegiatan-kegiatan tersebut memberi kesan yang mendalam terhadap Bahasa Melayu. Banyak perbendaharaan kata Arab yang dibawa masuk melalui proses ini digunakan di dalam Bahasa Malaysia dan Indonesia hari ini. Pada peringkat awal pembentukan Bahasa Melayu, ia dikuasai sepenuhnya oleh gaya bahasa Arab. Kesannya masih kelihatan hari ini, walaupun tidak banyak.

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di dalam penulisan oleh ulama' di samping di dalam perniagaan, menyebabkan ia tersebar begitu luas, ke peringkat antarabangsa, pada zaman Islam di Nusantara, satu-satunya zaman keagungan bahasa Melayu.

Zaman Kerajaan Melayu-Islam Nusantara adalah permulaan zaman kemajuan ilmiah dan pendidikan Asia Tenggara. Masyarakat Asia Tenggara benar-benar belajar bermula pada zaman ini. Dengan gerakan pembelajaran dan pendidikan Islam di Nusantara, masalah buta-huruf dibasmikan. Kebolehan orang Melaka membaca buku-buku agama, hikayat dan lain-lain dan menulis perutusan-perutusan kerajaan dan buku-buku seperti *Sejarah Melayu* dan *Undang-undang Melaka (Hukum Kanun Melaka)*, adalah contoh yang jelas. Sebelumnya, mungkin ada segelintir golongan tertentu yang dapat membaca seperti buku-buku bertulisan sanskrit, tetapi sebahagian besar masyarakat berada di dalam kegelapan buta huruf berkuron-kuron lamanya.

Ekoran dari itu juga muncul golongan cendekiawan dari anak tempatan, seperti Tun Muhammad di Melaka, yang dikatakan pakar bahasa Arab dan fiqh (*Sejarah Melayu* 158). Mereka inilah yang menyambung islamilisasi di rantau ini.

Khurafat dan tayul yang menebal di dalam adat istiadat Nusantara dan bertentangan dengan Tauhid dan membekukan fikiran itu diperangi semenjak permulaan Islam, lalu pupus sedikit demi sedikit, sehingga ke hari ini bilamana walaupun masih didapati di dalam adat Melayu tetapi di dalam keadaan yang teramat 'cair'. Pemikiran masyarakat dapat 'dibersih', 'dicair', 'dibuka' dan 'dikembangkan'.

Pandangan mulia sebelum Islam terhadap golongan seperti tokoh-tokoh agama Hindu, ahli sihir, bomoh dan dukun oleh masyarakat telah beralih kepada tokoh-tokoh Islam. Cerita-cerita tentang Maulana Yusuf tidak menerima kedatangan Sultan Mahmud yang penuh kebesaran diraja untuk menuntut ilmu kecuali datang dengan keadaan 'fakir', Sidi Arab di Melaka dapat membunuh Chau Pandan di Siam dengan hanya memanahnya dari Melaka (*Ibid.* 81), dan Maulana Abu Bakar dilihat bercahaya seperti sumbu dian pada suatu malam (*Ibid.* 128), menggambarkan betapa tingginya pandangan seluruh orang Melaka terhadap golongan agama ini - tanpa pa mengira bangsa - sehingga mereka dihiasi dengan unsur-unsur metos.

Tumpuan masyarakat antarabangsa ke Melaka menyebabkan terbentuk masyarakat majmuk (Lihat Iskandar 5). Walaupun kemajmukan masyarakat amat ketara pada zaman itu,

perhubungan antara mereka begitu mesra sebagaimana yang dapat digambarkan dengan perkahwinan-perkahwinan Mani Purindan (India) dengan Tun Sandari anak seri Nara Diraja (Melayu), Seri Dewa Raja (Melayu) dengan anak Qadhi Menawar (Arab) dan Hang Li Po (Cina) dengan Sultan Melaka. Sultan Mansur sendiri menggalakkan perkahwinan campur sebegini. (lihat *Ibid.* 69-70, 162-163; Cortesao 249)

Semangat cintakan agama dan tanahair juga telah tersemai dengan kedatangan Islam. Pada malam sebelum kejatuhan Melaka, orang Melaka membaca hikayat Muhammad Ali Hanafiah (*Sejarah Melayu* 223-224). Kepahlawanan tokoh ini cuba dicontohi di dalam mempertahankan Melaka.

Dari segi politik antarabangsa, hubungan ilmiah telah mengujudkan jalinan kesatuan politik antara negara-negara Islam dengan berpusatkan Makkah.

### Kekurangan

Sungguhpun Islam telah bertapak agak lama di rantau ini, masih kedapatan sedikit nilai-nilai lama yang negatif di dalam masyarakatnya. Undang-undang Islam yang diterima oleh Melaka dicampuradukkan dengan adat tempatan yang berunsurkan Hindu, yang jelas kelihatan di dalam fasal-fasal yang awal *Undang-undang Melaka*. Demikian juga, konsep ‘perbezaan’ yang berbau kasta, misalnya penggunaan bahasa dan adat yang khusus untuk raja yang tidak boleh digunakan oleh rakyat jelata, masih dapat dikesani.

Peristiwa pembunuhan Hang Jebat (atau Hang Kasturi) kerana derhaka kepada rajanya - walaupun beliau benar - menggambarkan bahawa konsep derhaka masih menebal. Walaubagaimanapun unsur-unsur demikian lama kelamaan semakin tipis.

Walaupun jawatan Qadhi diperkenalkan, tetapi peranannya sebagai ‘hakim’ kurang jelas. *Undang-undang Melaka* (62-64) jelas mengatakan bahawa undang-undang (hukum) ‘dibahagikan’ kepada Bendahara, Temenggung dan Syahbandar sahaja:

“Adapun dibahagi hukum itu atas tiga bahagi, pertama pada bendahara, kedua pada temenggung, ketiga pada syahbandar”.

Pucuk pimpinan dilantik berdasarkan keturunan. Oleh kerana seseorang itu putera sulung sultan, dengan sendirinya dialah yang layak menggantikan ayahandanya, bukan

berdasarkan kelayakan-kelayakan lain. Ini mempengaruhi peribadinya yang memberi kesan mendalam kepada pentadbirannya. Walaupun pada prinsipnya undang-undang patut dikuatkuasakan kepada semua, tetapi di dalam pelaksanaan, sebagaimana yang berlaku di Melaka, menampakkan bahawa hanya rakyat jelata sahaja yang 'dikawal' oleh undang-undang sedangkan ketua negara terlepas, bahkan dia lah yang 'mengawal' undang-undang. Akibatnya, banyak kejelekan yang dilakukan. Penyelewengan beginilah yang menyumbulkan banyak masalah pada akhir zaman kesultanan Melaka, misalnya keretakan hubungan pemerintah dengan orang bawahannya yang memberi kesan buruk kepada ketahanan dalaman kerajaan ini.

Pada saat-saat akhir ini juga keretakan antara bangsa-bangsa di Melaka mulai kelihatan, terutama antara Muslim keturunan Melayu-jati dengan Muslim keturunan Melayu India, seperti pergeseran antara pengikut-pengikut Laksamana (Melayu) dengan pengikut-pengikut Tun Mutahir (Melayu-India), (lihat Iskandar 22-23). Ini membantu lagi keadaan dan mempercepatkan kejatuhan Melaka pada tahun 1511 ke tangan Portugis yang mempunyai kelebihan di dalam teknologi senjata itu.

Kita tiada bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Nusantara telah diberikan kefahaman Islam yang menyeluruh - Islam sebagai cara hidup. Yang kita tahu ialah mereka hanya didekahkan kepada ilmu-ilmu asas Islam. Suasana begini merupakan 'tanah subur' untuk sekularisme berkembang selepas kedatangan Barat. Akibatnya, walaupun penjajah bukan Islam itu dibenci, tetapi *sistem* penjajah yang baru pada masyarakat kita ini tidak dibenci oleh mereka kerana tidak menyedari dan memahami bahawa ia bercanggah dengan Islam. Oleh itu walaupun penjajah telah diusir, mereka tidak turut mengusir penjajahan pemikiran ini. Kekalahan di dalam serangan pemikiran inilah kekalahan yang sebenar mereka, dan kesannya masih dirasai hingga sekarang.

## RUJUKAN

Adnan, A.H., "Sejarah Melayu Ditinjau Dari Sudut Struktur Sosial dan Politik Kerajaan Melaka", *Jurnal Sejarah*, K.L.: Jabatan Sejarah UM, 1973/74.

Arnold, T.W., *Preaching of Islam: A History of the Progation of Muslim Faith*, London: Constable and Company Ltd., 1913.

Bangnara, A., *Patani Dahulu Dan Sekarang*, (tr.) A.Patani dan A.Jala, Penal Penyelidikan Angkatan al-Patani, 1977.

Cortesao, A., *The Suma Oriental of Tome Pires*, 2nd.ed., series no. LXXXIX, vol.I and II, Hakluyt Society, 1944.

Fatimi, S.Q., *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963.

Hall, D.G.E., *The History of South-East Asia*, N.York, 1968.

Hamid, I., *Kesusasteraan Melayu Lama Dari Warisan Peradaban Islam*, P.J.: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1983.

Hamka, *Sejarah Umat Islam*, K.L.: Pustaka Antara, 1965.

Harrison, B., *South-East Asia: A Short History*, London, 1967.

Hashim, "Hukum Kanun dan Undang-undang Melayu lama Dalam Sejarah Kesultanan Melaka", *Jurnal Sejarah*, jld. XV, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, K.L., 1977/78.

Hurgronje, S., *Islam Di Hindia Belanda*, (tr.) Gunawan dan Taufik Abdullah, Jakarta: Bhratara, 1973.

Iskandar, Y., "Masyarakat Melaka 1400-1511 T.M. Dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-orang Asing", *Kongress Sejarah Malaysia*, UKM, Bangi, 10-12 hb.April, 1978.

Khoo Kay Kim, *Pensejarahan Malaysia*, K.L.: UM, 1975.

K.R.Hall, "State and Statecraft in Early Srivijaya", K.R.Hall and J.F.Whitmore, *Explorations in Early South East Asian Statecraft*, Michigan Papers on South and South East Asian, No.II, 1976.

Naguib al-Attas, S.M., *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, K.L.: DBP, 1969.

Naguib al-Attas, S.M., *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, K.L.: DBP, 1969.

Osman, M.T., dan Sham, A.H., *Warisan Prosa Klasik*, K.L.: DBP, 1978.

Al-Salih, S., *Politik Dan Pentadbiran Di Dalam Islam*, (terj.) Osman Hj. Khalid, K.L.: PKPIM, 1984.

Shaw, W., and Ali, M.K.H., *Malacca Coins*, K.L.: muzium Negara, 1970.

*Sejarah Melayu*, (ed.) W.G.Shellabear, Singapore: Malay Publishing House Ltd., 1948.

*Undang-undang Melaka*, (ed.) L.Y.Fang, The Hague: Martinus Nijhoff, 1976.

Van Leur, J.C., *Indonesian Trade and Society: Essays in Asian Social and Economic History*, the Hague, 1967.

Wake, C.H., "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", *JSEAH*, vol.5, pt.II, 1964.

Wilkinson, R.J., "The Malacca Sultanate", *JMBRAS*, vol.XIII, pt.2, October 1935.

Winstedt, R.O., *A History of Classical Literature*, K.L.: Oxford University Press, 1969.

Winstedt, R.O., *The Malays: A Cultural History*, London: Routledge & Kegan Ltd., 1961.

Winstedt, "The Tomb of Mansur Shah, Sultan of Malacca, 1459-1475 A.D.", *JSBRAS*, no.78 (1918).

dc: B43 Ring, Tam. Is. (Latest).

## **PERKEMBANGAN ISLAM DI MALAYSIA**

Dr. Shafie Abu Bakar

Konsep ilmu di dalam Islam.

Peranan dan sumbangan institusi pendidikan Islam pondok tradisional dalam sejarah pendidikan umat Islam di Malaysia.

### **1. Pendahuluan**

Pada umumnya, bila para pengkaji membicarakan tentang sejarah pendidikan di Malaysia, titik tolak selalunya dimulakan dari pembukaan sekolah-sekolah hasil dari kedatangan Barat. Ini memberi tanggapan seolah-olah sebelum kedatangan Barat tidak wujud sistem pendidikan formal di kalangan pribumi di negeri ini. Sesungguhnya jauh sebelum kedatangan Barat sudah ada sistem dan institusi pendidikan formal di negara ini yang berperanan mendidik masyarakat yang sesuai dengan konteks zamannya. Sistem pendidikan ini ialah sistem pendidikan Islam yang tumbuh berkembang bersama dengan berkembangnya agama Islam di negara ini. Pertumbuhan sistem pendidikan Islam ini adalah dari falsafah pendidikan yang wujud di dalam Islam itu sendiri. Falsafah pendidikan Islam ini mempunyai doktrin yang utuh yang tidak luntur digugat zaman dan sesuai pula dengan segala perubahannya. Masalah yang membedakan dari segi maju mundurnya pendidikan ialah masalah penerokaan, kaedah penyampaian dan masalah mempraktikkannya. Ia bergantung pada kemajuan teknikal, kemampuan intelektual dan penghayatan masyarakatnya. Sesungguhnya melalui tamadun dan peradabannya pendidikan Islam telah menghasilkan berbagai-bagai pendekatan pengajaran, melahirkan berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan dengan tokoh-tokoh ilmiawan terkenal di dalam lapangan masing-masing. Perkembangan Islam di Malaysia telah melahirkan suatu bentuk pendidikan yang mempunyai ciri-ciri khusus dan berperanan menyibarkan agama Islam di samping melahirkan tokoh-tokoh ulama dengan karya-karya penulisan mereka yang berperanan menanamkan nilai-nilai keislaman di tengah masyarakat. Sistem pendidikan yang pada zaman tradisi begitu terkenal itu dikenali dengan sistem "Pengajian Pondok".

### **2. Falsafah Pendidikan Di Dalam Islam**

Segala prinsip Islam - termasuklah pendidikan adalah bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Di dalam hal ini banyak sekali unsur-unsur falsafah pendidikan Islam dapat dipetik dari ayat-ayat al-Quran. Menurut al-Quran, Islam memandang tinggi orang yang berilmu sebagaimana firman Allah dengan maksud:

"Katakanlah adakah sama antara orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu?"

FirmanNya lagi dengan maksud:

"Allah mengangkatkan orang-orang yang beriman dari kalangan kamu dan orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan kepada beberapa darjat".

Oleh kerana pentingnya ilmu pengetahuan Allah menuntut supaya orang-orang Islam membaca dan menulis sebagaimana FirmanNya dengan maksud:

"Bacalah dengan nama Tuhan engkau yang mencipta. Dia Mencipta insan dari sekutul darah beku. Bacalah dengan nama Tuhan engkau Yang Maha Mulia. Yang mengajarkan dengan pena. Mengajar insan apa yang tidak diketahuinya".

Lantas digesa supaya orang Islam mencintai ilmu dan gemar mencari dan gemar bertanya dengannya sebagaimana firmanNya dengan maksud :

"Bertanyalah kamu kepada orang yang mengerti jika kamu tidak mengetahui".

Tujuan berilmu pengetahuan ialah untuk membentuk manusia yang bertaqwa lagi patuh kepada Allah sebagaimana firmanNya dengan maksud:

"Sesungguhnya yang patuh kepada Allah dari kalangan hamba-hambaKu ialah orang-orang yang berilmu".

Kalangan mereka inilah yang sesuai menjawat jawatan khalifah di bumi Allah sebagaimana firmanNya dengan maksud:

"Sesungguhnya Kami jadikan engkau khalifah di bumi".

Kerana insan yang sedemikianlah paling wajar mewarisi bumi sebagaimana firman Allah dengan maksud:

"Sesungguhnya bumi diwarisi oleh hamba-hambaKu yang salih".

Di samping ayat-ayat al-Quran di atas banyak pula hadith-hadith yang dapat dijadikan dasar falsafah pendidikan Islam yang selari dengan firman-firman Allah yang dipetik di atas. Syeikh Hussein Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari di dalam memperkatakan tentang kelebihan ilmu pengetahuan di dalam kitabnya yang berjudul *Usul-al-Tawhid* telah memetik antara maksud-maksud Hadith berikut bagi menguatkan hujahnya; bahawa Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

1. "Menuntut ilmu itu fardu ke atas orang muslim dan muslimah".
2. "Tuntut olehmu akan ilmu dari buaian hingga ke liang lahad".
3. "Tuntut olehmu akan ilmu walau ke Negeri China".
4. "Catat olehmu akan ilmu dengan tulisan".
5. "Ilmu itu perbendaharaan, kunci-kuncinya ialah soalan. Oleh itu soal olehmu sesungguhnya diberi ganjaran berhubungan dengannya empat orang iaitu orang yang bertanya yang mengetahui, yang mendengar dan yang kasih kepada semua mereka".
6. Seorang yang memahami ilmu itu lebih baik dari seribu hamba yang tidak berilmu".

7. "Menghadiri majlis ilmu itu lebih baik dari beribadat enam puluh tahun".
8. "Engkau berpagi-pagi pergi dan belajar satu bab dari ilmu lebih baik dari engkau bersesembahyang seratus rakaat".
9. "Orang alim itu orang yang dipercayai Allah di bumi ini".  
(Hussein Nasir, 1393H : 3-5)

Meneliti dari maksud-maksud firman Allah dan Hadith Nabi di atas kita dapat memahami beberapa prinsip pendidikan di dalam Islam iaitu Islam memberi kedudukan yang tinggi pada ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu lebih tinggi martabatnya di sisi Allah (sebenarnya juga di sisi masyarakat) dari orang yang tidak berilmu. Oleh kerana belajar (berilmu) itu penting untuk mengatas kejahilan, maka Islam mewajibkan penganut-penganutnya menuntut ilmu pengetahuan sekurang-kurangnya pada peringkat ilmu yang fardhu. Islam menekankan akan kepentingan pembacaan dan penulisan. Ianya menjadi isu terawal di dalam penurunan wahyu. Tuntutan mempelajari ilmu pengetahuan tidak terhad kepada bersifat tempatan, kalau perlu hendaklah ke luar negeri. Konsep tuntutan kepada pembelajaran di dalam Islam adalah merupakan tuntutan sepanjang hayat, kerana hanya dengan ilmu sahaja insan dapat memahami hakikat ciptaan Allah dan dengan memahaminya ia akan lebih mendekati Allah dan lebih tertanam di dalam jiwynya sifat taqwa. Sesungguhnya dengan ilmu manusia dapat menerokai, menguasai dan memakmurkan alam sesuai dengan tarafnya sebagai khalifah Allah di bumiNya, kepadanyaalah diamanahnya.

Islam meletakkan insan antara Allah dan alam pada tempat yang istimewa. Allah adalah hakikat tertinggi yang mutlak wujudNya. Dialah yang mencipta segala-galanya. Dilihat dari segi kosmologi insan adalah kejadian yang paling sempurna dan istimewa di antara ciptaan Allah. Ia merupakan titik tengah atau paksi atau intisari dari segala kejadian. Kelebihan ini menjadikannya sebagai khalifah dibumi Allah. Sebagai khalifah insan mestilah bertanggungjawab kepada Pencipta. Khalifah (ketua) hendaklah mengetahui dengan mendalam apa yang diketuainya (alam) iaitu menguasai ilmu pengetahuan supaya dia dapat menjalankan amanah Allah iaitu menjaga dan memakmurkan alam untuk kepentingan insan dan kesejahteraan alam. Tanggungjawab ini sama ada yang bersifat vertical atau horizontal memerlukan ilmu pengetahuan.

Kalau kita kaji dari sudut etimologi Islam, istilah "alam" mempunyai pertalian yang erat antara Pencipta dengan insan dan alam yang mana termasuk di dalamnya insan. Istilah alam adalah bertalian dengan istilah ilmu yang menjadi salah satu sifat Allah. Apa yang terkandung di dalam alam ini semuanya diketahui Allah tanpa terlindung dariNya sebarang zarah jua pun. Dihubungkan dengan makhluk Allah di dalam alam ini, sifat ilmu tidak dapat dinisbahkan kepada yang lain, kecuali pada manusia. Hanya insan yang mempunyai kemampuan mengetahui maklumat alam ini

sesuai dengan taraf yang diberikan kepadanya sebagai khalifah Allah. Sifat kekhalifahan ini tidak sempurna tanpa mempunyai sifat ilmu. Keilmuan ini termasuklah mengetahui persoalan metafizik termasuk ketuhanan dan keilmuan terhadap segala kandungan alam. Dari segi etimologi istilah yang berhubung dengan ilmu yang merupakan pecahan darinya dikaitkan dengan insan dan alam contohnya seperti istilah-istilah alim, ulamak, allamah, ilmiawan dan istilah-istilah alam, maklumat, ilmiah dan alamaiah. Ini menunjukkan bahwa insan sahajalah yang berdaya menakluk maklumat alam ini dengan ilmu. Dengan menguasai ilmu dan rahsia-rahsia alam yang dicipta Allah insan dapat menggunakan untuk kemanfaatan sesama manusia dan memakmurkan alam untuk kepentingan bersama. Ini sesuai dengan firman Allah bermaksud:

"Sesungguhnya bumi diwarisi oleh hamba-hambaku yang salih (21 : 105) sebagaimana telah disebut."

Dan puncak dari berilmu dan mengetahui rahsia Allah di dalam alam ini ialah terbentuknya insan yang patuh dan bertaqwa kepada Allah sebagaimana firmanNya yang telah disentuh bermaksud:

"Sesungguhnya yang patuh kepada Allah dari kalangan hamba-hambaku ialah orang-orang yang beriman". (35:28)

Keilmuan terhadap Allah dan pengetahuan terhadap hakikat alam yang mencerminkan keagunganNya, mencetuskan pula rasa penyerahan dan kepatuhan yang mendalam yang berkaitan pula dengan konsep Islam yang memberi rasa sejahtera dan selamat. Dengan pengetahuan yang mendalam terhadap Allah dan rahsia alam mengukuhkan lagi pegangan keimanan dan merasa aman dengan keyakinan yang dianuti dan mempunyai pertalian pula dengan konsep keimanan di dalam Islam. Dalam erti kata yang lain istilah Islam dan iman dengan maksud yang terdapat di dalamnya mempunyai pertalian yang erat dengan istilah ilmu dan insan itu sendiri (Shafie, 1979 : 15-18).

### 3. Kategori Ilmu

Konsep ilmu di dalam Islam sebenarnya merupakan suatu kesatuan yang integrated; tidak ada pemisahan antara satu ilmu dengan ilmu yang lain dalam maksud tidak ada ilmu Islam dengan ilmu yang tidak Islam. Setiap ilmu menuju kebenaran dan setiap ilmu jika didekati dengan perspektif Islam akan membuktikan kebenaran Allah dan menguatkan keimanan, namun begitu Islam melihat ilmu mempunyai martabat-martabatnya. Menurut susunannya ilmu yang paling atas adalah ilmu yang berhubung dengan ketuhanan (Ilmu Tawhid). Kedua ialah ilmu yang berhubung dengan kealaman yang diperlukan di dalam kehidupan individu dan masyarakatnya dan yang ketiga ialah ilmu yang diharuskan. Martabat-martabat ilmu tersebut dapat ditunjukkan sebagaimana berikut:

Ilmu Ketuhanan (Tauhid)

|

Ilmu Yang Diperlukan

|

Ilmu Yang Diharuskan

Dilihat dari sudut hukum, maka ilmu di dalam Islam dapat dikategorikan kepada ilmu yang wajib dipelajari (fardhu) iaitu ilmu yang berhubung dengan ketuhanan (Ilmu Tauhid). Yang kedua ialah ilmu yang dikategorikan sebagai fardhu kifayah, iaitu yang berhubung dengan keperluan insan di dalam kehidupan sama ada keperluan peribadi, masyarakat atau yang bersangkutan dengan keperluan yang berhubung suruhan Allah seperti keperluan bagi menyempurnakan keibadatan dan kategori ketiga ialah ilmu yang diharuskan dan ianya bukan merupakan keperluan mendesak. Kategori ilmu ini dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

Ilmi Fardhu

|

Ilmi Fardhu Kifayah

|

Ilmu Yang Harus

Kategori pertama yang merupakan ilmu wajib iaitu ilmu yang berhubung dengan ketuhanan (Tauhid). Ianya merupakan asas keimanan seseorang yang menyelamatkannya dari terjatuh ke lembah syirik. Adapun ilmu yang digolongkan ke bawah kategori kifayah ialah ilmu yang tanpanya mengganggu kepentingan umat Islam. Sebagai contohnya ilmu perubatan ia merupakan ilmu yang penting untuk kesejahteraan umat dari segi kesihatan jasmaninya. Demikian juga ilmu yang berhubung dengan perindustrian pembuatan kain, dengannya dapat menyelesaikan keperluan umat menyempurnakan penutupan aurat sama ada di dalam ibadat atau pakaian kebiasaan. Begitulah juga keperluan kepada ilmu yang berhubung dengan pertanian dan lain-lain lagi dari bidang ilmu yang menjadi keperluan umat. Tanpa pengusaha-pengusaha di dalam bidang-bidang yang diperlukan bagi menunaikan keperluan umat, maka seluruh masyarakat menanggung dosa. Manakala ilmu-ilmu yang dikategorikan di bawah bahagian harus ialah ilmu-ilmu yang tidak berkaitan dengan keperluan yang darurat bagi umat, tetapi tidak dapat dinafikan dari segi faedahnya misalnya ilmu-ilmu di dalam

lapangan kemanusiaan dan kemasyarakatan sebagai contohnya pengajian sastera, sejarah dan sebagainya.

Satu lagi bidang yang tidak dikategorikan dan sebenarnya patut dianggap bukan sebagai ilmu ialah ilmu-ilmu yang diharamkan kerana ia tidak berfaedah dan boleh memudarangkan manusia. Ini termasuklah sihir, perkara-perkara yang bersifat khurafat dan sebagainya. Perkara-perkara sedemikian tidak dapat memberi sumbangan intelektual dan kerohanian kepada individu dan masyarakat .

Dari satu sudut yang lain, keilmuan dalam Islam dapat dibahagikan kepada ilmu yang diterima secara penganugerahan dan ilmu yang dituntut menerusi akal fikiran. Ilmu yang pertama puncaknya ialah "Wahyu Ketuhanan " menerusi orang-orang terpilih iaitu Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul. Bagi manusia biasa pengalaman-pengalaman kecil tentang sesuatu yang dapat ditanggapi secara tak semena-mena khususnya berhubungan dengan persoalan kerohanian merupakan semacam pertunjukan (hidayah) kecil dari Allah. Keadaan seperti ini biasanya dialami oleh orang-orang yang bersih jiwanya. Penerimaan ilmu sedemikian adalah bersifat kejiwaan dan bukan bergantung pada rasional kekalahan. Oleh kerana wahyu adalah pertunjuk tertinggi melalui Rasul, maka prinsip yang diturunkan adalah tetap. Ia menjadi sumber hukum dan unsur nilai etika umat. Ianya terkawal dan tidak boleh diinterpretasi secara bebas tanpa panduan. Manakala keilmuan yang didasarkan pada akal, ialah ilmu yang tidak mutlak dan tidak terlepas dari unsur keraguan oleh kerana berdasarkan akal yang sifatnya mencari-cari dan tidak pasti. Sebab itu ilmu-ilmu yang berdasarkan pada akal haruslah berpedoman pada prinsip-prinsip nilai keislaman (al-Attas, 1397H : 10-17).

#### 4. Tradisi keilmuan di dalam Islam

Dalam sejarah tamadun umat, keilmuan Islam berkembang dari rahim peradabannya yang suci berdasarkan al-Quran dan al-Hadith dan penekanannya lebih pada keilmuan yang fardhu. Pusat pengajarannya ialah di masjid-masjid, manakala pada peringkat rendahnya berlangsung di kuttab dan Dar al-Quran. Guru yang mengajar ilmu Islam yang fardhu pada zaman Nabi termasuklah Sayyidina Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, Abdullah bin 'Umar, Abdullah bin Abbas, Zayd bin Thabit, Saydatina A'ishah, Mu'adz ibn Jabal, Abu al-Darda', Abdullah bin Salam dan Salman al-Farisi.(Semoga Allah meredhai Beliau sekaliannya).

Selepas dari zaman Nabi, ilmu fardhu berkembang luas hingga lahirlah ilmu-ilmu khusus yang ditimba dari al-Quran dan al-Hadith seperti ilmu fiqh, yang tokoh-tokoh terkenalnya ialah Imam Abu Hanifah (699 - 76), Imam Malik bin Anas (711 - 786), Imam Shafi'i (767 - 819) dan Imam Ahmad ibn Hanbal (779 - 855). Ilmu usuluddin pula dikembangkan oleh tokoh-tokohnya seperti Abu Hasan al-Ash'ari (873 - 935), Abu Mansur al-Maturidi (m. 944) dan Al-Tahawi (m. 942). Ilmu tafsir

didokong oleh tokoh-tokoh seperti Al-Tabari (m. 923) dan Ibn Kathir. Ilmu Hadith melahirkan tokoh-tokoh seperti Bukhari (m. 870), Muslim (m. 875) dan Al-Tirmidzi (m. 892). Ilmu tasauf disebarluaskan oleh tokoh-tokohnya seperti Al-Muhasibi (m. 837), Al-Junayd (m. 909), Al-Ghazali (m. 1111) dan Al-Shadhili (m. 1088). Mereka semua tergolong di bawah golongan penegak aliran ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Turut sama berkembang ialah ilmu-ilmu pembantu bagi ilmu-ilmu tersebut seperti ilmu nahu, saraf, balaghah, mantiq, mustalah dan lain-lain lagi.

Pada zaman berkembangnya tamaddun dan peradaban Islam terutama pada zaman kerajaan Abbasiah di Baghdad (750 - 1258) dan kerajaan Islam di Spanyol (750 - 1492M), ilmu-ilmu yang diperlukan (fardhu kifayah) dan ilmu-ilmu umum yang diharuskan turut sama berkembang pesat. Ini diusaha dan diteroka oleh umat Islam sendiri dan melalui terjemahan dari sumber-sumber Yunani, Parsi, India dan Mesir. Lahirlah ilmu falak yang ditokoiki oleh Abu Ma'shar, matematik dan algebra oleh al-Khwarizmi (m. 863), al-Battani (858 - 927) dan al-Biruni (m. 1051). Kimia oleh Jabir bin Hayyan (m. 766), perubatan oleh Al-Razi (m. 925), pelayaran oleh Al-Mas'udi (m. 956), sejarah oleh Ibn Khaldun, fizik oleh Ibn Al-Haitham (m. 1039). Juga lahir ilmu falsafah dengan tokoh-tokohnya Al-Kindi (m. 873), Al-Farabi (m. 958), Ibn Sina (m. 1037), Ibn Maskawayh (m. 1030), Ibn Bajah (m. 1138), Ibn Thufail (m. 1185) dan Ibn Rushd (1198) (Seyyed Hossein Nasr, 1984 : 41-58). Selain dari itu berbagai-bagai lagi ilmu pengetahuan turut berkembang dengan tokoh-tokoh yang pakar di dalam bidang-bidang berkenaan. Pokoknya segala bidang ilmu di atas diolah menurut perspektif Islam demi kepentingan umat, walaupun tidak dapat dinafikan timbulnya kontroversial di dalam setengah-setengah bidang ilmu pengetahuan - seperti ilmu falsafah. Kemajuan ilmu pengetahuan di dalam Islam yang pada asalnya berpusat di masjid telah tumbuh berkembang menjadi pusat-pusat pengajian tinggi bertaraf universiti misalnya universiti Qairawan dan universiti Al-Azhar yang dianggap tertua di dunia. Di samping itu pada zaman keemasan kerajaan Islam turut terdirinya sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti-universiti, hospital-hospital dan perpustakaan antaranya, maktab Nizamiah dan universiti-universiti Cordova, Seville, Malaga dan Granada (M.M. Shariff, 1970 : 35). Dengan kemajuan ilmu pengetahuan yang sedemikian umat Islam mencapai taraf tamaddun dan peradaban yang tinggi dan Eropah terhutang budi kerana berpeluang menikmati ilmu pengetahuan dari umat Islam dan memperluaskannya di dalam tamaddun dan peradaban Barat.

##### 5. Pengajian pondok dari perspektif pendidikan dan keilmuan Islam.

Pengajian pondok yang pernah berkembang di dalam tradisi pendidikan dan pengajian ilmu-ilmu keislaman di Tanah Melayu secara khusus dan alam Melayu pada umumnya adalah merupakan lanjutan kaedah pendidikan dan pengajian yang pernah

berlaku di pusat-pusat utama tamaddun dan peradaban Islam. Ianya juga berkembang dari pengajian yang berpusatkan masjid dengan penekanan pengajian terhadap ilmu-ilmu yang fardhu di samping ilmu-ilmu bantu yang lain. Dari sudut sejarahnya, bersama kedatangan Islam ke Tanah Melayu secara khusus dan ke alam Melayu secara umumnya iaitu sejak abad ke 13 Masehi telah turut sama dibawa corak pendidikan yang berdasarkan masjid. Ianya menjadi puncak pengajian yang bermula dari peringkat bawah yang berlangsung di rumah, rumah tok guru, lebai dan sebagainya. Masjid pula adalah bersifat terpusat sebagaimana terpusatnya ilmu-ilmu ketuhanan, iaitu terletak di tengah-tengah sesebuah kampung. Dari pengajian di masjid pelajar-pelajar boleh meningkatkan pengajian ke taraf yang lebih tinggi seperti pengajian di rumah ulama dan pengajian yang lebih tinggi ialah pengajian pondok yang berkembang dari sesebuah masjid yang biasanya maju dengan pengajian dengan wujudnya guru yang mursyid di situ. Pengajian pondok merupakan puncak bagi pengajian tempatan pada zaman tradisi yang memungkinkan pelajar meningkat ke pengajian yang paling puncak iaitu pengajian di Masjid al-Haram di Makkah (Shafie, 1980 : 6).

Dari sudut sejarah pondok menurut Hamka, semenjak awal kedatangan Islam, sudah wujud pengajian pondok di Pasai, ia merupakan pengajian pondok tertua di alam Melayu (Hamka, 1981 : 196). Demikian juga pengajian pondok juga wujud di Melaka, iaitu bertempat di Pulau Upih. Pengajian ini kemudiannya memuncak berkembang di Aceh pada abad ke 17 Masehi. Perkembangan pengajian ini telah melahirkan tamaddun dan peradaban yang tinggi di Aceh. Kemudian pada abad ke 18 Masehi pengajian pondok berkembang di Terengganu. Antaranya yang diketahui pada peringkat awal ini ialah Pondok Pengajian Tuk Pulau Manis (Syeikh Abdul Malik) (Shafie, 1976/77). Kemudian pada abad ke 19 hingga pertengahan abad 20 pengajian pondok merupakan fenomena pengajian yang umum berkembang terutamanya di negeri-negeri yang kuat dengan nilai keislamannya seperti Patani dimana terdapat beberapa pondok, antara yang diketahui ialah Pondok Na Pradu, Sla Molek, Padang Ru, Kerisik, Telubang dan Bendang Jelapang. Di Kedah terdapat Pondok Tuk Haji Ishak Pulau Pisang, Pondok Tuan Haji Muhammad Noor Langgar, Pondok Tuan Haji Muhammad Taib Titi Besi, Pondok Gajah Mati Pendang dan lain-lain lagi. Di Kelantan, antara pondok-pondoknya ialah Pondok Masjid Al-Muhammadi, Pondok Kenali, Kubang Krian, Pondok Ahmadiyah Bunut Payung, Pondok Tuan Haji Nik Mat Bacok, Pondok Haji Abdul Aziz Pasir Tumbuh dan lain-lain lagi. Di Terengganu pada peringkat yang lebih baharu seperti Pondok Haji Mat Lapuk di Serengas, Pondok Haji Abdul Hamid Kampung Tebaut, Nerus, Pondok Haji Hussein Kampung Lapu, Besut, Pondok Haji Muhammad Shafie Kampung Losong, Kuala Trengganu, Pondok Haji Muhammad bin Endut Bukit Bayas, Kuala Trengganu dan lain-lain lagi. Di Perak antaranya ialah Pondok Ma'had Ihya' al-Shariff, Gunung Semanggul, Pondok Al-

Diniah Kampung Dalang, Padang Rengas dan lain-lain. Di samping pengajian pondok sedemikian terdapat juga di negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu. Di Indonesia sendiri terdapat ribuan pengajian sedemikian yang dikenali dengan pengajian psantron. Menurut satu maklumat di Jawa Barat saja terdapat sejumlah 2,237 buah pengajian psantron (H.E.Z. Muttaqin, 1987 : 7).

## 6. Konsep pengajian pondok

Istilah pondok diambil dari kata Arab, yang bererti tempat tumpangan. Istilah di atas digunakan untuk ertikata moden bermaksud hotel. Istilah ini dipinjam dan menjadi perbendaharaan kata Melayu yang khusus bagi satu corak pengajian tradisi yang berorientasikan keagamaan, manakala dalam erti kata yang umum bermaksud sebuah rumah kecil yang bersifat sementara. Terbentuk sesebuah pondok pada asalnya ialah kerana wujudnya guru yang mursyid yang mengajar di sesuatu masjid, surau, balai atau madrasah. Ia merupakan guru yang mungkin pernah mendapat pendidikan di Mekah, Mesir, India atau pondok-pondok pengajian tempatan yang terkenal seperti di Patani, Kedah atau Kelantan. Kerana tertarik kepada pengajaran seseorang guru dan untuk mengikuti pengajaran seterusnya, terutama bagi pelajar-pelajar yang jauh, mereka datang menetap secara sementara di keliling masjid atau tempat-tempat pengajaran yang lain yang disebutkan dengan mendirikan bangunan-bangunan kayu yang kecil yang dikenali dengan pondok. Selain dari itu ada juga bentuk pengajian sedemikian sengaja didirikan sama ada dari inisiatif guru yang mahu mengajar di pengajian pondok tersebut atau dengan bantuan gotong royong penduduk-penduduk di sesuatu qaryah tertentu. Pengajian yang berpusatkan masjid sebagai titik tengah mencerminkan falsafah pengajian dan keilmuan Islam yang berorientasikan pendidikan kerohanian dan keibadatan secara praktikal.

Dilihat dari segi peranannya di dalam konteks zaman tradisi pengajian pondok memberi sumbangan yang besar di dalam mendidik masyarakat tradisi dengan nilai-nilai keislaman. Dari segi konsepnya ia merupakan bentuk pengajian berasrama terawal di negara ini. Ianya didirikan secara berdikari dan juga gurunya mengajar secara sukarela dengan mendapat nafkah dari harta persendirian, harta waqaf atau dari hasil-hasil zakat yang dikeluarkan. Para pelajarnya juga adalah berdikari dari segi kehidupan di dalam pengajian dengan mendapat bantuan dari ibu bapa atau bekerja sambilan di sawah atau mengambil upah tertentu atau turut sama menerima habuan zakat. Di dalam kehidupan di pondok pelajar-pelajar mengurus sendiri makan minum, mencuci pakaian dan menguruskan pondoknya.

Dengan wujudnya pengajian pondok seperti ini serta saluran-saluran pengajian yang lebih kecil di bawahnya telah menghapuskan fahaman orang-orang Melayu sebelum Islam yang menganggap bahawa ilmu itu penerimaan secara warisan keturunan dan yang layak mempelajarinya hanya dari kalangan pawang dan mereka yang

menguasai kesaktian - bukannya sebagai hak rakyat umum. Menurut konsep pendidikan Islam ilmu bukan menjadi hak orang tertentu, tetapi menjadi kewajipan yang menyeluruhan. Pengajian pondok menjadi salah satu institusi pengajian tinggi pada zaman tradisi yang setengahnya terus wujud hingga kini bagi menampung tuntutan ini. Pendidikan Islam merupakan pendidikan seumur hidup, maka pengajian pondok mempraktikkan falsafah pendidikan ini di dalam konsep pendidikannya. Dari segi kemastikan pelajar tidak ada sekatan had umur, sama ada yang sudah berkeluarga atau bujang.

## 7. Kurikulum pengajian pondok

Pengajian pondok lebih menekaikan ilmu-ilmu fardhu di samping ilmu-ilmu bantu . Ilmu- ilmu tersebut merupakan kepakaran bagi guru-guru yang menerima pendidikan di pusat-pusat pengajian seumpamanya sebelumnya, lagi pula ia merupakan ilmu-ilmu yang diperlukan oleh masyarakat tradisi semasa. Tidak berkembangnya ilmu-ilmu kifayah dan ilmu-ilmu umum pada masa itu sebagaimana pernah berkembangnya pada zaman kemuncaknya tamadun Islam oleh kerana ketiadaan pakar-pakar di dalam bidang-bidang berkenaan dan bukan merupakan keperluan semasa di dalam masyarakat yang bersifat tradisi. Lantas tanggapan tentang ilmu tidak meluas skopnya, ianya terhad kepada yang berorientasikan keagamaan, sedangkan konsep ilmu di dalam Islam adalah begitu luas seluas wujudnya segala ilmu di dalam berbagai-bagai bidang yang menyelaras diri dengan falsafah keilmuan Islam.

Pengajian yang ditekankan di dalam pengajian pondok ialah pengajian di dalam bidang-bidang Quran, usuluddin, usul fiqh, fiqh, tasauf, tafsir, hadith, mustalah, nahu, saraf, arud, qafiah, balaghah, miqat, falak, ubat-ubatan dan sastera yang berunsur Islam. Pengajiannya secara kasar boleh dibahagikan kepada dua tahap, tahap rendah yang menggunakan kitab-kitab berbahasa Melayu (jawi), manakala peringkat yang lebih tinggi menggunakan karangan-karangan berbahasa Arab. Contoh kitab-kitab berbahasa melayu di dalam ilmu usuluddin ialah karangan Muhammad Zain bin Al-Faqih Jalaluddin yang berjudul *Bidayat al-Hidyat*, karangan Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani yang berjudul *Faridat al-Fara'id*, karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang berjudul *Al-Durr al-Thamin*, *Al-Bahjar al-Mardiyyah*, dan *Jawahur al-Saniyyah*, karangan Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani yang berjudul *Aqidat al-Najin* dan *Miftah al-Murid* dan karangan Muhammad Ali bin Abdul Ghafur Kutan yang berjudul *Zahrat al-Murid*. Di dalam bidang fiqh pula biasa digunakan kitab-kitab karangan Syeikh Daud al-Fatani yang berjudul *Furu' al-Masa'il* dan *Munyat al-Musalli*, karangan Syeikh Muhammad Arshad Banjar yang berjudul *Sabil al-Muhtadin*. Karangan Muhammad bin Ismail Daud Patani yang berjudul *Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn* dan *Washah al-Afrah wa Asbah al-Falah*. Manakaia di dalam bidang tasauf pula ialah karangan Syeikh Abdul Maik bin Abdullah

Terengganu yang berjudul *Hikan Melayu*, karangan Syeikh Abdul Samad Palembang yang berjudul *Hidayat al-Salikin* dan *Siyar al-Salikin*, karangan Syeikh Daud bin Abdullah Patani yang berjudul *Kanz al-Minan 'ala Hikam Abi Madyan* dan *Minhaj al-Abidin* dan lain-lain. Di dalam bidang tafsir ialah karangan Syeikh Abdul Ra'uf Singkel yang berjudul *Tafsir Baydawi* dan tafsir yang dikarang oleh Uthman Jalaluddin yang berjudul *Anwar al-Huda wa Amtar al-Nada* yang mensyarahkan Tafsir Jalalayn. Di dalam bidang Hadith pula ialah karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani yang berjudul *Bulugh al-Muram* dan *Jam' al-Fawa'id wa Jawahir al-Qala'id* dan karangan Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi al-Azhari yang berjudul *Bahr al-Nadhi Bagi Mukhtasar Sahih al-Tirmidzi*. Di dalam bidang perubatan pula dipelajari karangan Awang Kenali yang berjudul *Kitab Mujarrabat* dan juga risalah ringkas berhubung dengan perubatan.

Bagi peringkat yang lebih tinggi dan bidang yang lebih luas digunakan kitab-kitab di dalam bahasa Arab misalnya di dalam bidang usuluddin digunakan *Hashiah al-Sharqawi* oleh Abdullah ibn Hijazi, *Hashiah al-Bajuri Matn al-Jawharah* oleh Ibrahim al-Bajuri, *Hashiah 'ala Sharh al-Risalat al-Samarqandiyyah* oleh Muhammad al-Hafnawi, *Sharh Futuhat al-Rashid 'ala Khulasat al-Tawhid* oleh Muhammad al-Hudayni al-Damanhuri, *Sharh al-Mukhtasar 'ala Fahm al-'Aqidat Imam al-Jami'* *Bayn al-Shari'ah wa al-Haqiqah* (*Muhammad al-Sanusiyah*) oleh Muhammad ibn Umar ibn Ibrahim al-Tilasani, *Tahsil Nayl al-Muram li Baya Manzumat 'Aqidat al-'Awwam* oleh Sayyid Ahmad al-Marzuqi dan *Hashiyah 'ala Sharh Imam al-Hudhudī 'ala al-Sanusiyat* oleh Abdullah al-Sharqawi dan lain-lain.

Di dalam bidang fiqh dan usul al-fiqh digunakan karangan-karangan seperti *Fawa'id al-Shanshuriyyah* *Sharh al-Manzunat al-Rahbiyyah* karangan Abdullah al-Shanshuri, *Sharh Waraqat* oleh Abu Abdillah Muhammad al-Mahalli, *Hashiyah 'ala al-Minhaj* oleh Ali al-Halabi, *Hashiah al-Bajuri* oleh Ibrahim ibn Ali al-Firuz Abazi, *Hashiah al-Khudari* oleh Muhammad al-Khudari, *Al-Iqna'* oleh Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *Kitab Hashiah al-Bujairimiyyah* oleh Sulayman ibn Umar al-Bujairimiyyah, *Kitab Al-Adhkar* oleh Yahya bin Sharaf al-Nawawi, *Fathu al-Wahhab* oleh Yahya Zakariyya al-Ansari, *Kitab Fath al-Mu'in* oleh Zainuddin al-Malibari, *Fath al-Qarib al-Mujib* oleh Ahmad ibn Husayn (*Abu Shuja'*) dan *I'anat al-Talibin* oleh Al-Sayyid al-Bakri.

Di dalam bidang tasyaaf digunakan kitab-kitab seperti *Sabil al-Muhtadin*, *Ihya' 'Ulum al-Din* dan *Bidayat al-Hidayah* karangan Al-Imam al-Ghazali, *Ghayth al-Mawahib al-Ilahiyat fi Sharh al-Hikam al-'Ata'iyyah* karangan Muhammad ibn Ibrahim, *Anis al-Muttaqin* karangan Faqir Hasan ibn Faqir Muhammad, *Tanbih al-Ghafilin* karangan Mansur ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Samarqandi, *Al-Risalat al-Qushairiyah* karangan Abu al-Qasim bin Hawazin, *Nuzhat al-Majalis* oleh Abdul

Rahman al-Safuri, *Jam' Usul al-Awliya'* oleh Ahmad al-Kamshakhanawi dan lain-lain lagi.

Di dalam bidang tafsir digunakan karangan-karangan seperti kitab *Tafsir al-Jalalayn* karangan Jalaluddin al-Sayuti bersama Jalaluddin al-Mahalli, *Tafsir al-Khatib* karangan Muhammad al-Sharbini al-Khatib, *Hashiyah al-Jamal 'ala al-Jalalayn* karangan Sulayman al-Jamal dan lain-lain lagi. Manakala di dalam lapangan Hadith digunakan kitab-kitab seperti *Majalis al-Saniyyah fi al-Kalam 'ala al-Arba'in al-Nawawiyah* oleh Ahmad ibn Hijazi al-Fazi, *Hashiyat 'ala al-Kitab al-Shama'il li al-Imam al-Tarmidhi* oleh Ibrahim al-Bajuri, *Al-Jawahir al-Baliyyah Sharh Arba'in al-Nawawiyat* dan lain-lain. Di dalam bidang mustalah digunakan karangan seperti *Hashiyat 'ala Matn al-Baqiqi* karangan Jad al-Mawla dan lain-lain.

Di dalam bidang nahu antara karangan-karangan terkenal yang selalu digunakan ialah *Matn al-Ajurumiyyat* karangan Sanhaji, *Hashiyat 'ala Matn al-Jurumiyyat* oleh Abdullah al-Uthmaniyy dan lain-lain sharh ke atas *Matn al-Jurumiyyat*, begitu juga digunakan *Qatr al-Nada wa Ball al-Sada* karangan Abdullah ibn Hisham al-Ansari dan lain-lain sharh terhadapnya, Kitab *Manhaj al-Masalik ila al-Fiyat Ibn Malik* karangan Abu al-Hasan Ali ibn Muhammad al-Ushumi dan banyak lagi sharh-sharh terhadap *Matn al-Fiyat*, kitab *Fath al-Malik al-Majid* karangan Ahmad al-Dairabi, *Hashiah 'ala Sharh al-'Allamat al-Ushmuni* karangan Muhammad ibn Ali al-Sabban. Didalam bidang saraf digunakan karangan seperti Kitab *al-Tasrif* karangan Abu al-Hasan Ali ibn Hisham al-Kaylani, *Matn al-Tasrif* karangan Al-Zanjani dan lain-lain. Di dalam bidang ilmu 'arud dan qariah untuk mempelajari kaedah dan timbangan puisi digunakan *Tashil al-'Arudi fi 'Ilm al-'Arud wa al-Qawaifi* karangan Ahmad ibn Imad, karangan Al-Muqaddimat al-Samarqandiyyah, karangan Ibrahim al-Bajuri dan lain-lain.

Di dalam bidang mantiq digunakan karangan *Al-Tadhhib fi Sharh al-Tadhhib fi al-Mantiq* karangan Abdullah ibn Fadillah al-Khadari, kitab *Sharh al-Sullam* karangan Al-Akhndari, *Hashiah 'ala Sharh al-Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari 'ala Matn Isaghuji fi al-Mantiq* oleh Hassan al-Attar, *Idah al-Mubham* karangan al-Shaykh Ahmad al-Damanhuri, *Hashiah al-Shaykh Mustafa 'ala Sharh Matruh al-Sulam fi 'Ilm al-Mantiq* karangan Mustafa al-Bulaq dan lain-lain. Di dalam bidang balaghah pula dipelajari seperti kitab *Al-Jauhar al-Maknun* karangan Al-Shaykh Makhluf al-Munyawi dan lainnya. Berhubung dengan miqat dan falak dipelajari kitab *Abu Ma'shar al-Falaki*. Di dalam bidang perubatan digunakan seperti kitab *Tashil al-Manafi fi al-Tibb wa al-Hikmah* karangan Ibrahim ibn Abi al-Rahman ibn Bakr al-Azraq, Kitab *Mujarrabat* oleh Ahmad al-Dayrabi dan risah-risalah berkenaan dengannya. Manakala di dalam bidang sastera dipelajari seperti kisah Isra' dan Mi'raj, Maulud Barzanji, nasyid, bacaan syair-syair dan kisah-kisah nabi (Shafie, 1976/77 : 474 - 580). Contoh-contoh kitab-

kitab di atas hanyalah sebahagian kecil sahaja dari senarai kitab-kitab yang dipelajari di pondok.

#### **8. Organisasi pentadbiran dan aturan**

Sesebuah institusi pengajian pondok, kadang-kadang berkembang dari pengajian di masjid dengan wujudnya guru yang mursyid yang biasanya mendapat didikan tinggi pengajian keagamaan seperti di Mekah, India, Mesir atau pengajian-pengajian pondok tempatan. Pengajian guru yang mursyid ini diikuti dengan kedatangan pelajar-pelajar mendiami secara sementara di keliling pusat pengajian dan ibadat itu. Dalam keadaan begini tapak pusat pengajian adalah tapak masjid yang menjadi harta wakaf. Tetapi setengah pengajian pondok didirikan oleh pengasas secara persendirian, oleh itu biasanya ia adalah merupakan milik persendirian atau milik institusi berkenaan khususnya apabila ianya didirikan hasil dari inisiatif orang ramai. Walau apapun sifat berdikari adalah menjadi ciri penting di dalam kelangsungan institusi berkenaan, ia tidak bergantung pada sumbangan pemerintah, tetapi pada harta wakaf atau harta milik institusi pengajian pondok itu. Biasanya guru yang memiliki pondok pengajian dan kawasannya boleh mendapat rezekinya dari hasil perkebunan di tanahnya atau dari tanah yang lain yang tanamannya seperti padi dan sebagainya di tanam secara bergotong royong oleh masyarakat setempat. Di samping itu guru-guru juga diberi hadiah dan hasil zakat. Pelajar juga sebagaimana disentuh berdikari, kalau tidak mendapat sumber bantuan dari kampung, mereka juga bekerja sambilan di sawah ladang di samping mendapat sedekah dan zakat.

Perjalanan sesebuah pondok pengajian biasanya tidak memerlukan satu organisasi pentadbiran dari lembaga luar, tetapi dikendali oleh guru dengan bantuan guru-guru pembantu yang antaranya dari kalangan pelajar-pelajar yang baik dalam pengajian di pondok itu juga. Di dalam pengajian pondok peraturan dan nilai-nilai yang berasaskan akhlak Islamiyyah amat ditekankan. Pelajar-pelajar dikehendaki menghadiri sembahyang jamaah setiap waktu di masjid atau madrasah yang menjadi pusat pengajaran. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan keluar dari kawasan pondok pengajian dan jika keluar hendaklah dengan pakaian khusus yang menjadi identiti pengajian pondok berkenaan. Biasanya berpakaian kain pelikat, berbaju Melayu dan berketayap. Walaupun kelihatan cara pentadbiran pengajian pondok agak sederhana, tetapi ia membawa satu prinsip penting iaitu berotonomi dan berdikari di dalam pentadbiran dan perjalanan pengajian tanpa digugat oleh mana-mana pihak.

#### **9. Kaedah pengajaran dan pembelajaran**

Penyusunan masa belajar di pengajian pondok semacam penyusunan jadual waktu yang dilaksanakan pada pusat-pusat pengajian tinggi kini dan semua pengajaran yang diajarkan di pengajian pondok tidak mestilah diikuti oleh semua pelajar, ia terpulang

pada tahap pengajian pelajar dan pilihan yang dibuat. Taburan jadual pengajaran adalah bertebaran dari subuh membawalah ke malam. Biasanya pengajaran dilakukan mengiringi sembahyang-sebahyang fardhu. Apabila selesai sembahyang guru mengajar dalam bentuk kuliah berdasarkan kitab-kitab tertentu. Murid-murid yang mengelilinginya dalam bentuk halaqah (bulatan) mendengar di samping menadah kitab. Masa pengajaran bersifat kuliah dijalankan pertanyaan tidak diajukan. Perbincangan dibuat di bawah bimbingan guru-guru penolong sama ada di tempat mengajar itu kemudiannya atau di pondok pembantu guru. Mereka seolah-olah tutor (pengajar) di dalam konteks pengajian tinggi kini. Tidak semua pengajaran yang mengiringi waktu sembahyang fardhu dikendalikan oleh guru utama, setengahnya dijalankan oleh guru-guru pembantu. Di samping pengajaran yang dilangsung di pusat utama pengajaran juga dilakukan oleh guru-guru pembantu di pondok-pondok mereka yang biasanya diikuti oleh pelajar-pelajar yang lebih rendah pengajian mereka. Pada hari-hari tertentu diadakan ia terbuka pada setiap minggu untuk diikuti oleh pendengar-pendengar yang datang dari kampung-kampung di persekitaran. Pengajaran diberi oleh guru utama dan juga pembantu-pembantu. Ramai atau sedikitnya guru-guru pembantu bergantung pada ramai atau sedikitnya pelajar-pelajar. Pondok-pondok yang maju mungkin mempunyai ratusan pelajar yang memerlukan berpuluhan guru pembantu.

Penyusunan pelajaran mengikut jadual yang diatur misalnya selepas sembahyang Subuh mungkin dipelajari usuluddin dan diikuti dengan fiqh hingga waktu duha, kemudian pelajar-pelajar rehat atau mengikuti pengajian di bawah bimbingan pembantu-pembantu guru di dalam pelajaran-pelajaran tertentu. Selepas menuaikan sembahyang zuhur dipelajari umpamanya pelajaran nahu dan saraf, selepas Asar dipelajari tafsir dan hadith dan selepas Maghrib hingga Isyak dipelajari tasauf. Pelajaran pada hari-hari berikutnya mungkin disusun dengan pelajaran-pelajaran yang lain kecuali hari minggu yang biasanya hari Jumaat di mana pada malamnya pelajar-pelajar berlatih berzanji, marhaban, qasidah, nasyid dan sebagainya sebagai kegiatan tambahan. Ini perlu oleh kerana pelajar-pelajar selalu dijemput oleh orang-orang kampung untuk upacara-upacara tertentu seperti perkahwinan dan perayaan-perayaan seperti Maulud Nabi dan sebagainya di mana mereka memperdengarkan kebolehan mereka di dalam bidang-bidang di atas. Biasanya di dalam bulan Ramadhan, pengajian pondok ditutup sepenuhnya dan pada masa inilah pelajar pulang mempraktikkan apa yang dipelajarinya di kampung mereka.

Di dalam menyampaikan pengajaran, terdapat beberapa kaedah penyampaian iaitu cara pertama dinamakan cara muhadarah iaitu guru menyampaikan pelajaran dengan berkuliah berdasarkan kitab-kitab tertentu dan pelajar-pelajar mengelilinginya secara bersila dalam bentuk bulatan (halaqah) di samping itu mereka mencatat hal-hal pelajaran yang dikuliahkan. Cara kedua ialah secara bermunazarah, iaitu menerusi

perbincangan. Cara ini bertujuan untuk melatih pelajar-pelajar berhujah untuk menambah lagi kecerdasan akal mereka, mereka juga digalakkan mengeluarkan pendapat mereka walau pun bertentangan dengan pendapat guru. Biasanya cara demikian di buat di bawah bimbingan guru-guru pembantu kanan. Cara ini dicontohi dari munazarah antara Hasan Basari dengan muridnya Wasil ibn Ata yang mempelopori aliran Muktazilah. Cara ketiga ialah penyampaian bersama pembantu. Menurut cara ini guru menggunakan pembantu (*mu'ad*), pada permulaannya guru menyampaikan matan kuliahnya dan matan ini disyarah oleh pembantunya, guru akan menambah mana yang kurang atau membetulkan mana yang dianggap kurang tepat. Cara ini digunakan oleh Syeikh Tabari dengan guru pembantunya (tutornya) Abu Ishaq Shirazi. Dan cara keempat ialah cara bebas di mana para pelajar bebas untuk memilih matapelajaran dan guru yang mereka suka untuk mengikuti pengajaran.

Walau bagaimanapun dibandingkan dengan kaedah penyampaian kini ianya mempunyai kekurangan-kekurangan umpamanya pengajarannya lebih bergantung pada kitab-kitab tertentu tetapi tidak dari pengambilan dari berbagai sumber, penerangan pula lebih bersifat iisan tanpa menggunakan alat tulis yang boleh dipandang. Kemahiran menulis para pelajar menerusi amalan mencatatkan keterangan-keterangan guru yang biasa ditulis di tepi helaian kitab atau di antara barisan-barisan tulisan kitab. Cara ini dikenali dengan istilah 'dhabit'. Orientasi pengajiannya pula lebih bersifat menghafal terutama terhadap matan-matan bagi sesuatu pelajaran misalnya menghafal Matan Al-Fiyah bagi nahu, Matan Sullam bagi mantiq, Matan Jawharah bagi ilmu Tauhid (usuluddin) dan sebagainya. Kadang-kadang aspek kefahaman diabaikan meskipun diingati. Di samping itu pengajian berbentuk pengajian pondok ini amat bergantung pada minat pelajar tanpa diwujudkan sekatan peningkatan, maksudnya tidak ada peperiksaan bagi menilai pencapaian pelajar, kemajuan pelajar terpulang kepada inisiatif mereka sendiri. Sebab itu setengah pelajar terpaksa berada di pengajian pondok begitu lama dibandingkan dengan masa yang sepatutnya mereka dapat menguasai bidang-bidang pengajian. Pelajar yang keluar dari pengajian berkenaan tidak diberi ijazah secara formal sebagaimana yang diberikan oleh pusat-pusat pengajian kini. Ijazah sebenarnya bagi mereka ialah pengiktirafan masyarakat terhadap kebolehan mereka membimbing masyarakat dengan keilmuan yang diterimanya.

Di dalam pengajian pondok sebagaimana yang disentuh antaranya menggunakan kitab-kitab berbahasa Arab, sebab itu pengajian nahu dan saraf amat ditekankan, namun begitu walaupun diakui pelajar-pelajar pengajian pondok mendalam di dalam ilmu nahu dan saraf dan dapat memahami kitab-kitab bahasa Arab dengan baik, tetapi mereka amat lemah untuk bercakap dalam bahasa tersebut kerana mereka tidak mempraktikkannya di dalam pertuturan. Pada umumnya kebanyakan institusi pengajian pondok mempunyai sejumlah koleksi kitab-kitab yang biasanya dimiliki oleh guru-guru dan untuk

penggunaan mereka sahaja. Mereka tidak memikir bagi mewujudkan kutubkhanah (perpustakaan) untuk kepentingan pelajar-pelajar keseluruhan, pada hal usaha mendirikan perpustakana ini dilakukan pada zaman keemasan Islam. Pengajian berbentuk pondok jua amat prajudis terhadap sebarang kegiatan sukan (riadah) kerana dianggap melalaikan dan berdosa, tetapi tidak ada penyusunan teratur untuk kepentingan kesihatan badan pelajar misalnya dengan mewujudkan perkebunan yang diusahakan secara kolektif supaya pelajar-pelajar bekerja mengeluarkan peluh di samping mendapat hasil dari kegiatan tersebut.

## 10 Keistimewaan

Meskipun apa yang disentuh di atas setengahnya boleh disifatkan sebagai kelemahan, tetapi perlulah disedari adalah tidak wajar untuk melihat pengajian pondok di dalam konteks kini secara bandingan dengan kemajuan pengajaran dan pembelajaran sekarang. Sebanarnya di dalam konteks tradisi pengajian ini adalah merupakan cara terbaik dan termaju pada zamannya ianya berperanan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan menanamkan nilai-nilai keislaman di kalangan mereka. Pengajian sedemikian pada awalnya adalah mencontohi pengajian yang berlaku di Masjid al-Haram di mekah. Dari pengajian sedemikian bukan saja mewujudkan pengajian pondok, tetapi juga berkembang menjadi pusat pengajian tinggi bertaraf universiti seperti pengajian yang berasal dari masjid yang meningkat ke taraf universiti seperti Universiti Qairawan dan Universiti Azhar. Kalau kita perhatikan banyak ciri-ciri pengajian pondok diambil baik secara langsung atau tidak langsung dan digunakan di dalam kaedah-kaedah pengajian moden misalnya aspek berdikari dan sifat autonomousnya seboleh-bolehnya mahu diperaktikkan oleh pengajian tinggi kini. Dengan kebebasan yang ada penerokaan terhadap ilmu pengetahuan tidak diganggu oleh kepentingan-kepentingan yang lain - seperti kepentingan politik dan sebagainya. Pengajian pondok boleh disifatkan sebagai pengajian berasrama sepenuhnya dan ia merupakan bentuk pengajian berasrama tertua di negeri ini. Konsep pengajian seperti ini diikuti terutama pada peringkat menengah dan pengajian sekolah berasrama adalah pengajian yang popular dan termaju. Namun dibandingkan dengan konsep asrama di pondok pelajar-pelajarnya jauh lebih berdikari dari pengajian berasrama di sekolah-sekolah kini. Pusat-pusat pengajian tinggi juga mempraktikkan konsep pengajian berasrama sedemikian. Pada pengajian pondok kita dapati taburan jadual pengajarannya berlangsung dari waktu Subuh hingga ke malam dan pelajar-pelajarnya mengikuti dan memilih pelajaran mengikuti taraf kemampuan dan minat mereka di dalam bidang-bidang pelajaran berkenaan. Di dalam pengajaran moden juga trend sedemikian diikuti cuma mereka dikenakan sekatan peperiksaan berasaskan keperluan-keperluan unit yang perlu dipilih. Di dalam pengajian pondok falsafah menuntu ilmu adalah kerana Allah dan ilmu yang dipelajari itu ialah kerana kepentingan ilmu itu di dalam

meningkatkan martabat insan sebagaimana firman Allah yang telah disentuh, ini berlainan dengan pengajian keilmuan moden yang lebih bertujuan untuk mencari ganjaran kewangan. Dari sudut pendidikan pengajian pondok sesungguhnya berjaya membentuk konsep pendidikan yang sebenarnya kerana keilmuan yang dipelajari diperaktikkan di dalam kehidupan. Sebagaimana ilmu-ilmu yang dipelajari mereka memusatkan kepada hubungan kepada Allah maka keilmuan ini digunakan di dalam kehidupan dan ibadat mereka yang berpusatkan masjid atau madrasah. Dalam kata lain dirinya yang berpusatkan hati yang sentiasa dibersihkan menerusi pendidikan yang dilalui menerusi pusat pengajian yang berlangsung di masjid atau madrasah kesemuanya akhirnya tertuju memusatkan Allah. Hasil dari pengajian tradisi kita dapat banyak pengistilahan yang merujuk kepada ilmu dan kaedah pengajian yang digunakan di dalam pendidikan moden. Ambil saja contoh umpamanya kuliah, makmal, jadwal, darjah, kursi, ilmiah, ilmu, maklumat, muzakarah, syarah, mutala`ah, hafaz, kutubkhanah, ustaz, ijazah, daftar, fakulti, hisab, kitab, kalam dan berbagai-bagai lagi.

Sesungguhnya pada zaman tradisi institusi pengajian pondok telah menjadi institusi pendidikan intelektual masyarakat. Keluaran pengajian sedemikian pada masa itu berperanan dalam memimpin masyarakat baik bertaraf ketua kampung, alim ulamak, imam dan sebagainya menerusi pengajian sedemikian yang merupakan pengajian tertinggi pada zaman tradisi ilmu pengetahuan keislaman tersebar dan mengukuhkan nilainya di tengah masyarakat. Dilihat dari sudut kelanjutan keilmuan, institusi pengajian pondok telah melahirkan ramai barisan-barisan ulamak terkenal bukan saja mengajar berbagai-bagai bidang keilmuan, tetapi mereka telah menghasilkan karangan-karangan kitab di dalam bahasa Melayu (jawi) di dalam berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan keislaman. Antara mereka adalah merupakan kelahiran dari sistem pengajian pondok sama ada seperti di Aceh, Patani dan negeri-negeri Melayu yang lain yang terkenal dengan ciri-ciri keislaman. Antara mereka boleh disebut seperti Syeikh Abdul Rauf Singkel, Muhammad Zain bin Al-Faqih Jalaluddin dari Aceh, Syeikh Abdul Malik bin Abdullah dan Syed Abdul Rahman bin Syed Muhammad dari Trengganu, Syeikh Daud bin Abdullah dan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad dari Patani, Syeikh Abdul Samad dari Palembang, Syeikh Muhammad Arshad dan Syeikh Muhamimad Nafis dari Banjar, Syeikh Muhammad Salih bin Umar dari Semarang, Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Salih (Tuan Tabal) dan Syeikh Muhammad Ali bin Abdul Ghafur (Kotan) dari Trengganu, Tuan Hussein Nasir bin Muhammad dari Kedah dan lain-lain lagi (Shafie, 1977 : 569 - 581).

Sebagai kesan dari perkembangan keilmuan pengajian pondok yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengajaran dan pengarangan, kitab-kitab berbahasa Melayu (jawi) secara tidak langsung telah menyuburkan perkembangan bahasa Melayu dan meningkatkannya menjadi bahasa ilmiah yang mampu mendukung

berbagai-bagai istilah ilmu pengetahuan (Naguib, 1972 : 42). Dengannya memperkuatkan bahasa Melayu menjadi bahsa yang menyatupadukan masyarakat di rantaui alam Melayu yang menganut agama Islam hingga bahasa tersebut menjadi salah satu bahsa terbesar umat Islam. Menerusi Islamlah bahasa Melayu berkembang dan kini menjadi bahasa resmi di Malaysia, Indonesia dan Brunei.

## 11. Kesimpulan

Pengajian Agama Islam sistem pondok sebagaimana disentuh telah berjaya menjadi institusi pendidikan yang penting di dalam menyibarkan ilmu-ilmu keislaman pada zaman tradisi. Dilihat dari segi konsep dan falsafah keilmuan dan pendidikan di dalam Islam sebagaimana telah dibicarakan pada permulaan, jelas bahawa orientasi pendidikan yang ditumpukan oleh pendidikan Islam pengajian pondok adalah lebih bersifat penumpuan pengajian terhadap ilmu-ilmu keagamaan atau ilmu-ilmu yang lebih menekankan keilmuan fardhu, kurang dari keilmuan kifayah dan yang diharuskan yang juga berperanan di dalam kehidupan masyarakat.

Kalau kita kembali kepada sejarah perkembangan peradaban dan keilmuan Islam, ilmu-ilmu yang berhubung dengan keilmuan umum sebenarnya turut sama diteroka, tetapi tidak sedemikian nampaknya pada pengajian pondok. Ini ialah kerana masalah sejarah yang dialami oleh umat Islam sejak kemundurannya yang lari dari memberi perhatian terhadap keilmuan yang sedemikian dan terarah kepada keilmuan keagamaan semata-mata. Ini ialah kerana perbalahan falsafah dengan agama sehingga ilmu-ilmu yang tidak ada hubungan dengan falsafah yang di dalam kategori umum juga ditolak. Secara kebetulan Islam berkembang di alam Melayu selepas zaman kemunduran umat Islam, jadi pandangan yang sedemikian sedikit sebanyak turut terpengaruh yang tercermin di dalam orientasi pengajian pondok. Pandangan ilmu secara global sebenarnya terangkum di dalam falsafah Islam sebagaimana dibincangkan. Kemajuan ilmu pengetahuan secara menyeluruh yang pernah dicapai oleh umat Islam pada zaman keagungannya di Timur Tengah telah terpercik ke Barat dan mereka telah memperkembangkannya terutama di dalam bidang keilmuan umum. Hasil dari kegigihan mereka telah maju di dalam keilmuan berkenaan yang membentuk tamadun mereka itu. Kehadiran keilmuan moden yang berasal dari rahim tamaddun Islam dengan pendekatan yang saintifik dengan kaedah dan peralatan yang lebih sempurna dan canggih, serta dengan dokongan pihak pemerintah (penjajah) dan pengiktirafan terhadapnya memundurkan pengajian pondok, bahkan boleh dikatakan pupus. Walaupun ada yang cuba mengubah dan menyesuaikannya kepada bentuk pengajian sekolah, tetapi tidak dapat menandingi sekolah-sekolah yang didirikan oleh pemerintah. Kepupusan ini bukan dari kerana lemahnya falsafah dan konsep pendidikan Islam, tetapi oleh faktor-faktor pendekatan, pengiktirafan, ekonomi dan kemasyarakatan akibat dari penjajahan.

## 12. Penutup

Sebagai pengakhiran dapatlah dikatakan bahawa pengajian pondok yang pernah berkembang sebagai institusi pendidikan penting pada zaman tradisi dapatlah dijadikan sebagai akar kepada sistem pendidikan masyarakat Melayu dan sejarahnya menjadi kebanggaan masyarakatnya. Walaupun dibandingkan sistem pengajian pondok dengan kemajuan pendidikan kini, pengajian pondok sudah jauh ketinggalan, namun dari segi falsafahnya tetap utuh. Di dalam menghadapi tantangan moden perspektif ilmu dan falsafahnya dari sudut keislaman hendaklah dilihat secara menyeluruh merangkumi semua bidang ilmu (Ismail Al-Faruqi, 1982). Pencapaian ini boleh dilakukan dengan penilaian kembali terutama ilmu-ilmu yang bercanggah pendekatannya dengan nilai Islam kepada nilai yang bersesuaian dengan Islam. Kesedaran terhadap pentingnya digubal suatu sistem pendidikan bernalai Islam yang dapat mengatasi sistem pendidikan sekular telah mulai dilakukan oleh beberapa kalangan yang berwibawa mulai dari peringkat idea seperti seminar-seminar pada peringkat nasional (Kamal Hassan, 1978) dan pada peringkat antarabangsa seperti Seminar Antarabangsa kali pertama mengenai Pendidikan Islam yang berlangsung di Universiti King Abdul Aziz Jeddah pada tahun 1977 dan hasil darinya telah dikeluarkan beberapa siri buku tentang pendidikan Islam. Dan dalam rangka pelan yang lebih menuju kepada sifat yang praktik pihak International of Islamic Thought telah menyusun rangka kurikulum keilmuan menurut perspektif Islam (Ismail R. Al-Faruqi, 1402/1982). Bahkan usaha-usaha yang timbul dari keinginan yang kuat telah memperlihatkan hasilnya bilamana kita dapatilah telah lahirnya beberapa buah universiti Islam di beberapa buah negara Islam termasuklah di Malaysia. Ini semua haruslah dilihat sebagai sambungan dari institusi-institusi pendidikan Islam yang telah wujud di dalam peradaban umatnya dan kelangsungannya bertujuan menemenuhi keperluan ilmu sebagai yang dituntut oleh Islam sebagaimana yang tercermin di dalam falsafah pendidikannya.

## BAHAN-BAHAN RUJUKAN.

Al-Attas, Syed Muhammad al-Naguib (edt.), *Aims And Objective of Islamic Education*, Jeddah, King Abdul Aziz University, 1979.

Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972.

Al-Attas, Syed Muhammad Naguib, Knowledge and Non-Knowledge, Islam, *Journal of the Dargawi Institute*, Number 2, 1397H.

Hamka, *Dari Perbendaharaan Lama*, Kuala Lumpur, Pustaka Antara, 1981.

H.E.Z. Muttaqien, Peranan Perguruan Tinggi Swasta Dalam Menghadapi Tentangan Pembangunan Indonesia, kertas kerja seminar Islam di pusat-pusat pengajian tinggi Asean yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia dari 2 - 5 Disember, 1978.

Hussein Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari, Usul al-Tawhid, Pulau Pinang, The United Press, 1393H.

Ismail R. al-Faruqi, *Islamization of Knowledge*, Washington, Institute of Islamic Thought, 1402/1982.

Kamal Hassan, "Beberapa pengamatan umum tentang ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pengajian Islam dalam konteks pembangunan negara", Seminar Islam di pusat-pusat pengajian tinggi Asean, berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia dari 2 - 5 Disember, 1978.

Shafie Abu Bakar, *Institusi Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Satu corak pengajian tradisi di Terengganu) dan kitab-kitab padanya*, Tesis Sarjana di IBKKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Sesi 1976.77.

Shafie Abu Bakar, "Ke arah pembaikan dan pengembangan sistem pendidikan pondok di Malaysia", kertas kerja Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan anjuran Kerajaan Negeri Kelantan dan KKBS yang berlangsung di Kota Bharu, Kelantan dari 12 - 15 April 1980.

Shafie Abu Bakar, Kedudukan Insan Dalam Pemikiran Islam, *Dewan Budaya*, Disember, 1979.

Shafie Abu Bakar, Tokoh-tokoh Penulis Islam Nusantara, *Dewan Bahasa*, Jil. 11 September 1977.

dc:B44 Perkemb. Islam di M'sia.

## PERKEMBANGAN POLITIK DI TANAH MELAYU DAN MALAYAN UNION

Surtahman Kastin Hasan

### A. MALAYAN UNION

#### Latar belakang:

Penjajahan kuasa British di Tanah Melayu telah berjalan menerusi 3 abad - sejak abad ke 18 sehingga abad ke 20 secara berperingkat-peringkat. Bermula dengan perjanjian dengan penguasa tempatan (raja-raja) beralih kepada menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah naungan (di bawah pentadbiran Tentera British) dan akhirnya menjadikannya sebagai tanah jajahan - taklukan (kerajaan Mahkota Inggeris), menunjukkan bahawa minat British ke atas Tanah Melayu adalah besar sekali.

Hasil bijih timah dan getah telah menjadikan British merasa terlalu kasih dan merasakan gengamannya ke atas Tanah Melayu perlu diperkuuhkan. Sumbangan hasil-hasil tersebut kepada perbendaharaan British adalah merupakan penyambung nyawa kuasa besar tersebut.

Kedatangan Jepun menghamparkan British. Bukan saja kuasa barat tersebut gagal menahan kemaraan Jepun, bahkan kedatangan tersebut memberi suasana yang berbeza kepada penduduk Malaya. Menjadikan rakyat lebih matang dan berani dalam politik. Oleh sebab itulah apabila Jepun berundur dan menyerah kalah kepada kuasa Berikut, kedatangan semula British ke Tanah Melayu ini menghadapi reaksi yang jauh berbeza daripada masa sebelumnya. Malayan Union yang dibawa oleh Inggeris selepas saja selesai perang dunia ke 2, merupakan satu kesilapannya dan jauh dari kena pada masanya.

#### Gagasan Malayan Union

Sejak kejatuhan Singapura lagi (1942) Inggeris telah memikirkan satu rancangan perlombagaan baru bagi Tanah Melayu apabila diduduki semula nanti. Pada tahun 1943 satu memorandum telah dihantar ke pejabat jajahan antaranya dari Association Of British Malaya dan dari Dato Tan Cheng Lock yang mana secara kasarnya cadangan ini adalah berpokokan untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai satu unit politik.

Gagasan Malayan Union hendak menjadikan Tanah Melayu dari naungan kepada Tanah Jajahan (menakluki terus) jelas dengan penyerahan kuasa raja-raja Malaya kepada Kerajaan Mahkota British. Kekuasaan raja-raja Melayu dikurangkan. Sembilan buah negeri di Negeri Melayu, Pulau Pinang dan Melaka dijadikan satu unit politik dan pentadbirannya di bawah seorang gabenor British secara kerajaan berpusat (K.L). Di samping itu pentadbiran Gabenor dibantu oleh sebuah Majlis Mesyuarat

undangan dan Majlis Mesyarat Kerja. Majlis Mesyuarat Undangan berkuasa mengubah dan membatal undang-undang. Begitu juga gabenor berkuasa mengubah/batal undang-undang tanpa perlu izin Sultan-sultan. Raja-raja (Majlis raja-raja) sebagai penasihat Gabenor jika diminta. Sultan/raja Melayu hanya tinggal nama saja. Haknya hanya ke atas Ugama Islam bagi setiap negeri saja. Dari segi kerakyatan lunas Jus Soli telah digunakan. Barang siapa yang dilahirkan di Tanah Melayu selepas penubuhan Malayan Union adalah layak untuk menjadi rakyat. Bagi penghijrah-penghijrah pula persediaan kerakyatan yang mudah disediakan/diadakan untuk mereka (10-15 tahun menetap). Orang Melayu akan kehilangan kedudukan istimewa mereka.

Singkatnya masa antara pengumuman gagasan ini di akhbar-akhbar dengan ketibaan Harold Mac Michael ke Tanah Melayu telah menunjukkan bahawa Inggeris tak memberi peluang langsung kepada raja-raja Melayu untuk berfikir dan berunding/mengkaji perlembagaan baru itu. Ini ditambah lagi dengan cara-cara Michael mendapatkan tandatangan dari raja-raja.

Tentangan-tentangan mula tumbul, akhbar-akhbar Melayu mengecam Malayan Union ini. Jadi akibat langsung Malayan Union ialah tumbuhnya parti-parti politik Melayu. Pada 24hb. November 1945, lapan buah pertubuhan di Johor telah bergabung dan menubuhkan Ikatan Melayu Negeri Johor. Pada 3hb. Januari 1946 satu Gerakan Melayu Semenanjung Negeri Johor muncul di bawah pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

#### Penentangan Malayan Union

Terdapat dua dorongan terpenting ke arah penentangan ke atas kuasa penjajah umumnya dan ke atas Malayan Union khususnya; iaitu kesedaran Islam dan pendudukan Jepun.

Sebahagian ahli sejarah tempatan menghujahkan bahawa gerakan memperjuangkan kebebasan tanah air dan gerakan Islah ke atas umat Islam khususnya adalah didorongkan secara langsung dari Mesir yang dibawa ke negara ini menerusi pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di sana. Bahkan semasa belajar di sana pun pelajar-pelajar Malaysia telah pun menjalani gerakan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar. Mereka mengeluarkan berbagai-bagai majalah yang diantar pulang ke Tanah Air. Kepulangan beberapa pelajar seperti Sayid Syeikh Al Hadi, Syeikh Tahir Jalaludin dan Haji Abbas Moh Tahir dan lain-lain telah mengerakkan usaha dan perjuangan Islam secara langsung di tanah air. Gerakan ini bermula kira-kira dalam dekad pertama kurun masehi ke 20 ini. Mereka telah menerbitkan majalah Al Imam (1906), majalah Al Ikhwan (1926), Idaran Zaman (1925), Saudara (1928).

Golongan islah Islam berpendapat bahawa Islam bukanlah sebagai unsur yang bertanggungjawab melemahkan umat Islam. Tapi mereka berpendapat kelemahan umat Islam sehingga boleh diperalatkan dan diperbodohkan oleh orang barat/penjajah adalah disebabkan penganutnya yang tidak mengikuti ajaran Islam yang betul.

Bibit kesedaran yang ditanam oleh gerakan Islam ini, telah mendorong masyarakat Islam menubuhkan berbagai-bagai persatuan untuk memajukan masyarakat Islam. Persatuan Melayu yang pertama yang bercorak politik secara nyata ialah Kesatuan Melayu Malaya (KMM) pada Mei 1937.

Kalau kesedaran Islam merupakan pendorong kepada penubuhan parti-parti politik dewasa itu, maka begitulah juga dengan kedatangan Jepun ke negara kita ini. Pendudukan Jepun adalah merupakan faktor kedua menjadikan bertambah luas dan menyeluruh semangat Kebangsaan Melayu. Jepun telah mengajar orang-orang Melayu supaya anti penjajah Barat khususnya bagi Tanah Melayu ialah Inggeris. Dan teknik yang digunakan untuk mencapai matlamat ini ialah dengan memberikan semangat cintakan bangsa ke dalam hati orang-orang Melayu. Supaya orang-orang Melayu akan bekerjasama dengan Jepun bagi menghadapi musuh yang sama iaitu Inggeris. Ini adalah satu muslihat Jepun. Jadi tak hairanlah mengapa Jepun memberi galakan kepada orang-orang Melayu supaya menubuhkan parti-parti politik dan menganjurkan supaya orang-orang Melayu melibatkan diri dalam politik, malah ada setengah-setengah pertubuhan, Jepun yang menajanya untuk orang Melayu. Di sini terdapat peringkat kedua dalam perubahan agresif semangat kebangsaan Melayu. Dan peringkat ketiga yang lebih dahsyat lagi, kita akan temui dalam masa pendudukan semula Inggeris dengan Malayan Union.

Jepun telah bertanggungjawab menjadikan orang-orang Melayu lebih radikal bersemangat dalam cintakan tanah airnya. Jepun telah memberi semangat supaya orang Melayu hidup dan belajar memerintah sendiri. Pemerintahan Inggeris adalah merupakan satu penjajahan di dalam usaha untuk memerintah sendiri dan perlu ditentang. Jepun telah menimbulkan prinsip 'Asia Untuk Asia' yang bermakna kekayaan Asia adalah untuk orang Asia sendiri dan bukan untuk Inggeris atau Amerika atau Belanda atau Perancis. Dan konsep inilah yang dijadikan asas dalam penyuburan gerakan semangat kebangsaan di rantau ini. Diayah-diayah Jepun mengatakan, Inggeris adalah pemeras kekayaan Tanah Melayu. Bijih dan getah adalah digunakan semata-mata untuk kemewahan dan isi perut Inggeris sahaja tanpa merasa belas kasihan terhadap anak negeri.

Menjelang akhir pendudukan Jepun terdapat golongan politik Melayu yang telah mula menentang dan mula mula tidak percaya kepada keagungan dan keselesaan di bawah pemerintahannya. Ini adalah akibat dari dasar keras, ganas dan kekejaman pemerintahan Jepun. Orang Melayu telah mula merasakan pendudukan Jepun telah menjadikan penderitaan dari segi makanan, pakaian dan perlindungan. Tanaman-tanaman banyak telah musnah. Banyak tanaman-tanaman yang belum cukup matang, telah dituai untuk menampung keperluan makanan ini. Penderitaan kelaparan dan wabak penyakit telah menjadi satu perkara biasa.

Jadi nampaknya kedatangan Jepun telah memberikan kepada kita dua faktor yang menyebabkan bertambah kuatnya gerakan semangat kebangsaan Melayu. Pertamanya ialah atas tindakannya memberi peluang kepada pejuang-pejuang Melayu menubuhkan kesatuan-kesatuan politik dan secara langsung Jepun telah menjadi pendorong ke arah ini. Dan keduanya ialah atas dasar pemerintahannya sendiri. Dasar Jepun yang kejam, ganas dan tak berperikemanusiaan dianggap oleh orang-orang Melayu sebagai menyalahi disiplin kemanusiaan. Keganasan dan pemerasan Jepun ini telah sewajarnyalah orang-orang Melayu menentangnya.

Justeru itu tak hairanlah mengapa terdapat perubahan sikap pejuang-pejuang Melayu dari bekerjasama dengan Jepun kepada anti pula. Maka alasan-alasan di atas tadi sudah cukup untuk memberikan jawapannya. Janji-janji Jepun untuk memberi kemerdekaan Tanah Melayu kini tinggal janji saja. Orang-orang Melayu sudah sedar yang Jepun akan tewas dan pasti tersungkur memandangkan keadaan yang ada sekarang. Tentera-tentera Jepun tak lagi berfungsi sebagai askar yang mampu untuk berperang, tapi tak lebih seperti syaitan yang mengacau. Bermacam-macam penyakit sosial timbul akibat tindakan-tindakan askar-askar ini.

Kekalahan Jepun secara mendadak telah mengejutkan dan memerlukkan orang-orang Melayu dan tidak memberi kesempatan kepada mereka untuk bersiap diri untuk menghadapi musuh lama (Inggeris). Inggeris kembali dengan Malayan Unionnya. Bagi orang-orang Melayu, Inggeris patut merasa segan dan malu kepada penduduk Tanah Melayu kerana sepatutnya Inggeris mempertahankan Tanah Melayu semasa serangan Jepun dulu. Tetapi sebaliknya mereka lari membawakan Tanah Melayu tertakluk oleh Jepun. Dengan mengikut perjanjian dengan Raja-raja Melayu, Inggeris akan melindungi Tanah Melayu dari segi ketenteraan apabila berlakunya serangan dari musuh. Walaupun kita tak nafikan yang adanya usaha Inggeris untuk menghalang kedatangan Jepun tetapi tindakan ini tak lebih seperti melepaskan batuk ditangga.

## B. PARTI-PARTI POLITIK DAN PILIHANRAYA 1955

### Parti-parti Politik:

Persatuan Melayu yang pertama yang bercrak politik secara nyata ialah Kesatuan Melayu Malaya atau KMM yang ditubuhkan pada bulan Mei 1937. Ia ditubuhkan atas kesedaran mahu memperjuangkan pembebasan dari penjajah dan mengembalikan kemerdekaan bangsa dan tanahair. Antara pimpinannya yang terkemuka pada masa itu ialah Ibrahim Ya'kub. Lain-lain pendokong terdiri daripada pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan sekolah-sekolah agama Al-Masyhur dan Al-Huda, Pulau Pinang dan lain-lain. Sebagai gerakan politik yang radikal, Kesatuan Melayu Muda dicurigai oleh Inggeris yang bertindak menahan pemimpin pemimpinnya. Selepas itu KMM terpaksa bergerak secara rahsia.

Walaupun KMM merupakan pertubuhan politik yang ditaja dan dipimpin oleh elemen sekular, tetapi sebahagian besar daripada mereka yang memainkan peranan penting di dalam pergerakannya adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan Islam. Parti ini telah diharamkan oleh Jepun, apabila Jepun menguasai Tanah Melayu (1941-1945).

Selepas Perang Dunia yang ke dua tamat, parti politik baru telah ditubuhkan di Ipoh, Perak iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Ia ditubuhkan pada 17 Oktober, 1945. Pemimpin-pemimpin PKMM terdiri daripada Dr. Burhanuddin Helmi, Mukhtar ud-Din Lasso dan Ishak Haji Muhammad. Sebagai politik yang pertama selepas Perang Dunia Kedua, PKMM berjaya memperluaskan pengaruhnya di dalam masyarakat Melayu. Didorong oleh perkembangannya itu, PKMM telah menyubuhkan pertubuhan-pertubuhan satelite untuk memperkuatkan lagi pengaruhnya. Pertubuhan-pertubuhan yang diteja oleh PKMM itu ialah Angkatan Pemuda Insaf (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Barisan Tani SeMalaya (BATAS). Dengan galakan daripada PKMM, Hizbul Muslim (HM) sebagai jemaah Islam yang pertama ditubuhkan. Tujuan PKMM ialah untuk menjadikan HM sebagai sayapnya yang mengumpulkan tenaga para ulama'. Pucuk pimpinan HM terdiri daripada Ustaz Abu Bakar Al-Baqir, Haji Arifin dari Johor dan Mahmud Daud Jamil dari Kelantan. Matlamat HM ialah untuk mencapai kemerdekaan untuk negara Malaya yang berdaulat bagi membentuk masyarakat dan negara Islam di Malaysia.

Malayan Union juga menjadi faktor penting penubuhan parti-parti Melayu. Pada 1 Mac 1946, satu kongres politik Melayu yang pertama diadakan di Johor Bahru. Hasil daripada itu terbentuk Kongres Melayu Seluruh Tanah Melayu. Tujuan utamanya ialah untuk menyatupadukan seluruh tenaga Melayu bagi menentang Malayan Union. Pada 11 Mei 1946 telah diadakan lagi mesyuarat dan terhasillah 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' (UMNO) di bawah Dato' Onn.

HM ditubuhkan pada 14 Mac, 1948, iaitu dua tahun terkebelakang daripada penubuhan UMNO. Di dalam pendiriannya ia lebih hampir kepada PKMM dan memihak kepadanya dan tidak memihak kepada UMNO. Ini menyebabkan pimpinan UMNO menganggap kelahiran HM sebagai perkembangan yang merbahaya. Datuk Onn menggelar HM sebagai Red Islamic Party dan memberi amaran kepada orang ramai tentang bahaya dari Gunong.

Tetapi penentangan kuasa penjajah terhadap HM telah menghalang perkembangannya dan akhirnya menamatkan riwayat kelahirannya. Penjajah British telah menguatkuasakan ke atas HM Undang-undang Darurat dan menangkap pemimpin-pemimpinnya, termasuk Ustaz Abu Bakar Al-Baqir sendiri. Dengan berakhirnya riwayat HM, maka UMNO telah mendapat peluang yang luas untuk menguasai arena politik di Malaya.

Sebagaimana yang termaklum, penajah Inggeris juga bertindak ke atas parti-parti kebangsaan Melayu yang lain seperti PKMM dan sayap-sayapnya. Sungguhpun demikian, ia membenarkan UMNO terus bergiat dan mengembangkan pengaruhnya. Sehingga bolehlah dikatakan, kelahiran UMNO adalah mendapat restu penajah Inggeris. Kerana kita tahu, mana-mana parti dan pertubuhan yang tidak disetujui Inggeris, pasti akan diharamkan.

Persidangan UMNO yang dilangsungkan di Sultan Sulaiman Kelab Kuala Lumpur telah sebulat suara bersetuju menubuhkan Persatuan Islam SeMalaya. Sungguhpun pertubuhan yang dicadangkan itu dipersetujui supaya bergerak sebagai sayap UMNO, namun sudah dikemukakan, pada waktu itu, pandangan supaya kedudukan persatuan yang dicadangkan itu akan menuju ke arah pembentukan satu parti yang bebas dan berpengaruh seperti Mashumi di Indonesia.

Akhirnya pada 23 Ogos 1951 bertempat di Seberang Perai, Parti Islam SeTanah Melayu (atau Parti Islam SeMalaysia - PAS) telah ditubuhkan sebagai menghidupkan kembali perjuangan Islam HM yang telah diharamkan Inggeris. Tokoh pimpinan PAS (penaja) terdiri daripada Tua. Hj. Ahmad Fuad Hasan (pengerusi), Tuan Haji Ahmad Maliki, Tuan Haji Ahmad Badawi, Tuan Haji Ahmad Tuan Hussin dan Tuan Haji Mansur.

Di samping itu UMNO mula menghadapi krisis kepimpinan dan perpecahan mengenai isu kewarganegaraan dan penyertaan orang bukan Melayu dalam UMNO yang dicadangkan oleh Dato' Onn. Dato' Onn telah keluar UMNO (1951) dan menubuhkan parti baru 'Parti Kemerdekaan' dan kemudiannya pada 1954 menubuhkan parti Negara. Sebagaimana parti-parti Melayu dan parti Islam berkepentingan untuk orang-orang Melayu, maka begitu jugalah dengan parti-parti bukan Melayu - Cina dan India. Bagi memastikan kepentingan-kepentingan mereka terjamin di negara ini maka MCA (1949) dan MIC (1946) telah ditubuhkan yang akhirnya parti-parti bukan Melayu ini duduk di bawah satu kapal (layar) - "Parti Perikatan (1953)", sebagaimana yang pihak penajah Inggeris kehendaki bagi tujuan kemerdekaan.

### Pilihanraya 1955

Sebanyak 52 kerusi dipertandingkan dalam pilihanraya Tanah Melayu yang pertama ini. Mengikut daftar pengundi, 84% pengundi yang layak mengundi adalah terdiri dari orang-orang Melayu, cuma 16% terdiri dari Cina dan India. Namun di atas kemurahan UMNO sebagai ketua 'Parti Perikatan' telah memperuntukan 17 kerusi (yang peratusnya ialah 33%) kepada calon bukan Melayu, yang sepatutnya cuma mendapat peruntukan 9 kerusi saja sesuai dengan peratus pengundi kaum-kaum tersebut.

Daripada 52 kerusi tersebut UMNO memenangi 34, PAS 1, MCA 15, MIC 2. Daripada jumlah undi yang diterima, 'Parti Perikatan' memperolehi 80% dari jumlah keseluruhan undi.

Berdasarkan kepada peratus daftar pengundi dan keputusan kerusi yang diperolehi oleh orang Melayu khasnya UMNO, dalam pilihanraya 1955, mengambarkan suara Melayu adalah majoriti dan kalau UMNO mahu maka boleh saja ia memerintah tanpa bantuan kaum-kaum lain dan lebih jauh dari itu boleh saja untuk memerintah negara secara Islam. Hanya dengan Islam Melayu akan terjamin keunggulannya dalam politik negara, lebih-lebih lagi memandangkan penguasaan politik pemerintahan bukan Melayu kini telah meningkat daripada 33% dalam pilihanraya 1955 kepada 45% dalam pilihanraya 1986.

## **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957**

Yaakob Mat Noor

### **A. Apakah itu Perlembagaan?**

Dalam konteks Perlembagaan PTM 1957 - perlembagaan ini merupakan sesuatu dokumen yang mengandungi prinsip-prinsip Undang-undang Tertinggi<sup>1</sup> yang menjadi panduan untuk pemerintahan negara. Undang-undang Tertinggi ini seterusnya menjadi sumber kelahiran undang-undang yang lain di negara ini. Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri (State Legislative Assembly) dikenali sebagai Enakmen, tetapi yang diluluskan sebelum merdeka termasuk Sabah dan Sarawak dikenali sebagai Ordinan. Undang-undang Tertinggi atau Perlembagaan PTM ini menjadi peraturan pokok yang menentukan peranan dan tanggungjawab serta bidangkuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri atau kuasa-kuasa bersama PTM dan negeri-negeri komponannya. Perlembagaan juga menentukan fungsi dan bidang kuasa badan pemerintahan seperti Institusi Yang di Pertuan Agong, Parlimen, Jumaah menteri, Mahkamah, Pilihanraya, Perkhidmatan Awam dan lain-lain. Selain dari itu perlembagaan juga menyentuh hak-hak asasi manusia, kedudukan istimewa bumiputera, bahasa, agama dan lain-lain.

### **B. Latarbelakang Sejarah PTM.**

1. Perlembagaan PTM telah diwujudkan pada 31 Ogos, 1957 apabila negara ini mencapai kemerdekaan dari Kerajaan British. Perlembagaan ini kemudiannya menjadi asas kepada Perlembagaan Malaysia. Dari segi Sejarah Perlembagaan PTM bolehlah dikatakan sebagai satu perlembagaan yang mengandungi ciri-ciri daripada beberapa buah perlembagaan lain di dunia dan kebanyakannya daripada peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan itu diambil dari perlembagaan India dan Perlembagaan Negeri-Negeri Melayu. Ciri-ciri demokrasi yang terdapat dalam Perlembagaan PTM ditiru daripada ciri-ciri demokrasi yang diamalkan di England, Ciri-ciri Perlembagaan A.S., Republik Ireland, Perlembagaan Negeri Johor dan Negeri Sembilan juga telah ditiru atau dimasukkan ke dalam Perlembagaan PTM. Oleh itu Perlembagaan PTM dapat dikatakan satu Perlembagaan yang aneh kerana terdapat campuraduk antara ciri-ciri Barat dan Timur dan antara ciri-ciri demokrasi dan tidak demokrasi dan ciri-ciri mengikut adat.

2. Perlembagaan PTM ini asalnya dirangka oleh sebuah Suruhanjaya Reid pada tahun 1956. Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Reid seorang Hakim Mahkamah Rayuan di England. Ahli-ahli lain terdiri dari pakar-pakar perlembagaan, Hakim Ivor Jenning dari Britain, Hakim Malik dari India, Hakim Abdul Hamid dari Pakistan dan William McKeveli

dari Australia, dari U.K., Australia, India dan Pakistan yang dilantik oleh Ratu Britain dan Raja-raja Melayu. Deraf cadangan Suruhanjaya ini kemudian diserahkan kepada sebuah Badan Bertugas yang dilantik oleh Kerajaan British, Majlis Raja-raja dan Kerajaan Persekutuan.

Berasaskan kepada laporan Reid dengan pindaan-pindaan dan tambahan akhirnya sebuah rangka Perlembagaan PTM dihasilkan dan kemudian diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Undang Negeri-negeri pada jam 12.01 minit, 31hb. Ogos, 1957 ialah tarikh kuatkuasa perlembagaan itu.

3. Enam tahun kemudian Perlembagaan PTM dipinda berdasarkan laporan Suruhanjaya Cobbold yang meninjau pandangan-pandangan rakyat Sabah, Sarawak dan Singapura mengenai kemasukan negeri-negeri ke dalam Persekutuan Malaysia bersama-sama dengan PTM. Perlembagaan Malaysia diwujudkan pada 16hb. September, 1963.

### C. Bagaimana Malaysia ditadbirkan.

Malaysia sebagai sebuah negara bercorak demokrasi ditadbirkan oleh 3 badan Pentadbiran negara iaitu:

- i. Badan Perundangan - (Legislative Body)
  - ii. Badan Pemerintahan (Executive Body)
  - iii. Badan Kehakiman - (Judiciary Body)
- i. Badan Perundangan -(Legislative Body)

Badan Perundangan adalah salah satu bahagian terpenting dalam kerajaan di mana ahli-ahlinya membuat atau tidak membuat atau merombak, meminda atau memansuhkan undang-undang yang telah dibuat untuk digunakan oleh masyarakat umumnya. Dalam hal ini fungsi Dewan Perundangan atau Parlimen ialah membuat, meminda atau memansuhkan perlembagaan.

- ii. Badan Pemerintahan (Executive Body)

Badan pemerintahan adalah satu bahagian yang terpenting bagi menjalankan tugas-tugas yang diluluskan oleh Dewan Perundangan. Ia bertugas bagi melaksanakan apa yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen. Pendeknya badan ini melaksanakan peranan pentadbiran mengikut keperluan Negara.

iii. Badan Kehakiman - (Judiciary Body)

Badan Kehakiman pula diberi tugas bagi mentafsirkan undang-undang dan menyelesaikan perbalahan, pertelingkahan dan persengketaan antara individu-individu dengan individu, individu dengan pemerintah, kerajaan dengan kerajaan dan lain lagi.

**Demokrasi di Malaysia**

Demokrasi yang diamalkan di Malaysia ini agak berlainan sedikit dengan asas pemerintahan Demokrasi yang berdasarkan teori pengasingan kuasa (Separation of Powers) di Amerika.

- a . Badan perundangan buat undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasanya kepada sesiapa pun.
- b. Badan pemerintah hanya menjalankan kuasa eksekutif dan tidak boleh membuat undang-undang dan penghakiman.
- c. Badan kehakiman - hanya menjalankan peranan kehakimannya semata-mata.

Di negara kita Badan Parlimen atau Perundangan memberi kuasa kepada Badan Pemerintah (Jumaah Menteri) membuat undang-undang. Ini disebut undang-undang Perwakilan (delegated legislation). Dengan ini Badan Pemerintah yang membuat undang-undang mesti bertanggungjawab kepada Parlimen dan undang-undang yang dibuat janganlah melebihi kuasa yang diberi oleh Parlimen. Kalau tidak mahkamah akan menghukum undang-undang itu terbatas atau tidak sah. Mengikut teori pengasingan kuasa, ahli-ahli Parlimen tidak boleh menjadi ahli dalam Badan Pemerintahan tetapi di Malaysia ahli-ahli Parlimen yang menjadi Menteri dan yang menjalankan kuasa eksekutif. Dan yang lebih unik lagi ialah kedudukan Institusi Yang Di Pertuan Agung. Baginda ialah salah satu komponan Parlimen atau Badan Perundangan tetapi baginda mempunyai kuasa executive, kuasa ini boleh laksanakan oleh baginda sendiri, atau oleh Jumaah Menteri atau mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jumaah Menteri.

**D. Badan Perundangan - Parlimen**

Parlimen di Malaysia terdiri dari tiga bahagian:

- i. Yang Di Pertuan Agong
- ii. Dewan Negara
- iii. Dewan Rakyat

i. Yang Di Pertuan Agong

Segala undang-undang yang dibawa ke Parlimen semestinya diluluskan oleh ketiga-tiga komponen diatas. Yang Dipertuan Agong tidaklah menghadiri persidangan Parlimen tetapi boleh bertitah semasa pembukaan rasmi penggal parlimen. Baginda berkuasa memanggil, memberhentikan atau membubarkan Parlimen. Dalam menjalan kuasa baginda perlu mendapatkan nasihat dari Jumaah menteri.

ii. Dewan Negara

Tugas Dewan Negara membahaskan sesuatu rang undang-undang dengan lebih halus dan teliti yang diterima dari Dewan Rakyat dan juga bagi membincang perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam. Mengikut perkara 68, Perlembagaan Persekutuan Dewan Negara tidak mempunyai kuasa menolak rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

iii. Dewan Rakyat

Parlimen kita menurut cara Parlimen Inggeris, iaitu melaksanakan amalan demokrasi Berparlimen. Dalam soal ini suara rakyat adalah di-pentingkan daripada suara pemerintah atau suara kehakiman.

Tugas Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Membuat undang-undang baru.
2. Memansuhkan undang-undang lama.
3. Menggubal dasar dari arah negara.
4. Meluluskan belanjawan persekutuan.
5. Mengambil berat kehendak-kehendak rakyat dengan mengadakan peruntukan-peruntukan yang sesuai.

a. Cara membuat undang-undang.

Undang-undang di negara ini dibuat melalui beberapa peringkat. Bermula dari cadangan hendak mengadakan undang-undang hingga ianya menjadi undang-undang. Misalnya Menteri yang hendak membentang suatu rang undang-undang berkenaan perlu berbincang dengan Jabatan Peguam Negara, Perbendaharaan dan Kementerian-kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Jabatan Peguam Negara bertanggungjawab menyediakan draf rang undang-undang yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri. Rang undang-undang tersebut kemudian akan dibentangkan oleh Menteri di

Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan akhirnya setelah dilulus oleh kedua-dua dewan tersebut dikemukakan kepada Yang Di Pertuan Agong untuk diperkenankan dan selepas itu diwartakan. Biasanya undangundang berkuatkuasa apabila diwartakan tetapi kadangkala ditentukan dalam undang-undang itu sendiri bila tarikh kuatkuasanya.

b. Meluluskan belanjawan

Satu lagi tugas Parlimen yang penting ialah meluluskan Belanjawan Negara. Dalam perkara 110 dan 111 pemerintah tidak dibenarkan membuat belanjawan sendiri tanpa kelulusan Parlimen. Tentang cukai, hanya Parlimen yang boleh mengenakkannya. Tegasnya Pemerintah tidak boleh mengenakan cukai tanpa kelulusan Parlimen.

#### E. Badan Pemerintah/Kerajaan/Eksekutif

Tugas badan ini ialah menjalankan kuasa-kuasa eksekutif menurut Perlembagaan dan Undang-undang yang ada. Mengikut Perkara 39 Perlembagaan kuasa eksekutif bagi Persekutuan adalah terletak pada Yang Di Pertuan Agong - dan kuasa ini boleh dijalankan olehnya sendiri atau oleh Jumaah Menteri.

##### Yang Di Pertuan Agong

Yang di Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara. Baginda tidak boleh didakwa dalam mana-mana perbicaraan dimahkamah. Yang Di Pertuan Agong dipilih oleh Majlis Raja-raja. Seseorang raja atau Sultan layak dipilih menjadi Yang Di Pertuan Agong, melainkan tidak cukup umur atau tidak mahu dipilih atau difikirkan tidak layak oleh Majlis Raja-raja. Yang Di Pertuan Agong dipilih memegang jawatan selama 5 tahun tetapi baginda boleh dilucutkan jawatan oleh Majlis Raja-raja kerana sebab-sebab tertentu.

Sebagai Ketua Utama Negara Agong mempunyai kuasa eksekutif. Kuasa ini boleh dijalankan sendiri atau oleh Jumaah Menteri atau mana-mana menteri yang diberi kuasa oleh Jumaah Menteri. Mengikut Perlembagaan Persekutuan hanya tiga perkara Yang Di Pertuan Agong membolehkan bertindak mengikut budibicaranya sendiri:

1. Melantik Perdana Menteri.
2. Tidak menyetujui pembubaran Parlimen.
3. Meminta supaya diadakan suatu mesyuarat Majlis Raja-raja semata-mata mengenaikeistimewan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Raja-raja dan mengambil apa saja tindakan dalam mesyuarat tersebut.
4. Tugu-tugu lain yang dinyatakan dalam Perlembagaan

Baginda berkuasa mengampun dan menangguhkan sebarang kesalahan yang dibicara di Mahkamah Tentera. Baginda memelihara kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dan baginda Yang Di Pertuan Agong juga diberi kuasa oleh Perlembagaan untuk mengisyiharkan darurat di bawah perkara 150 jika Baginda berpuashati bahawa satu darurat besar akan berlaku dan mengancam keselamatan negara ini.

Yang Di Pertuan Agong adalah pemerintah Tertinggi angkatan Tentera Persekutuan dan juga Ketua Agama Islam di Pulau Pinang dan Melaka, selain di negeri baginda sendiri. Baginda juga melantik Hakim-hakim, Mahkamah Persekutuan, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Jumaah Menteri, Timbalan Menteri dan jawatan lain seperti Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya, Peguam Negara, Juru Odit Negara dan lain-lain.

#### Jumaah Menteri

Mengikut Perkara 43 Agong hendaklah melantik satu Jumaah Menteri untuk menasihatkannya dalam hal ehwal pentadbiran negara ini. Jumaah Menteri diketuai oleh seorang Perdana Menteri, (yang juga menjadi Ahli Dewan Rakyat), yang pada pendapat baginda mendapat kepercayaan besar dari ahli-ahli Dewan dan menteri-menteri dari mana-mana dewan. Perdana Menteri dan Menteri hendaklah meletakkan jawatan jika Jumaah Menteri tidak mendapat kepercayaan Parlimen/ Kementerian/Jabatan/Badan-badan berkanun. Untuk menjalankan tugas-tugas pemerintahan beberapa kementerian, jabatan dibentuk Badan-badan berkanun yang merupakan agensi separuh kerajaan - juga ditubuh bagi mempercepat dan melicinkan pentadbiran dan pelaburan rancangan-rancangan pembangunan negara seperti FAMA, FELDA dan lain-lain.

#### F. Badan Kehakiman

Kuasa kehakiman terletak pada Mahkamah Persekutuan. Di bawahnya 2,

1. Mahkamah Tinggi iaitu:
    - a. Mahkamah Tinggi Semenanjung dan Makkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.
    - b. Mahkamah Agong.
  2. Mahkamah-mahkamah Rendah.
- Badan kehakiman adalah satu badan bebas dan tidak terpengaruh dengan mana-mana fahaman politik dan golongan - lihat kes Raja Muda Johor dan Menteri Besar Selangor.

Untuk menjaga kebebasan kehakiman Persekutuan Perlembagaan memperuntukan:

1. Seseorang hakim tidak boleh didakwa atas sebab-sebab kata atau perbuatannya semasa menjalankan tugas.
2. Seorang hakim tidak boleh dipaksa menjawab sebarang soalan mengenai mahkamahnya.
3. Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi berkuasa menjatuhkan hukuman, ke atas sesiapa yang mengingkari perintah mahkamah atau menghina Mahkamah.
4. Kelakuan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan dan Tinggi tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan satu usul yang tersendiri dengan tidak kurang dari 1/4 daripada jumlah Ahli Majlis Parlimen. Juga tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Dewan Negeri.

#### Kesimpulannya

Bahawa dalam perlembagaan negara moden hari ini seperti Malaysia, undang-undang perlembagaan itu ialah undang-undang utama. Ia juga dikenali sebagai undang-undang asas sebuah negara itu, mana-mana yang bercanggah dengannya adalah terbatas dan tidak sah dilaksanakan, (Null and Void). Manakala di negara Islam yang lain seperti Saudi Arabia menggunakan Islam sebagai undang-undang asas (The Basic Law of the Land) dengan merujuk kepada Quran dan Sunnah. Dalam keadaan dimana, peranan yang dimainkan oleh undang-undang perlembagaan sebagai undang-undang utama. Peranan undang-undang tersebut akan dimainkan oleh al-Quran dan al-Sunnah tersebut dan meletakkan Islam sebagai undang-undang utama negara. Terdapat juga negara yang menjadikan Islam agama negara seperti: Pakistan, dan ada pula yang menjadikan Islam agama rasmi negara menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber perundangan negara, perlembagaan adalah tunduk kepada kedua-dua sumber tersebut.

## Bahan Rujukan

1. Tun Mohammad Sufian bin Hashim, mengenal Perlembagaan Malaysia, terjemahan Abdul Majid bin Abdul Latif dan Redzuan bin Omar, DBP. 1984.
2. Mohd Salleh Abbas, Prinsip Perlembagaan Malaysia, Sejarah Perlembagaan Malaysia, DBP. 1984.
3. Mohd Salleh Abbas, Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia. DBP. 1968.
4. Negara kita, sejarah, pentadbiran dan dasar-dasar pembangunan (INTAN). 1983.

dc:A52 Perlembagaan T.Melayu.

## KEDUDUKAN ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN MALAYSIA DAN NEGERI-NEGERI

Yaakob Mat Noor

### Pengenalan

Oleh kerana tajuk yang dibicarakan ini adalah berkaitan rapat dengan konsep Tamadun Islam dan Kenegaraan Malaysia, maka terlebih dahulu perlulah dilihat dan diperjelaskan bahawa Islam itu kalau dipandang dari sudut Tamadun, ianya dianggap sebagai suatu tamadun yang sempurna. Ianya meliputi syariah, akidah dan ahlak. Seterusnya untuk melihat kedudukan Islam dalam Perlembagaan negara ini eloklah diperhatikan pula suatu kenyataan yang pernah disuarakan oleh bekas Perdana Menteri Pertama Malaysia iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj: "Saya suka menjelaskan bahawa negara ini, bukanlah sebuah negara Islam, sebagaimana yang difahamkan secara umum, kita cuma memperuntukkan Islam hendaklah menjadi agama rasmi bagi negara. Dan perlu dilihat juga bahawa perkara 3(1) perlembagaan, menyatakan bahawa ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Melihat kepada kedua-dua kontek di atas, kedudukan Islam di dalam Perlembagaan haruslah difahami samada sebagai agama rasmi atau agama negara. Apa yang nyata di sini samada Islam sebagai agama rasmi atau agama negara, hakikatnya apabila disebut Islam agama negara atau agama rasmi negara maka al-Quran dan al-Sunnah hendak dirujuk bagi mengukuhkan dan menjelaskan kedudukan Islam dalam perlembagaan. Hal ini perlulah dibandingkan dan dihubungkan kedudukan Islam dengan kedudukan Islam dalam perlembagaan negara Islam yang lain. Republik Islam Pakistan misalnya telah meletakkan Islam sebagai agama negara dan bersumberkan kepada al-Quran dan Sunnah bagi menjelaskan kedudukan Islam dalam perlembagaannya. Begitu juga Republik Rakyat Islam Iran meletakkan Islam sebagai agama rasmi negara juga merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w. bagi menjelaskan tafsiran kedudukan Islam dalam perlembagaan negara tersebut.

Berbalik kepada sejarah sebelum Islam dimaktubkan sebagai perkara 3(1) perlembagaan Malaysia, eloklah dilihat sejenak bagaimana Islam datang ke negara ini dan kemudiannya telah diterima sebagai agama negara dan seterusnya menjadi dasar perundangan negara ini. Islam di peringkat awal di abad ke-15 telah sampai ke Melaka dan Parameswara Dewa Syah selaku raja pertama empayar Melaka telah menganut agama Islam diikuti oleh pembesar-pembesar dan rakyat empayar tersebut, sehingga Islam telah dianggap sebagai agama rasmi empayar Melaka. Islam bukan sahaja diterima sebagai agama anutan mereka (al-Din), tetapi

telah diperjelaskan dalam pentadbiran empayar Melaka di masa itu. Ini dapat di lihat dalam Hukum Kanun Melaka yang mana kandungan hukum-hukumnya diasaskan kepada undang-undang Islam. Ia telah diperkenalkan dan diamalkan di masa pemerintahan Sultan Muhamad Shah 1405-1409. Hukum tersebut kemudian berkembang dan mempengaruhi undang-undang negeri lain seperti Undang-undang Pahang, ke Perak disebut sebagai Undang-undang 99 Perak, ke Johor Undang-undang Johor, ke Kedah sebagai Undang-undang Kedah. Semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar, Johor juga telah mengenalkan bentuk perundangan kontrak Islam dikenali sebagai Ahkamul al-Adliyah yang berasal daripada Turki. Bentuk-bentuk perundangan Islam di atas memperlihatkan undang-undang jenayah (hukum Qisas: Membunuhan, Diyat, hukum zina, hukuman melakukan hubungan sesama jenis, liwat, homoseksual), undang-undang sivil: urusan kontrak- mengharuskan jual beli, mengharamkan riba, undang-undang keluarga: urusan perkahwinan dan tanggungjawab wali, undang-undang keterangan dan acara, urusan tuntutan, kesaksian, sumpah dan ikrar. Selain daripada bentuk-bentuk perundangan di atas Islam telah menjadi agama negeri-negeri Melayu sebelumnya, misalnya perlombagaan negeri Johor tahun 1895 dan perlombagaan negeri Trengganu tahun 1911 telahpun menjadikan Islam sebagai agama kedua-dua negeri tersebut dan sebagai kriteria utama dalam urusan perlantikan raja sebagai ketua agama dan permerintah negeri tersebut. Perlantikan pembesar-pembesarnya telah meletakkan bahawa sifat-sifat utama suatu perlantikan itu haruslah dibenarkan oleh hukum syarak. Pihak berkuasa negeri yang dikenali sebagai Al-lul-hal-li-wal-aqdi adalah berkuasa untuk tidak memilih sultan atau wakilnya atau sebarang lantikan yang hendak dibuat, sekiranya terdapat kecacatan atau kelemahan pada diri seorang calon, raja atau wakilnya umpamanya gila, buta, bisu iaitu yang tidak dibenarkan oleh hukum syarak. Sebagai ketua agama, Perlombagaan juga membataskan kuasa Sultan dari menyerahkan negeri atau mana-mana bahagian negeri Johor kepada mana-mana kerajaan atau kuasa Eropah atau kepada mana-mana negeri lain kerana ditakuti kehilangan takhtanya. Seorang sultan juga tidak dibenarkan memiliki wang untuk kegunaannya melebihi daripada jumlah yang telah ditetapkan oleh majlis mesyuarat negeri dari masa ke masa. Batas-batas dan bidang kuasa yang serupa ini diletakkan kepada Jemaah Pangkuhan Negeri sebelum tahun 1914. Perlombagaan Johor juga memperuntukkan semua undang-undang dan adat istiadat, hendaklah di jalankan dengan adil dan saksama oleh semua mahkamah keadilan kepada semua pegawai dalam sektor perkhidmatan negeri dan semua rakyat negeri serta orang-orang negara asing yang singgah dan tinggal di bawah naungannya. Dalam satu keputusan mahkamah dalam tahun 1937, Mahkamah telah menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seorang yang melakukan kesalahan zina. Hukuman ini menepati undang-undang Islam. Tetapi di bawah undang-undang Johor pula hukuman yang di kenakan hanya penjara dan denda sahaja. Dalam keadaan yang lain pula, iaitu semasa kedatangan Inggeris ke negeri-negeri Melayu, bilamana mahkamah-mahkamahnya terdiri dari hakim-hakim yang berpendidikan England, Islam masih diterima sebagai undang-undang asas. Bukti bagi mengesahkan keadaan ini dapat dilihat melalui kes Ramah v. Laton (1927) di Mahkamah Rayuan Selangor, hakim Acton dan Thomas dalam memutuskan kes

tersebut menyatakan;

“Undang-undang Islam adalah undang-undang negeri Selangor dan Mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut.”

Bukti lain dapat dijelaskan dalam membicarakan kes Fatimah bt Haris v. Haji Ismail bin Jasmin, di mana hakim Mill berpendapat bahawa hukum Islam adalah sebahagian daripada undang-undang Johor. Oleh yang demikian Islam telah diterima bukan sahaja sebagai agama rasmi atau agama negeri-negeri Melayu sebelumnya bahkan ianya telah menjadikan sebagai undang-undang asas negeri-negeri Melayu. Begitu juga dasar perundangan negara dalam bentuk hukum kanun seperti yang dinyatakan telah diketepikan oleh hakim-hakim Inggeris ketika memutuskan kes-kes tertentu dalam pentadbiran kehakiman dinegeri Melayu sebelum Merdeka dalam kerana mereka tidak memahami dasar perundangan Islam dan mereka mempunyai pendidikan yang berbeza dalam sistem perundangan Inggeris telah mengenepikan hukum Islam. Mengikut Wilkinson, sekiranya Inggeris tidak datang ke Malaya, maka sudah pasti Islam menjadi menjadi dasar perundangan negara ini.

### KEDUDUKAN PERKARA 3

Kedudukan perkara 3 dalam perlombagaan menyatakan Islam adalah agama persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai. Peruntukan ini dimaktubkan ke dalam perlombagaan setelah mengambil kira, pandangan yang telah diberikan oleh Parti Perikatan melalui memorandumnya yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Reid, Suruhanjaya Perlombagaan pada bulan Mac 1956. Faktor-faktor tawar-menawar telah berlaku di kalangan berbagai kaum antaranya bagi meletakkan Islam sebagai agama negara, tanpa mengikat kebebasan agama lain dan tanpa menolak konsep negara sekular, salah seorang daripada ahli suruhanjaya perlombagaan iaitu hakim Abdul Hamid, menyokong peruntukan ini dan bersetuju pada dasarnya supaya peruntukan sedemikian rupa patutlah dimasukkan dalam perlombagaan, kerana mengikut beliau peruntukan agama seperti ini banyak diperuntukkan dalam perlombagaan-perlombagaan dunia yang lain. Hakim Abdul Hamid seterusnya berkata “Jika di dalam negara-negara ini satu agama sudah tentu diisytiharkan sebagai agama negara dan peristiwaran itu didapati tidak menyusahkan sesiapa, maka adalah tidak membawa apa-apa bahaya, jika peristiwaran seperti itu dimasukkan dalam perlombagaan persekutuan Tanah Melayu. Sebenarnya dalam semua perlombagaan negeri Melayu, peruntukan seperti ini telah sedia ada, apa yang dikehendaki hanyalah dengan memindahkan kepada perlombagaan Persekutuan.

Bagi pentafsiran yang jelas mengenai perkara 3 yang tidak boleh digangu-gugat oleh peruntukan yang lain sebagaimana yang dijamin oleh perlombagaan, ianya mestilah dibaca

dan ditafsirkan secara bersama iaitu meliputi peruntukan yang dimasukkan di bawah konsep hak asasi manusia (Fundamental Liberties) serta peruntukan lain yang boleh dikaitkan dalam pentafsiran ini, seperti mana yang terdapat dalam perlembagaan tersebut. Namun begitu penekanan yang perlu dinyatakan dalam tafsiran ini ialah mengenai peruntukan perkara 11 dalam perlembagaan iaitu mengenai kebebasan beragama yang dijamin oleh perlembagaan sebagai undang-undang utama atau undang-undang tertinggi negara ini. Dalam menjelaskan konsep kebebasan beragama seperti mana yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan bahawa setiap orang adalah bebas beragama, termasuk hak untuk menganut, mengamalkan dan menyibarkannya, tertakluk kepada ketenteraman awam, kesihatan awam dan moral dan tertakluk juga kepada perkara-perkara urusan tiap kumpulan agama bahawa hendaklah diberi hak untuk menguruskan hal ehwalnya sendiri, membiayai institusi agama dan amal, termasuk membiayai sekolah-sekolah, memiliki harta bagi urusan tersebut. Seimuanya ini termaktub ke dalam perkara 11 dan 12 perlembagaan Malaysia serta menjelaskan makna menganuti dan mengamalkan agama dan mengembangkan agamanya. Kebebasan ini diberikan kepada semua warganegara dan sahaja ugama mereka. Tafsiran agama ini tidak dijelaskan dalam perlembagaan tetapi The Concise Oxford Dictionary mentakrifkannya antara lain sebagai “one of the prevalent systems of faith and worship” yakni satu satu definisi yang mengeluarkan beberapa doktrin politik seperti fahaman komunis. Sebenarnya takrif religion yang dibuat menurut tafsiran Barat, adalah memisahkan antara agama dan negara. Manakala menurut tafsiran Islam religion ditafsirkan sebagai ad-Din, dilihat sebagai satu agama yang diwahyukan oleh Allah untuk kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Oleh hal yang demikian, maka tafsiran agama yang dimaksudkan dalam perbicaraan ini adalah meliputi semua peraturan dan tuntutan Islam yang telah disyariatkan oleh Allah pada jin dan manusia. Keadaan ini turut menjelaskan tindak tanduk manusia sebagai ibadat terhadap Allah. Sejauhmana kedudukan Islam yang hendak dijelaskan di sini akan dikaitkan dengan peranan institusi kehakiman iaitu mahkamah syariah dan majlis agama Islam Malaysia\Negeri, tanggungjawabnya telah meletakkan Agung sebagai ketua agama persekutuan dan raja-raja sebagai ketua agama masing-masing disamping itu konsep kebebasan beragama memberi kebebasan menganut dan menyebarkan agama di kalangan penganut semua agama, walaupun begitu adalah dilarang penganut-penganut agama lain menyebarkan dakwah mereka di kalangan orang-orang Islam melalui perkara 11(4) di mana mereka yang melakukan urusan dakwah ini adalah dianggap sebagai satu kesalahan di setiap semua undang-undang negeri. Di bawah konsep kebebasan beragama juga bagi tujuan keagamaan, setiap orang tidak boleh dipaksa membayar apa-apa cukai sama ada pendapatan cukai itu akan digunakan semuanya atau daripadanya untuk tujuan lain daripada agamanya. Parlimen juga berhak memperuntukkan atau mengadakan undang-undang kepada satu kumpulan yang agamanya telah memaksa atau membunuh orang serta membuat beberapa perbuatan keji terhadap agama lain. Hal ini adalah kerana ia akan mengugat keselamatan awam dan merosakkan kebebasan awam beragama. Satu contoh undang-undang yang telah diluluskan oleh Parlimen bagi tujuan

mengawal kebebasan beragama dan kebebasan awam ialah meluluskan Akta Pindaan Kanun Jenayah 1983 (Akta 1949). Akta ini diluluskan berikutan timbulnya isu menggugat ketenteram awam di kalangan orang Islam di Terengganu. Dalam keadaan yang lain pula perlembagaan tidak memberarkan wujudnya perbezaan dalam hal pentadbiran mana-mana institusi pendidikan yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa awam khususnya dalam urusan kemasukan penuntut-penuntut ke institusi pengajian tinggi atau dalam urusan memberikan derma pelajaran yang datangnya dari pihak perkhidmatan awam (perkara 12(1)). Perlembagaan juga memperuntukkan bahawa setiap kumpulan agama hendaklah menubuhkan dan menyelenggarakan institusi pelajaran kanak-kanak sendiri. Dalam hal ini perlembagaan juga tidak memberarkan wujudnya perbezaan semata-mata disebabkan agama. Jelasnya peruntukan-peruntukan kerajaan persekutuan bagi membiayai pelajaran agama Islam dan menanggungnya bagi tujuan pengajaran adalah di bawah peruntukan undang-undang persekutuan. Walau bagaimanapun peruntukan ini ditentukan oleh undang-undang dari masa ke semasa (perkara 12(2)). Dalam hal yang lain pula, perkara 8(1), Perlembagaan telah menjamin hak samarata di sisi undang-undang, tanpa mengira agama kecuali setakat yang dibenarkan oleh perlembagaan dan tidak boleh setakat yang dibenarkan oleh perlembagaan dan tidak boleh bertolak ansur atas alasan semata-mata kerana agama. Peruntukan ini menjelaskan orang-orang yang beragama selain daripada Islam, adalah sama kedudukannya dalam menikmati hak-hak dan kebebasan setakat mana yang dibenarkan oleh perlembagaan. Hakikat perlindungan dalam beragama dalam perlembagaan adalah di beri kuasa yang luas dibawah perkara 150 untuk membuat apa-apa undang-undaang atau ordinan yang bercanggah dengan hak kebebasan hak asasi manusia atau hampir keseluruhan peruntukan yang didapati dalam perlembagaan, disebabkan darurat yang diperlukan tetapi undang-undang atau ordinan darurat tersebut tidak boleh sekali-kali menyentuh perkara-perkara dengan agama.

## KESIMPULAN

Dengan termaktubnya Islam menjadi perkara 3 perlembagaan Malaysia telah meletakkan Yang DiPeruman Agong sebagai ketua agama di tiap-tiap buah negeri. Hal ini juga memberikan status agama Islam yang dapat dilihatkan peranannya seperti yang dinyatakan dalam jadual 9 senarai meliputi tafsiran hukum syariah, undang-undang kekeluargaan dan meletakkan kuasa mahkamah syariah bagi menguruskan dan mentadbir urusan kehakim. Adalah jelas dan nyata bahawa kedudukan Islam sebagai agama bagi persekutuan bukanlah hanya untuk upacara dan urusan istiadat semata-mata tetapi kedudukan Islam dalam perlembagaan haruslah dijelaskan tafsirannya sebagai ad-Din, mengaitkan tafsiran agama dan negara dengan merujuk kepada al-Quran dan Sunnah sebagai sumber perundangan. Akta mahkamah bidang kuasa jenayah tahun 1965, pindaan 1984 yang menghadkan perlaksanaan hukum Islam mengikut tuntutan al-Quran dan Sunnah haruslah dipinda sejajar dengan tuntutan

Islam dan kehendak Negara. Dalam keadaan ini kedudukan perkara 3 dalam perlombagaan hendaklah dipinda dan dibantu dengan peruntukan lain menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber perundangan negara ini. Justeru itu perlombagaan yang dianggap sebagai undang-undang utama akan tunduk pada peruntukan ini, dan mana-mana bahagian yang bercanggah dengannya dianggap tidak sah dan terbalik setakat yang berlawanan. Dan dalam keadaan inilah kedudukan perkara 3 dalam perlombagaan akan menyamai statusnya dengan kedudukan Islam dalam perlombagaan negara-negara Islam yang lain dan menyamakan taraf kedudukannya dalam perkara 23 perlombagaan Madinah.

#### RUJUKAN

1. Ahmad Ibrahim. **Kedudukan Islam Dalam Perlombagaan Malaysia.** 1957-1977, echted by Tun Muhamad Suffian Hashim, H.P. Lee and Tridade, Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti. 1983.
2. Yaakob Mat Noor. Pusat Pengajian Umum. **Dalam Mendaulatkan Islam Agama Rasmii Negara: Satu Analisa Mengenai Penerimaan Pandangan Dan Amalan Ahli- Ahlinya Terhadap Konsep Negara Islam.** (Tesis). Fakulti Pengajian Islam, UKM. 1986.
3. Abu Bakar Abdullah. **Kearah Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya.** Pustaka Damai. 1986.
4. Pakistan. **The Constitution Of The Islamic Republic of Pakistan, 1973, (Amendemt. 1975).** Lahore: Lahore : Lahore Law Times Publication., 1975.
5. Mohamad Suffian Bin Hashim. **An Introduction to The Constitution Of Malaysia.** Cetakan Kedua, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan, 1976.
6. Mohd. Salleh Bin Abas. **Prinsip Perlombagaan Dan Pemerintah di Malaysia.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968.

## PANDANGAN ISLAM TENTANG ILMU DAN PENDIDIKAN

oleh  
Surtahman Kastin Hasan

Ilmu mempunyai beberapa pengertian dan apa yang hendak dibincangkan disini ialah ilmu yang mempunyai pengertian umum iaitu "pengetahuan atau mendapatkan sesuatu yang belum diketahui". Ilmu mempunyai kaitan rapat dengan pendidikan. Hanya orang yang berilmu sahaja yang mampu untuk menjadi pendidik yang berkesan. Begitu juga penyaluran pendidikan akan lebih bermanfaat lagi dengan pengamalan ilmu yang diajar dan ilmu yang dimilikinya.

### Anjuran menuntut ilmu

Galakan menuntut ilmu melalui proses pembelajaran adalah sangat-sangat digalakkan oleh Islam. Islam menganjurkan kepada umatnya supaya menuntut dan berlumba-lumba di dalam mencari ilmu walau di mana sekalipun seperti kata-kata bersejarah (setengah ulama mengatakan sebagai hadith) yang maksudnya:

"Tuntutlah ilmu walau ke negeri China sekalipun" (H.R. Baihaqi dan Anas)

Islam menganjurkan supaya setiap umatnya menuntut ilmu tidak kira di mana asalkan ilmu itu mendatangkan kebaikan/manfaat kepada agama, diri, masyarakat dan negara. Sabda nabi s.a.w. yang maksudnya:

"Menuntut itu adalah wajib atas setiap muslim".

Firman Allah yang maksudnya:

"Mengapa tidak pula berangkat satu rombongan dari tiap-tiap golongan itu untuk mempelajari perkara agama" (al Taubah:122)

Sabda Nabi s.a.w. yang maksudnya:

"Sesungguhnya malaikat itu membentangkan sayapnya kepada penuntut ilmu, tanda rela dengan usahanya" (H.R. Ibn Hibban, Ahmad dan Al Hakim).

Sabdanya lagi yang maksudnya:

"Bahaha sesungguhnya kau berjalan pergi mempelajari suatu bab dari ilmu adalah lebih baik daripada kau melakukan solat seratus rakaat" (H.R. Ibnu Abdul-Birri).

Sabdanya lagi yang maksudnya:

"Sesuatu bab dari ilmu yang dipelajari seseorang adalah lebih baik baginya dari dunia dan seisinya" (H.R. Ibnu Habban dan Ibnu Abdul Birri).

Disamping itu anak kunci ilmu adalah pertanyaan atau dengan lain perkataan kena belajar - berguru.

Hadith Nabi s.a.w. yang maksudnya:

"Ilmu itu adalah gudang-gudang. Anak kuncinya pertanyaan dari itu bertanyalah. Sesungguhnya diberi pahala pada bertanya itu empat orang: iaitu penanya, yang berilmu, pendengar dan yang suka kepada mereka yang tiga ini" (H.R. Abu Naim)

Firman Allah yang maksudnya:

"Maka bertanyalah kamu kepada ahli-ahli ilmu jika kamu tidak tahu" (al Nahl:43)

Berkata Abu Darda ra: "Hendaklah engkau (jadi) orang berilmu atau belajar atau mendengar ilmu dan janganlah engkau (jadi) orang keempat (iaitu tidak termasuk salah satu dari tiga golongan tadi) maka binasalah engkau".

### Bahagian Bahagian Ilmu

Islam sangat-sangat mengambil berat ke atas tiap-tiap penganutnya supaya menuntut ilmu hingga sampaike tahap yang wajib. Menuntut ilmu yang diwajibkan oleh syarak adalah merangkumi semua ilmu kecuali ilmu-ilmu yang tidak mendatangkan manfaat kepada agama, diri, masyarakat dan negara, seperti ilmu sihir.

Di dalam kefardhuan (kewajipan) menuntut ilmu seperti yang disebut di atas, ianya boleh dibahagikan kepada dua bahagian; fardhu ain dan fardhu kifayah.

Wajib Ain merupakan wajibke atas setiap individu Islam yang mukallaf mengerjakan atau melakukannya, seperti menuntut ilmu-ilmu yang menyentuh soal-soal ibadat seumpama solat, akidah seperti mengenal Allah dan sebagainya.

Manakala wajib Kifayah adalah merupakan tuntutan ke atas satu kumpulan orang-orang Islam yang mukallaf mengerjakan atau melakukannya di mana jika salah seorang sahaja daripada kumpulan itu melakukannya maka yang lainnya adalah tidak dituntut lagi. Ilmu-ilmu yang termasuk di bawah wajib kifayah ini antaranya ialah ilmu kedoktoran, kejuruteraan dan lain-lain lagi.

Fardhu Ain atau Wajib Ain ini bolehlah dibahagikan kepada empat bahagian.

Pertama, yang dikenali dengan lima perkara ilmu keimanan yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam iaitu:

1. Beriman dengan Allah
2. Beriman dengan Malaikat
3. Beriman dengan Kitab yang diturunkan
4. Beriman dengan para Rasul yang diutuskan
5. Dan beriman dengan Hari Akhirat

Kedua, yang berhubung dengan perundungan Islam yang mustahak dan wajib diketahui dan dipelajari oleh setiap individu muslim yang berkaitan dengan dirinya seperti mengerjakan sembahyang, puasa, zakat dan Haji serta mengetahui syarat-syarat sahnya dan apa yang membatalkannya.

Ketiga, yang berhubung dengan ilmu perkara yang diharamkan seperti yang tersebut di dalam firman Allah,

Maksudnya:

"Katakanlah, Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan yang keji baik yang nampak atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa, melanggar hak manusia tanpa alasan yang benar (mengharamkan) kamu mempersekuat Allah dengan sesuatu yang Allah tidak

menurunkan hujjah untuk itu dan (mengharamkan) kamu mengata-gatakan terhadap apa yang tidak kamu ketahui" (al-A'raf:33).

Antara perkara-perkara yang diharamkan yang dimaksudkan oleh ayat itu dapatlah dirumuskan seperti berikut:

1. Berzina, mencuri, membunuh dan derhaka kepada kedua ibu bapa
2. Perbuatan dosa, wajib diketahui supaya dapat membezakan perkara-perkara yang mendatangkan dosa dan perkara yang mendatangkan pahala.
3. Melanggar hak atau mengambil hak seseorang lain tanpa kebenarannya.
4. Menyengutukan Allah dengan sesuatu benda yang lain.
5. Mengatakan sesuatu hukum yang ianya sendiri tidak mengetahuinya.

Oleh itu perkara-perkara yang diharamkan oleh agama yang diterangkan melalui al-Quran dan al-Sunnah maka wajib bagi setiap orang Islam mengetahui serta mempelajarinya.

Keempat, ilmu yang berkaitan dengan pergaulan manusia sesama manusia samada perhubungan itu khas atau pun am.

Wajib di dalam hal ini adalah bersangkutan antara manusia dan keadaannya dan martabatnya, seperti wajib ke atas Pemerintah terhadap semua lapisan rakyatnya, wajib ke atas jiran menjagah jirannya dan lain-lain lagi.

Keempat-empat bahagian ini adalah termasuk di dalam wajib ain dan menjadi tanggungjawab setiap individu muslim mempelajarinya dan mengetahuinya dengan sempurna.

Manakala fardhu kifayah atau wajib kifayah pula kadang-kadang boleh menjadi fardhu ain atau wajib ain di mana digunakan kaedah; "Apa yang tidak sempurna wajib kecuali dengannya maka dia adalah wajib".

Oleh itu Fardhu Kifayah adalah ilmu-ilmu yang tidak termasuk didalam fardhu ain dan tidak diwajibkan ke atas setiap orang Islam mempelajarinya, hanya memadailah dengan sebilangan atau seorang sahaja dalam satu komuniti itu yang mempelajarinya, maka gugurlah tanggungjawab itu keatas semuanya. Seperti mempelajari ilmu sains, kedoktoran, kejuruteraan dan lain lagi di mana dengan mempelajari ilmu ini boleh menjamin maslahah kepada umat Islam sendiri baik dalam bidang politik dan juga ketenteraan dan sebagainya. Haruslah diawasi bahawa mempelajari ilmu-ilmu ini hendaklah ianya terikat dengan ilmu-ilmu dan kebudayaan syariah Islamiah.

### **Kelebihan Ilmu**

Orang yang berilmu adalah orang yang istimewa kerana ia akan berada pada tingkat/taraf yang berbeza dari orang yang jahil.

Firman Allah yang maksudnya:

"Diangkat oleh Allah orang-orang yang beriman daripada kamu dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa tingkat" (al-Mujadalah:11)

Ibn Abas ra mengatakan "Untuk ulama beberapa tingkat di atas orang-orang mukmin dengan 700 tingkat tingginya antara dua tingkat itu, jaraknya sampai 500 tahun perjalanan".

Firman Allah yang maksudnya:

"Katakanlah: adakah sama antara orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tak berilmu" (al-Zumar:9).

Oleh kerana orang yang berilmu adalah orang yang lebih tahu, khususnya dalam hal keagamaan maka orang-orang inilah yang lebih takut akan Allah. Firman Allah yang maksudnya:

"Sesungguhnya yang takut akan Allah daripada hambanya ialah ulama" (al-Fatir:28)

Ulama adalah penyambung tugas kenabian -banyak mengetahui, mengamalkannya dan mengajarkannya: sabda Rasulullah S.A.W yang maksudnya: "Ulama adalah pewaris para nabi-nabi" (H.R. Abu Dawod dan Tarmizi).

Sudah dimaklumi bahawa tidak ada pangkat yang lebih tinggi dari pangkat kenabian dan tidak ada kemuliaan di atas kemuliaan yang ada kecuali mewarisi pangkat tersebut.

Disamping golongan ulama ini sibuk dengan urusannya di dunia, para-para malaikat pula sibuk untuk memohon keampunan baginya. Sabda Rasulullah S.A.W yang maksudnya:

"Isi langit dan isi bumi meminta ampun untuk orang yang berilmu"

Kepentingan ilmu untuk kehidupan dunia dan juga ukhrawi adalah ternyata sekali di dalam hadith Rasulullah s.a.w. Pengukuran seseorang manusia itu samada dunia atau akhirat dari segi kemuliaan dan kebahagiaan hidup adalah didasarkan kepada ilmu. Oleh itu Islam adalah merupakan satu-satunya agama yang sangat-sangat mementingkan ilmu pengetahuan.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

"Barangsiapa yang berkehendakkan kepada kehidupan dunia yang sempurna maka dapatkanlah ilmu dan siapa yang berkehendakkan kehidupan akhirat yang bahagia maka bekallah dengan ilmu dan siapa yang berkehendakkan kedua-dua sekali, maka hendaklah ia mempunyai ilmu".

Selain daripada itu orang yang menuntut ilmu juga mendapat ganjaran pahala yang begitu besar di sisi Allah seperti sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

"Menuntut ilmu dalam masa satu detik/se saat itu lebih baik daripada beribadat sepanjang malam dan menuntut ilmu dalam masa satu hari lebih baik daripada puasa selama tiga bulan".

Kedudukan pahala menuntut ilmu diukur dengan beribadat sepanjang malam dan juga puasa selama tiga bulan. Dari ketiga-tiga amalan tersebut ternyata menuntut ilmu terlebih besar fadhilatnya.

Puasa yang dimaksudkan ialah puasa sunat. Ianya tidak dapat mengalahkan fadhilat menuntut ilmu untuk satu hari. Hadith ini sebenarnya menyatakan bahawa ilmu adalah penting untuk mendapatkan amal yang sempurna. Seseorang yang jahil/kurang ilmu tidak akan dapat menuaikan amal ibadatnya dengan sempurna. Oleh itu digalakkan melengkapkan diri dengan ilmu terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu amalan. Manakala ilmu tanpa amal pula adalah ibarat ‘ pohon rendang yang tidak berbuah’. Ilmu yang dimiliki mestilah dimanfaatkan untuk dirinya dan masyarakatnya.

Ali bin Abi Talib ra berkata kepada Kumail: "Hai Kumail ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga engkau dan engkau menjaga harta. Ilmu itu penghukum dan harta itu terhukum. Harta kurang apabila dibelanjakan dan ilmu itu bertambah apabila dibelanjakan".

Berkata Ibnu Abas'ra: "Disuruh pilih pada Nabi Sulaiman bin Daud as antara ilmu, harta dan Kerajaan. Maka dipilihnya ilmu, lalu dianugerahkan kepadanya harta dan Kerajaan bersama ilmu itu".

Mengikut Iman Syafie orang-orang yang menuntut ilmu adalah harus baginya menerima zakat yang diperuntukan di dalam bahagian 'Sabil Allah'.

Abu Darda ra berkata: "Barangsia berpendapat bahawa pergi menuntut ilmu bukan jihad, maka adalah dia orang yang kurang fikiran dan akal".

#### Keutamaan Mengajar:

Sebagaimana kewajipan untuk belajar (mencari ilmu) begitulah juga kewajipan untuk mengajar bagi orang yang berilmu. Adalah menjadi tanggungjawabnya untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki. Firman Allah yang maksudnya:

"Mengapa tidak berangkat satu rombongan dari tiap-tiap golongan itu untuk mempelajari perkara agama, supaya mereka dapat memberikan peringatan (pelajaran) kepada kaumnya bila telah kembali kepada mereka. Mudah-nudahan mereka berhati-hati (menjaga dirinya)" (al Taubah:122). Firmannya lagi yang maksudnya:

"Sesungguhnya satu golongan dari mereka menyembunyikan kebenaran sedang mereka itu mengetahui" (al Baqarah:146).

Rasulullah S.A.W. juga pernah bersabda yang maksudnya:

"Tidak diberikan oleh Allah kepada seseorang yang berilmu akan ilmu melainkan telah diambilnya janji seperti yang diambilnya kepada Nabi-nabi, bahawa mereka akan menerangkan ilmu itu kepada manusia dan tidak akan menyembunyikannya" (H.R. Abu Naim).

Sabdanya lagi yang maksudnya:

"Barangsiapa mengetahui sesuatu ilmu, lalu menyembunyikannya, maka ia dikenakan oleh Allah kekang, dengan kekang api neraka pada hari Qiamat" (H.R. Abu Dawud dan Tarmizi).

Allah juga berfirman yang maksudnya:

"Hendaklah ada dikalangan kamu satu golongan umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran. Merekalah orang yang beruntung" (al Imran:104).

Firmannya lagi yang maksudnya:

"Kamu adalah sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah ....." (al Imran:110).

Berkata Umar ra: "Barangsiapa menceritakan satu hadith, lalu diamalkan orang, maka baginya pahla seperti pahla yang diperolehi oleh orang yang mengamalkannya".

Ibn Abas ra berkata: "Orang yang mengajarkan kebaikan kepada orang banyak, nescaya diminta ampun dosanya oleh segala sesuatu, hatta ikan dilaut".

Tidakkah pula terlepas orang yang berilmu itu setakat mengajar dan mendakwahkankebenaran tapi lebih dari itu dia sendiri kena beramal dengan ilmu yang ia ada.

Firman Allah yang maksudnya:

"Mengapa kamu suruh orang lain (mengerjakan) kebaktian, sedang kamu melupakan dirimu sendiri, padahal kamu membaca al kitab (Taurat) maka tidakkah kamu berfikir" (al Baqarah:44).

Guru, pengajar atau pendakwah sewajarnyalah mengamalkan segala ilmunya. Jangan perkataannya membohongi perbuatannya, kerana ilmu dilihat dengan mata-hati, dan amal dilihat dengan mata-kepala, sedangkan melihat dengan mata-kepala adalah lebih banyak. Apabila amal bersalah dengan ilmu, maka tercegahlah keadilan.

Dibandingkan guru dan para muridnya adalah seumpama "bayangan dari kayu". Bila dan bagaimanakah bayang-bayang itu boleh lurus sedang kayunya bengkok?

Kerana itulah dosa orang yang berilmu yang mengerjakan maksiat, adalah lebih besar dari dosa orang yang bodoh/jahil, kerana dengan tergelincirnya orang yang berilmu ke lembah maksiat maka tergelincirlah orang yang banyak yang menjadi pengikutnya. Oleh itu berkatalah Saidina Ali ra "Ada dua orang yang mendatangkan bala bencana kepada kita, iaitu orang yang berilmu yang tak menjaga kehormatan dan orang yang jahil/bodoh yang kuat beribadah. Orang jahil itu menipu manusia dengan peribadatannya, dan orang yang berilmu itu menipu manusia dengan kelengahannya".

## Mendidik Anak

Ibu bapa bertanggungjawab memberi pendidikan yang sempurna kepada anak-anak samada secara langsung atau tidak, disedari atau sebaliknya untuk menjadi insan yang berguna kepada agamanya, masyarakat dan negaranya, dan untuk menghadapi kehidupan masa hadapannya baik di dunia maupun di akhirat kelak. Segala gerak geri dan tingkah laku ibu bapa menjadi bahan pelajaran dan ikutan kanak-kanak.

Pendidikan ibu bapa yang baik, dapat menjadikan anak-anak bersifat berdikari dalam menunaikan hak dan tanggungjawab samada terhadap Allah, terhadap diri sendiri, terhadap ibu bapa, masyarakat dan negara atau lain-lain. Bila sifat-sifat ini terlaksana jadilah sesbuah masyarakat itu, masyarakat yang harmoni yang terdiri dari "insan kamil" (manusia sempurna).

Disebaliknya jika pendidikan yang tidak baik diberikan kepada kanak-kanak, akan menjadikan mereka manusia yang tidak bertanggungjawab dalam kehidupannya. Akibatnya, disuatu masa kelak mereka akan menjadi manusia penjenayah, manusia perosak masyarakat dan negara dan lain-lain lagi.

Maka kedua-dua corak pendidikan tersebut iaitu pendidikan baik dan pendidikan buruk ada hubungan dengan:-

1. Latar belakang ibu bapa;
2. Kehidupan dalam sesbuah rumah tangga samada keruntuhan keluarga yang disebabkan oleh perpisahan ibu bapa, kematian salah seorang darinya atau sebagainya; 3. Pelajaran, pendidikan atau ilmu pengetahuan yang ada pada ibu bapa;
4. Kesihatan ibu bapa; dan
5. Corak pemikiran ibu bapa dan sosio ekonomi mereka.

Ciri-ciri ini membawa implikasi yang amat besar dan cepat dalam perkembangan kanak-kanak samada dalam perkembangan fizikal, perkembangan intelektual, perkembangan sosial dan perkembangan emosi.

Dari latar belakang keuarga yang baik akan tahu menilai tanggungjawab terhadap anak-anak dengan menyediakan keperluan-keperluan asas seseorang kanak-kanak, material dan Spiritual. Ibu bapa Muslim bertanggungjawab menerapkan ciri-ciri hidup keugamaan yang maha suci supaya bila besar nanti anak-anak itu akan menjadi manusia yang sempurna akhlak.

Selain tanggungjawab kepada anak-anak, bapa sebagai ketua keluarga berkewajipan pula untuk menunjuk ajar dan mendidik isterinya supaya menjadi isteri yang solehah, yang taat kepada Allah, Rasul dan suaminya. Mana-mana s'iyami (atau bapa) yang tidak berkemampuan untuk memberi ilmu agama kepada isteri (atau anak-

anak) maka kenalah suami (atau bapa) berusaha supaya disediakan tenaga-tenaga pengajar bagi mengajar dan mendidik mereka secara sempurna.

#### RUJUKAN

1. Al Quran dan terjemahannya, Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/pentafsir al-Quran.
2. Al-Ghazali, 1980, Ihya Ulumuddin, jilid 1, Perc. Menara Kudus, Indonesia.
3. Al-Ghazali 1988, Minhajul Abidin (Terj.), Klang. Klang Book Center
4. Ishak bin Ahmad, 1980, Menuntut Ilmu menurut Islam, di dalam koleksi Al-Yakin 1978-79, Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.
5. Mohamed bin Jusoh, 1980, Ibu bapa dan pendidikan, di dalam koleksi Al-Yakin 1978-79, Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

**DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN DAN  
DASAR BAHASA MALAYSIA**  
**DR. BAHARUDIN YATIM**

### **1. Pendahuluan**

Dasar pelajaran kebangsaan berhubung rapat dengan Dasar Bahasa Malaysia kerana pelajaran disampaikan menerus medium Bahasa Malaysia (Bahasa kebangsaan). Bahasa pula memberikan satu identiti khusus kepada negara kita. Satu bangsa yang merdeka mestilah mempunyai bahasanya sendiri. Penggunaan bahasa asing menjadikan sesuatu negara itu hanya ranting kepada suatu negara yang lebih besar. Dalam keadaan demikian bangsa itu tidak dapat membangunkan identitinya sendiri.

Bahasa kebangsaan ialah bahasa yang digunakan oleh semua rakyat, tidak mengira keturunan. Bagi suatu negara yang penduduknya atau warganegaranya bersifat majmuk, maka satu dasar yang dipersetujui bersama harus digubal bagi membangunkan bahasa kebangsaan negara itu. Amerika Syarikat adalah satu contoh yang paling jelas. Negara tersebut mempunyai warganegara yang berasal dari seluruh dunia tetapi mereka telah menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kebangsaannya. Bahasa itu dituturkan di seluruh jajahan persekutuan itu dan bahasa itulah yang digunakan sebagai medium pendidikan. Contoh yang sama didapati juga di blok timur, Persekutuan Republik Sosialis Russia, maupun Republik Rakyat China yang masing-masing telah menjadikan Bahasa Russia dan Mandarin sebagai bahasa kebangsaan mereka. Bagi negara kita Bahasa Kebangsaan itu ialah Bahasa Melayu, sebagai mana yang diperuntukkan di bawah perkara 152 Perlembagaan Pemerintahan.

Bahasa kebangsaan, iaitu bahasa yang dituturkan, dituliskan dan dibaca oleh semua warganegara, tidak mengira keturunan dan bahasa ibunda, mestilah bersifat piawai. Ia akan menjadi tali penghubung atau penyatu bagi semua warganegara yang berbilang keturunan ini.

Penekanan atau pemaksaan penggunaan satu bahasa kepada kaum yang bukan mempunyai bahasa tersebut sebagai ibundanya mungkin boleh ditafsirkan sebagai satu penindasan dan penafian hak kaum itu. Tetapi perkara ini harus dilihat dari aspek positifnya. Di mana semua kaum sudah membuat ikrar setia kawan untuk hidup dan mati bersama di bawah satu identiti negara yang sama, maka hal ini hendaklah dilihat sebagai satu langkah untuk kemajuan. Di sinilah timbulnya kebertamadunan bangsa itu, apabila ia dapat mengatasi sifat kekauman yang sempit dan membentuk sifat keterbukaan yang lebih luas. Usaha untuk menguasai keadaan ini bukanlah mudah.

Sejarah perkembangan Bahasa Malaysia dan sistem pelajaran kebangsaan penuh dengan kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa yang memaparkan kelemahan dan singkatnya pemikiran kita pada masa dahulu. Namun demikian, berkat kesabaran dan sifat toleransi yang merupakan sifat yang tinggi dan halus yang harus sentiasa diketengahkan oleh

semua kaum, negara kita telah dapat melangkah ke hadapan. Pencapaian kita setakat ini tidak dapat diragukan lagi.

## 2. Perkembangan Sistem Pelajaran Dan Bahasa Kebangsaan

Sejarah perkembangan Sistem Pelajaran dan Bahasa Kebangsaan negara kita membuktikan bahawa bahasa adalah punca identiti sebuah negara yang merdeka. Perjuangan mendapatkan sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Melayu menjadi benih kepada perjuangan kemerdekaan.

Pembentukan suatu sistem pelajaran kebangsaan adalah hasil pengaruh dan tekanan faktor dalaman dan luaran. Perasaan tidak puashati terhadap kemudahan pelajaran, dasar pecah belah melalui sistem pelajaran yang wujud, keadaan layanan yang tidak seimbang antara kaum dan keimbangan hapusnya identiti bangsa yang menjadi teras masyarakat negara (bangsa Melayu) merupakan faktor dalaman yang mempengaruhi perkembangan sistem pelajaran dan Bahasa Kebangsaan kita. Contohnya pada tahun 1946, Jawatankuasa Persatuan British Malaya telah menulis satu memorandum kepada British Colonial Office, yang antara lain mencadangkan: 'It is considered that every effort must be made to develop a sense of pan Malayan citizenship on the part of all domiciled races and for that reason a radical change in educational policy seems necessary'.

Perkembangan sistem pelajaran kebangsaan boleh dibahagikan kepada peringkat-peringkat yang boleh dikatakan sebagai batu penentu. Peringkat-peringkat ini ialah:

- a) Laporan Jawatankuasa Barnes (1951) yang mengasaskan Ordinan Pelajaran 1952.
- b) Laporan Jawatankuasa Razak (1956) yang mengasaskan Ordinan Pelajaran 1957.
- c) Laporan Jawatankuasa Rahman Talib (1960), yang menguruskan Akta Pelajaran 1961
- d) Laporan Jawatankuasa Jumaah Menteri (1979).

### Laporan Barnes (1951)

Laporan ini sebenarnya adalah Laporan Jawatankuasa Mengenai Pelajaran Orang-Melayu yang diberi nama 'Report of the Education Committee Appointed by His Excellency the High Commissioner For the Federation of Malaya'. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh L.J. Barnes, Director of Social Training, University of Oxford. Laporan Jawatankuasa ini mencadangkan supaya semua sekolah rendah dari berbagai jenis (sekolah rendah Inggeris, Cina, Tamil dan Melayu) disatukan menjadi Sekolah Kebangsaan. Di sekolah ini Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar. Antara lain laporan ini menyarankan:

'The joint use of English and Malay in primary school whose pupils are of all races will, in our judgement, open up to the pupils fresh fields of interests and means of advancement. The Malay language, in thus extending its currency, will be helped to develop vocabulary and idiom in many spheres above and beyond the primary school, envisaged that as evolving to a point where it becomes a comprehensive means of expression and communication in commerce, industry, science, technology and the huminities'.

Laporan Barnes yang diasaskan kepada cadangan-cadangan Jawatankuasa Mengenai Pelajaran Orang-orang Melayu, telah ditentang dengan hebatnya oleh kaum Cina dan India. Kerajaan Inggeris telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa lain mengenai pelajaran Cina, iaitu Jawatankuasa Fenn-Wu (1951). Kaum India pula menubuhkan Jawatankuasa mereka sendiri untuk mengkaji masalah pelajaran Tamil.

### **Ordinan Pelajaran 1952**

Ordinan Pelajaran 1952 menggariskan dasar pelajaran kebangsaan buat pertama kalinya. Di antara tujuan-tujuan pelajaran kebangsaan yang dihasratkan melalui Ordinan ini ialah:

- a) Mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan watak murid-murid.
- b) Menggalakkan tiap-tiap kaum memainkan peranannya yang sesuai dalam hubungan antara kaum di Tanah Melayu.
- c) Menyatukan warganegara sebagai satu bangsa Tanah Melayu.
- d) Mengadakan kurikulum yang sama bagi sekolah-sekolah kebangsaan, dengan menekankan perkara-perkara yang berasaskan Tanah Melayu sekurang-kurangnya bagi enam tahun pertama persekolahan.

Ordinan Pelajaran 1952 mewujudkan dua jenis sekolah kebangsaan. Satu jenis menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan Bahasa Melayu sebagai bahasa wajib. Satu jenis lagi menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Tidak ada sekolah aliran Cina atau Tamil. Walau bagaimanapun ada undang-undang yang mewajibkan kedua-dua bahasa ini diajar jika ada 15 orang murid atau lebih dalam sesebuah darjah yang memerlukannya. Setelah tamat enam tahun di sekolah kebangsaan ini, murid-murid terbaik akan terpilih untuk melanjutkan pelajaran di peringkat menengah. Bahasa pengantar di sekolah menengah adalah Bahasa Inggeris dan Cina atau Tamil mengikut keperluan.

### **Laporan Razak (1956)**

Laporan Penyata Pelajaran Razak adalah satu garis panduan untuk bertindak yang mengambilkira konteks politik yang akan berubah dari pemerintahan kolonial kepada pemerintahan sendiri. Pada peringkat ini banyak tolak-ansur politik telah diserapkan ke

dalam laporan ini. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dibenarkan wujud demi menjaga keharmonian kaum menjelang negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Penyata ini menegaskan dengan kuatnya berkeraaan dengan status Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah.

Dengan Laporan Penyata Razak, tertubuhlah Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang telah pun dicadangkan dalam Laporan Barnes. Laporan Razak juga menubuhkan Sekolah Menengah Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang menggunakan Bahasa Inggeris, Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar. Cadangan-cadangan dari Laporan Razak ini dikuatkuasakan melalui Ordinan Pelajaran 1957. Ordinan ini bolehlah dikatakan sebagai asas kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan.

#### **Laporan Jawatankuasa Penyata Rahman Talib (1960)**

Jawatankuasa Pelajaran Rahman Talib ditugaskan untuk mengkaji pelaksanaan cadangan-cadangan dalam Laporan Razak. Laporan Jawatankuasa Rahman Talib ini lebih berbentuk syor-syor pelaksanaan. Di antara hasrat dan cadangan yang dibuat di dalam Laporan itu ialah:

'... the recommendations sprang, from the search for the ideal which all of us must surely have before us \_\_\_\_\_ a national education system in which the children of all communities, classes and creeds are brought together for these all important years during which their characters are being formed'.

Laporan Rahman Talib sekali lagi menegaskan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan mestilah dijadikan bahasa yang terpenting di dalam sistem pelajaran kebangsaan:

'It would be incompatible with an education policy designed to create national consciousness and having the intention of making the Malay Language the National Language of the country to extend and to perpetuate a language and racial differential throughout the publicly financed education system'.

Sungguhpun Laporan ini menerima bantahan dari beberapa kumpulan kaum Cina, penyata itu telah diluluskan oleh Parlimen sebagai Undang-Undang Parlimen No. 43 tahun 1961.

#### **Laporan Jumaah Menteri 1979 (Laporan Kabinet)**

Laporan ini adalah penyata jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir Muhammad. Laporan ini lebih dikenali sebagai Laporan Kabinet. Laporan ini menggariskan beberapa peruntukan bagi memperkuatkan dasar dan melicinkan pelaksanaan sistem pelajaran kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Antara lain, laporan ini menegaskan betapa pentingnya peranan sekolah kebangsaan bagi membentuk semangat identiti nasional di kalangan kanak-kanak

berbagai keturunan. Semua sekolah sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah swasta diwajibkan mengikuti sukan dan kandungan pelajaran yang sama dan mengambil peperiksaan yang sama. Laporan kabinet ialah panduan utama dalam melaksanakan Dasar Pelajaran dan Bahasa Malaysia kini.

### Perbincangan

Pembinaan satu sistem pendidikan dan pengembangan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan merupakan umbi kepada perjuangan kemerdekaan dan penubuhan sebuah negara yang berdaulat. Melalui sistem pelajaran yang menggunakan satu bahasa, generasi-generasi akan datang yang berasal dari berbagai keturunan etnik dapat dididik dan dibentuk supaya memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini. Contoh yang jelas di mana strategi ini telah berjaya ialah Amerika Syarikat sebagaimana yang telah disebutkan dahulu.

Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan kerana ia merupakan **lingua franca** bukan sahaja di kalangan semua kaum yang menduduki Tanah Melayu tetapi juga di seluruh rantau ini. Pihak berkuasa pemerintah Inggeris sendiri mengetahui hakikat ini. Namun begitu hasil tentang dari kaum-kaum lain di Tanah Melayu pada masa itu, pihak Inggeris mengambil jalan yang lebih menjamin kestabilan kuasa dan kepentingan ekonomi mereka.

Sekolah-sekolah pada masa itu mendidik anak-anak mengikut kaum dan tidak ada unsur-unsur yang menyatukan antara kaum di dalam kurikulum. Pada satu segi, ini adalah baik untuk dasar penjajahan Inggeris, iaitu dasar ‘pecah-belah dan kongkong’. Walaupun sekolah Inggeris menampung kanak-kanak dari berbagai keturunan, kewujudannya terhad di bandar-bandar sahaja dan bilangan anak Melayu yang masuk adalah amat kecil. Sekolah Inggeris merupakan sekolah untuk orang-orang mewah. Dengan demikian orang-orang Melayu berasa kecewa tentang sistem pelajaran kerajaan kolonial yang tidak menggalakkan mereka bersaing dengan kaum lain (kaum pendatang) untuk meningkatkan keadaan sosial dan ekonomi mereka. Timbul rasa curiga bahawa orang Melayu akan terus hidup mlarat dan miskin jika sistem pelajaran tidak diperbaiki.

Kecurigaan juga wujud terhadap masa hadapan Bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang telah menjadi **lingua franca** di rantau Asia Tenggara ini sejak dari kurun ke 15 kelihatannya telah menjadi satu bahasa yang tidak diambilkira dari segi kepentingan sosial, ekonomi dan pentadbiran negara. Maka perjuangan membentuk satu sistem pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan kemuncaknya di universiti itu adalah juga sebahagian dari usaha memperjuangkan satu negara yang merdeka dan berdaulat dan mempunyai identiti sendiri.

Kita tidak hairan timbul pergeseran antara orang Melayu dengan kaum-kaum Cina dan India apabila mereka menentang usaha-usaha ini, seperti yang dilakukan ke atas Laporan Barnes, Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Kaum Cina dan India juga pernah menentang penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia. Penentangan ini timbul dari prejuidis dan salah faham tentang matlamat perjuangan menubuhkan sebuah negara yang merdeka.

Pada hari ini kita melihat tercapainya hasrat yang ingin dicapai pada mulanya di dalam Laporan Barnes, iaitu di mana Bahasa Melayu menjadi bahasa yang mampu menyampaikan ilmu dalam bidang sains, teknologi dan kemanusiaan.

Generasi muda hari ini dan generasi-generasi akan datang hendaklah menyorot sejarah pembentukan sistem pelajaran kebangsaan dan Bahasa Malaysia ini dengan hati terbuka dan menerima sebagai satu rahmat, kerana tidak dapat dinafikan negara kita sudah bergerak menuju kepada keadaan sebuah negara yang satu, yang rakyatnya dari berbilang kaum melalui sistem pelajaran yang sama dan belajar melalui bahasa yang sama. Adalah menjadi tanggungjawab generasi sekarang untuk memantapkan lagi sistem ini dan mengkayakan lagi Bahasa Malaysia itu dengan berbagai ilmu untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang.

#### RUJUKAN

1. **Education Act.** Kuala Lumpur: International Law Book Services, 1961.
2. Omar Mohd Hussin. **Pengisian Misi Pendidikan.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1961.
3. Ahmad Aturi Hussein . **Politik Dan Dasar Awam Malaysia.** Kuala Lumpur; Utusan Publication Berhad. 1990.

dc: Das. Pelajaran Kebangsaan.

## DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Dr. Baharuddin Yatim

Kebudayaan itu amat penting bagi individu atau masyarakat. Cara hidup sesuatu kumpulan manusia itu atau masyarakat itu tidak dapat difahami melainkan melalui kebudayaannya. Kebudayaan dapat membeda antara suatu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Dalam konteks Malaysia kebudayaan itu dilihat dari aspek persamaan dan perbedaan cara hidup antara kita sebagai rakyat Malaysia yang kita panggil sebagai Masyarakat Malaysia. Apa yang dimaksudkan kebudayaan di sini menurut definisi sosiologi sebagai cara hidup yang menjadi "kepunyaan bersama".

Apabila Malaysia mencapai kemerdekaan dari penjajahan Inggeris kita mewarisi cara hidup dari zaman penjajahan yang mengamalkan dasar "divide and rule". Masyarakat terbahagi kepada golongan atau ras dengan kebudayaan yang bercorak sukuan. Masyarakat kita tidak mempunyai dasar-dasar kebudayaan yang pokok yang menjadi kepunyaan kita bersama untuk menunjukkan suatu identiti bangsa Melayu.

Kesan dari warisan zaman penjajahan itu menyebabkan rakyat Malaysia tidak mempunyai kejiwaan Malaysia. Warganegara yang berasal dari golongan emigran masih menaruh taat setia dan berkiblat kepada negara asalnya. Oleh sebab itu maka wujud semacam benteng (cultural barrier) antara golongan emigrant dengan penduduk pribumi Malaysia.

Adalah diakui bahawa perbedaan keturunan atau ras tidak dapat dihapuskan, tetapi ciri-ciri kebudayaan yang pokok harus ditonjolkan supaya dapat menentukan corak keperibadian kebangsaan yang memperlihat identiti masyarakat Malaysia. Dengan cara yang demikian corak kebudayaan sukuan dapat diperkecilkan dan semangat kebangsaan Malaysia dapat diperkuatkan demi untuk mewujudkan identiti masyarakat Malaysia yang bersepada.

Pembinaan sesuatu negara itu memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat yang menjadi rakyat negeri itu. Pembinaan negara itu belum sempurna jika rakyat negeri itu tidak menaruh taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara itu terutama apabila mempertahankan negara itu dari pencerobohan musuh. Untuk mencapai matlamat pembinaan negara maka rakyat negara itu harus mempunyai ciri-ciri persamaan dalam perkara pokok termasuk kejiwaannya. Tegasnya Malaysia memerlukan suatu identiti atau corak kebudayaan kebangsaan yang dapat memupuk semangat kebangsaan Malaysia demi untuk mewujudkan perpaduan dan ketstabilan di dalam negara.

## Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan

Perjuangan menuntut kemerdekaan telah lama diperjuangkan oleh para penduduk negeri ini sejak beratus yang lampau dari sejak zaman Portugis, Belanda hingga ke zaman Inggeris. Akhir pada tahun 1957 Malaysia telah mencapai kemerdekaan dan menjadi sebuah negara yang berdaulat. Sebagai sebuah negara ia membawa pengertian bahawa Malaysia mempunyai satu bangsa Malaysia hasil dari permuafakatan antara penduduk peribumi dengan berbagai golongan emigran yang berhijrah ke negeri ini.

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan permuafakatan diadakan di antara rakyat negeri ini untuk mengwujudkan suatu bentuk perlombagaan yang akan menjadikan undang-undang yang tertinggi di negeri ini. Hasil dari persetujuan itu tergubahlah perlombagaan Malaysia. Walaupun perlombagaan Malaysia tidak menjelaskan tentang corak kebudayaan kebangsaan, namun kita mendapati beberapa garis-garis kasar tentang corak kebudayaan negara itu, misalnya:

1. Kedudukan Yang Di Pertuan Agung sebagai ketua negara adalah contoh penerapan unsur kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan kebangsaan negara ini kerana institusi Yang Di Pertuan Agong itu adalah merupakan unsur kebudayaan Melayu. Demikian juga gelaran yang lain bagi ketua kerajaan negeri-negeri di Malaysia.
2. Peruntukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan disebutkan dalam perkara 152 (1) yang menyebutkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dituliskan dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang parlimen.
3. Kedudukan agama Islam sebagai agama persekitaran adalah mencerminkan corak budaya Melayu tradisional di mana agama menjadi asas masyarakat Melayu tradisi.

Keperibadian Malaysia, maka Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang bersidang pada tahun 1971 telah menetapkan tiga asas pokok untuk mencirikan kebudayaan kebangsaan:

1. Kebudayaan Kebangsaan haruslah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal di rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Dasar kebudayaan kebangsaan seperti yang tersebut di atas telah mendapat pengesahan dari kerajaan. Penegasan yang terbaru dibuatkan oleh kerajaan melalui ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir pada 18hb. Disember 1982 semasa merasmikan Pertemuan Dunia Melayu di Melaka. Beliau menyebut:

"Kita semua telah bersetuju, perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan; satu kebudayaan iaitu kebudayaan kebangsaan. Maka bahasa kebangsaan diasaskan kepada bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan ialah kebudayaan yang berteraskan kebudayaan rakyat asal peribumi Malaysia kebebasan untuk mengamalkan kebudayaan masing-masing sebagai kebudayaan kesukuan dalam rangka dan batas-batas tertentu adalah terjamin dalam perlembagaan negara kita.

Dengan demikian, persoalan konsep kebudayaan kebangsaan tidak timbul lagi, sama seperti persoalan bahasa kebangsaan juga tidak timbul lagi. Yang menjadi persoalannya hanyalah usaha dan tanggungjawab untuk mengisi konsep ini, bagi kepentingan hidup bersama. Jika kita semua benar-benar inginkan sebuah negara yang aman makmur dengan kehidupan rakyatnya yang damai serta bahagia, bahasa dan kebudayaan tidak seharusnya lagi dijadikan isu politik yang hanya menguntungkan golongan yang anti perpaduan dan yang taat setianya boleh diragukan".

#### **Kebudayaan rakyat asal sebagai teras kebudayaan kebangsaan**

Sejarah menunjukkan bahawa lingkungan budaya Melayu-Polynesia tersebar luas dari Pulau Madagaskar hingga ke Pulau-pulau Lautan Teduh dari Taiwan hingga ke Australia. Asia Tenggara dan Alam Melayu menjadi pusat tamadun Melayu pada zaman lampau. Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan antara Lingua-Franca di Asia Tenggara sebelum kedatangan penjajahan Barat.

Sebagai satu sistem kebudayaan yang lengkap dan merangkumi semua aspek kehidupan, budaya Melayu merupakan cara hidup dan ukuran keperibadian bagi kira-kira 150 juta umat manusia yang bertutur rumpun bahasa yang sama. Malaysia disegi geografinya terletak dalam kawasan budaya Melayu dan dari segi sejarah merupakan sebahagian daripada keseluruhan rantau ini. Oleh itu sudah sewajarnya kebudayaan kebangsaan Malaysia berteraskan kebudayaan Melayu.

Disegi politik perjuangan untuk menuntut kemerdekaan negeri ini dari penjajahan Barat tidak lama diperjuangkan oleh rakyat peribumi beratus tahun lampau sejak kedatangan Portugis pada abad keenam belas hingga ke zaman penjajahan Inggeris. Pada

abad ke sembilan belas buruh-buruh dari China dan India telah dibawa masuk ke Tanah Melayu. Sebelum Malaysia mencapai keemrdekaan pertubuhan politik Melayu telah membuat persetujuan dengan pertubuhan politik kaum-kaum lain bahawa kaum emigran boleh diterima menjadi warganegara Malaysia dan sebagai gantinya kaum-kaum lain hendaklah menerima beberapa aspek kebudayaan peribumi seperti kedudukan raja-raja Melayu, bahasa Melayu, Islam sebagai agama negara dan lain-lain lagi. Dengan persetujuan itu aspek-aspek yang tersebut yang menjadi suatu ciri yang penting dalam kebudayaan Melayu telah dimaterikan dalam perlembagaan Malaysia.

### **Kebudayaan Kebangsaan dan unsur-unsur kebudayaan lain**

Sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip demokrasi amat menyedari tentang hakikat dinamisme budaya. Oleh itu kebudayaan kebangsaan adalah bersikap liberal terhadap warisan-warisan lain yang kaya asal sahaja unsur-unsur kebudayaan lain itu sesuai dan wajar maka bolehlah diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.

Takrif "sesuai" di sini bermaksud bahawa unsur-unsur asing yang hendak diterima itu mestilah benar-benar sesuai dan wajar dengan norma-norma hidup yang sedia wujud untuk melambangkan keperibadian Malaysia. Tegasnya mana-mana unsur asing yang tidak berlawanan dengan ciri kebudayaan rakyat asal di rantau ini dan tidak bertentangan dengan prnsip-prinsip Rukunegara maka boleh diterima sebagai unsur kebudayaan kebangsaan terutama bagi tujuan mengukuhkan perpaduan negara.

Kebudayaan Melayu yang dipersetujui sebagai teras kebudayaan kebangsaan adalah suatu bentuk kebudayaan yang liberal yang sudahpun menerima unsur-unsur kebudayaan sukuan yang lain. Berbagai unsur kebudayaan sukuan Cina dan India dapat dilihat dalam kebudayaan Melayu. Misalnya yang ketara sekali ialah unsur-unsur kebudayaan India dalam seni budaya Melayu. Oleh yang demikian kebudayaan Melayu yang bercorak liberal amat wajar menjadi teras kebudayaan kebangsaan Malaysia.

### **Islam sebagai unsur yang penting dalam kebudayaan kebangsaan**

Agama Islam telah bertapak di alam Melayu sejak 600 tahun yang lalu dan dianuti oleh sebahagian besar penduduk di rantau ini. Kini nilai-nilai Islam merupakan nilai yang dominan dan asas dalam kebudayaan Melayu.

Oleh sebab Islam menjadi sebagai unsur yang penting dalam kebudayaan Melayu maka dengan menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan maka dengan sendirinya kedudukan Islam harus mendapat tempat yang wajar di dalam kebudayaan kebangsaan seperti juga diperakui oleh perlembagaan Malaysia yang menjadi undang-undang yang tertinggi di negara ini.

Ajaran agama Islam yang mengandungi norma-norma yang bercorak universal dan menentang cara-cara paksaan terhadap orang bukan Islam amatlah sesuai sekali untuk masyarakat yang berbilang kaum. Unsur toleran yang terdapat dalam ajaran Islam harus ditonjolkan dan diterima dalam konteks kebudayaan kebangsaan. Nilai-nilai yang sama juga telah ditekankan dalam Rukunegara Malaysia.

### Kesimpulan

Cita-cita mewujudkan kebudayaan kebangsaan merupakan salah satu matlamat dalam pembinaan negara Malaysia. Malaysia yang mengandungi penduduk berbagai kaum mempunyai berbagai tradisi budaya. Kepelbagaiannya ditambah pula dengan pengaruh penjajahan barat sehingga menjadikan kebudayaan Malaysia bertambah kompleks dan unik. Matlamat pembinaan kebudayaan di Malaysia adalah berdasarkan dasar yang ditetapkan untuk mewujudkan keperibadian bangsa dan perseimbangan kehidupan sosial. Dalam proses pembinaan kebudayaan ini diharap segala nilai-nilai yang positif dan progresif dapat diterapkan demi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kuat dan berdaulat.

A55 Das. Kebudayaan Kebangsaan.

## **PRINSIP UMUM EKONOMI ISLAM**

Surtahman Kastin Hassan

Prinsip umum ini adalah merupakan sesuatu ketetapan yang tidak berubah, walaupun apa sekalipun keadaan tempat, masa dan tingkat kemajuan ekonomi dalam masyarakat (lihat Al-Assal dan F.A. Abdul Karim 1981, 13). Prinsip-prinsip umum ini sedikit dan terbatas yang biasanya berkait dengan keperluan-keperluan pokok setiap manusia. Misalnya haramnya penindasan melalui riba, curi, rampas, pemusatan harta dan kewajipan bantu membantu melalui zakat, silaturrahim, hak jiran dan sebagainya.

Dalam bidang kaedah perlaksanaan prinsip-prinsip ini atau dalam bidang yang tidak diputuskan hukumnya oleh salah satu dari prinsip-prinsip ini, setiap masyarakat (Islam) berhak (wajib) berijtihad menemukan pendapat bagi pemecahan permasalahan ekonomi mengikut situasi masyarakat dengan petunjuk dari kitab Allah dan Sunnah Rasul. Cara-cara penyesuaian yang boleh berubah-ubah ini diistilahkan sebagai "sistem ekonomi Islam" (Al-Assal dan F.A. Abdul Karim 1981, 14-15). Misalnya yang boleh dikemukakan dalam hal ini ialah seperti cara mengutip hasil zakat secara berkesan. Zakat jelas telah ditetapkan, tapi kekesanan cara pengutipannya boleh difikirkan mengikut masa dan keadaan. Maka dalam konteks ini prinsip ekonomi Islam adalah sebagai "ideal-ideal am komprehensif yang menjadi asas kepada pemikiran ekonomi Islam" (Abd.Rashid Dail 1984,5). Dr.Abd Rashid Dail telah membahagikan prinsip-prinsip ini kepada dua; prinsip teras dan prinsip cabang. Daripada perbincangan beliau dan penulis-penulis yang lainnya mengenai prinsip ini bolehlah disesuaikan prinsip tersebut sebagai berikut:

### **Konsep cipta dan hakmilik**

Allah adalah pencipta segala-galanya, serentak dengan itu juga maka Allahlah pemilik 'mutlak' ke atas alam dunia ini dan segala yang ada di dalamnya. Semuanya kepunyaan Allah. Manusia cuma diberi hak untuk 'mengurus' dan mengambil manfaat dari anugerahan tersebut sebagai satu 'amanah' yang akan dipersoalkan di hari akhirat nanti.

Hakmilik dalam ekonomi Islam adalah tidak mutlak, tapi terikat demi memelihara kepentingan ramai dan mencegah bahaya/kerosakan.

- 1) Manusia sebagai khalifah Allah, petugas yang bekerja pada milik Allah demi kebaikan masyarakat Islam seluruhnya.
- 2) Harta sebagai amanah.

## Konsep hakmilik

Muhammad Al-Assal membahagikan hakmilik kepada dua bahagian iaitu hak milik khusus (perseorangan) dan hakmilik umum negara (lihat Al-Assal dan F.A. Abdul Karim 1981 34-72). Hakmilik Khusus. Islam mengakui fitrah kemanusiaan untuk memiliki harta. Oleh itu Islam menbenarkan pemilikan harta secara individu, menghormati dan bukan menganiayaan milikan tersebut. Ini adalah kerana,

- 1) Kecintaan terhadap harta boleh melalaikan dan menderhakai Allah.  
(Lihat al-Quran 96:6-7).
- 2) Kemelaratan boleh membawa kepada kehinaan malah kepada kekufturan. Sabda nabi yang maksudnya;

Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufturan. Islam mengatur dan mengikat kemerdekaan orang dalam penggunaan hak milik khususnya dengan ikatan-ikatan yang menjamin tidak adanya baha, kerosakan atau gangguan terhadap orang lain dan kemaslahatan umum. Maka hak milik menurut Islam menyangkut semua hak-hak. Menimbulkan baha kepada orang lain adalah penganayaan yang dilarang dalam Islam.

Hakmilik khusus boleh dipenuhi melalui perwarisan, wasiat, jual beli, pemberian (derma/hadiyah), bekerja, bercucuk tanam dan menghidupkan tanah-tanah mati. Hakmilik umum. Ia adalah merupakan harta yang dikhususkan bagi kepentingan umum atau kepentingan jamaah -contohnya seperti jalanraya, aliran sungai, tempat rekreasi tanah-tanah padang rugut dan pertahanan negara. Umumnya pula barang milik umum ini boleh dibahagikan kepada dua:-

- 1) Barang yang disediakan oleh kerajaan seperti jalanraya, jambatan, pertahanan negara dan taman negara.
- 2) Barang yang tidak disediakan oleh kerajaan seperti air dan udara bersih, aliran sungai, tempat-tempat rekreasi semulajadi, sumber perikanan dan perhutanan. Manakala bahan galian (yang juga tidak disediakan oleh kerajaan) maka jika galian itu terdapat di tanah yang bukan milik khusus (individu) maka galian itu akan jadi hakmilik umum. Tapi kalau terdapat pada tanah hak milik khusus (individu) maka mengikut mazhab syafie galian itu akan mengikuti tanah tersebut (iaitu menjadi hakmilik individu tersebut). Manakala mengikut mazhab Malik galian itu akan jadi milik umum sebab galian itu diiqaskan dengan air, api dan rumput yang dinaskan oleh hadith. Sementara mazhab Hanafi membolehkan negara mengambil 1/5 bahagian daripada hasil galian tersebut.

Hakmilik umum adalah sesuatu yang diruruskan oleh pemerintah sebagai penguasa tidak pula boleh sewenang-wenang mengeluarkan harta itu untuk hal-hal yang tidak diterangkan secara hukum. Bagaimanapun pemerintah Islam boleh memperluas dan mempersempit bidang hakmilik umum ini menurut keperluan maslahat ramai, atau mengikut kemajuan ekonomi.

#### **Konsep Tauhid, Rububiyah dan Tazkiah**

Konsep ini dalam konteks ekonomi adalah merupakan pengakuan akan kekuasaan Allah yang Maha Pencipta, mengatur manusia dalam menjalani kehidupan dan rezeki di dunia. Kesucian jiwa manusia yang dizahirkan melalui akhlaknya adalah lahir daripada keimanannya yang betul dan luhur.

Konsep tauhid merangkumi hubungan antara manusia dan penciptanya (Allah), dan hubungan manusia dengan manusia. perhubungan manusia-manusia adalah dalam naungan sinaran perhubungan dengan Allah, tidak takut kepada manusia sebab manusia adalah makhluk Allah yang tidak ada kuasa, sebaliknya tidak menganiayai manusia lain sebab Allah adalah pencipta dan pemelihara segala makhluk termasuk manusia tersebut.

Konsep Rububiyah berkait dengan sifat Allah sebagai penguasa yang membuat peraturan-peraturan bagi menjaga dan menampung kehidupan makhluk kepada kesempurnaan. Dalam konteks ekonomi ianya merupakan peraturan Ilahi bagi menyusun rezeki dan aktiviti ekonomi manusia bagi kepentingan yang sebenar.

Konsep Tazkiyah berkait dengan pembentukan kesucian jiwa dan ketinggian akhlak. Salah satu tujuan perutusan rasul-rasul ialah untuk memurnikan dan mensucikan hati manusia di dalam hubungannya dengan Allah, manusia dan alamnya. Pensucian harta melalui zakat dan sadaqah. Dari tazkiyah lahirlah al-falah. Penghuluran tazkiyah adalah natijah dari perlaksanaan konsep Rububiyah.

#### **Pengharaman amalan ekonomi yang batil**

Pengharaman amalan ekonomi yang batil ini adalah merangkumi aktiviti penggunaan dan pengeluaran. Ia meliputi:

- Segala bentuk aktiviti yang diharamkan secara nash qat'i seperti riba, judi, lacur, kikir, boros, membazir, menyorok barang keperluan, menipu timbangan/sukatan, menyongsong barang orang di dusun sebelum sampai ke pasar, menjual beli barang

- , yang belum dimiliki atau belum wujud atau tidak diketahui dengan lengkapnya dan segala aktiviti yang boleh merosak, merbahaya dan mengganggu keselamatan fizikal dan mental tanpa keperluan syarak.
- b) Segala bentuk barang yang diharamkan secara putus seperti arak, babi, anjing dan segala barang yang boleh merosakkan, merbahaya dan mengganggu keselamatan fizikal dan mental, kecuali kerana darurat.

### **Pengamalan ekonomi yang halal**

Adalah menjadi kewajipan bagi seseorang muslim yang mahu memenuhi keperluan hidupnya bergiat dalam lapangan ekonomi dengan menjalankan aktivitinya secara yang halal. Pengamalan ini juga meliputi aspek pengeluaran dan penggunaan.

- a. Hak/kebenaran. Ianya hanya membenarkan manusia mengguna/mengeluarkan perkara-perkara yang mendapat keizinan dari Allah baik dari segi zat, cara atau tujuannya.
- b. Kesucian/kebersihan. Barang tersebut mestilah baik, bersih, suci dan berguna. Tidak busuk, najis atau yang boleh memudaratkan pengguna.
- c. Kesederhanaan. Menjauhi dari sifat boros, membazir dan tidak pula kikir.
- d. Kerohanian. Sifat-sifat terpuji yang didorong atas pancaran keimanan, sebagai memenuhi tuntutan jiwa.
- e. Kemanfaatan dan kemaslahatan. Segala anugerahan Allah halal digunakan selagi ia boleh memberi manfaat dan kebaikan ramai.

Tidak pula bermakna dengan melepaskan amalan yang haram dan bergiat semata-mata kepada amalan yang halal akan mengeciikan keuntungan, lantas sumbangannya kepada kebijakan masyarakat pun turut mengecil. Keuntungan tidak harus diukur semata-mata pada hasil kebendaan tapi perlu juga dilihat dari segi keberkatannya. Rezeki yang kecil tapi berkat adalah merupakan satu keuntungan yang besar.

### **Kawalan dari pihak berkuasa**

Adalah menjadi kewajipan kerajaan untuk melaksanakan amalan ekonomi negara secara Islam, juga kewajipan kerajaan untuk mengenakan hukuman jika amalan ekonomi rakyat bercanggah dengan kehendak Islam. Kerajaan harus campurtangan dalam hal kegiatan ekonomi dari segi pengurusan, penyusunan, pengagihan dan perancangan untuk mewujudkan keadilan dan keseimbangan antara masyarakat dan di antara individu dan masyarakat. Bidang campurtangan kerajaan ini adalah merupakan bidang-bidang yang diluar daripada kemampuan individu untuk melaksanakannya. Penulis-penulis Islam telah membuat

senarai yang boleh dirumuskan sebagai (lihat Hamzah Ismail dan A.Shahbari Salomon 1982, 12-14);

- i) Jaminan sosial
- ii) Agihan pendapatan
- iii) Jaminan persamaan peluang
- iv) Pengawasan pasaran
- v) Polisi kerja dan upah
- vi) Memerangi riba, rasuah dan lain-lain aktiviti yang terlarang melalui larangan dan hukuman.

## Rujukan

1. Al-Quran dan terjemahannya.
2. Abd. Rashid Dail. **Prinsip Ekonomi Islam.** Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah. 1984.
3. Al-Assal, Ahmad Muhammad dan Fathi Ahmad Abd Karim. **Sistem Ekonomi Islam: Prinsip dan tujuan-tujuannya** (terjemahan) Singapore. Al Haramain Pte. Ltd. 1981.
4. Hamzah Ismail dan A.Shahbari Salomon. **Kearah Perlaksanaan Sistem Ekonomi Islam di Malaysia.** Kertas kerja Seminar Intelek Islam di Malaysia ke 2. Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, U.K.M, Bangi. 1982.

dc:A34Prinsip.Umum Ekonomi Islam.

## INSTITUSI KEWANGAN ISLAM: BANK ISLAM

Surtahman Kastin Hasan

Sistem kewangan dalam ekonomi secara umumnya mempunyai dua fungsi asas:

- i. untuk menyediakan kecairan yang mencukupi supaya proses pengeluaran dan pertukaran menjadi licin;
- ii. untuk menggerakkan sumber-sumber boleh labur dan mengagihkan kepada pelabur-pelabur.

Agen terpenting sistem kewangan ialah bank. Bank boleh mencipta wang melalui pemberian hutang kepada kerajaan, pengeluar, pengguna, peniaga dan lainnya. Walau bagaimanapun, dalam proses pemberian hutang, sistem bank barat lebih menitik beratkan 'kebolehan' siberhutang untuk membayar balik hutang daripada aspek 'produktiviti' wang yang dihutangkan (Munawar Iqbal dan M.F. Khan 1981:13). Sebaliknya sistem bank Islam lebih menitik beratkan kepada aspek produktiviti, khususnya melalui kaedah 'kongsi untung' antara bank dan pihak pengguna wang.

### Struktur Institusi Kewangan

Institusi kewangan terdiri dari berbagai bentuk, seperti berbentuk bank, bukan bank, institusi kebajikan dan institusi pengawas.

### Bank Perdagangan

Bank perdagangan yang dimaksudkan di sini ialah bank-bank Islam yang beroperasi bebas dari unsur 'riba'. Berikut akan dibincangkan sumber modal dan penggunaan dana.

**Sumber Modal.** Selain dari sumber saham, ia juga memperolehi dana dari sumber-sumber (lihat Bank Islam Malaysia Bhd:1983:13-15):

1. Akaun simpanan semasa, yang mana penyimpannya tidak mendapat apa-apa bahagian keuntungan bank, sebaliknya dikenakan perkhidmatan (kalau perlu) kerana kemudahan cek yang diberi oleh bank;
2. Akaun simpanan tabungan, ia lebih merupakan simpanan jimat cermat pelanggan. Bagaimanapun bank boleh memberikan bahagian keuntungan atau kemudahan-kemudahan hutang tanpa bunga (qard-al-Hasan);
3. Akaun simpanan pelaburan. Tujuan penyimpan bagi akaun ini memperolehi keuntungan. Dalam hal ini bank menjadi 'pengusaha' manakala penyimpan menjadi pemilik modal - operasi mudharabah. Pembahagian kadar keuntungan dipersetujui di antara kedua-duanya - misalnya 70-30. Simpanan ini sebanding dengan simpanan 'tetap' bank riba.

Di samping kemudahan-kemudahan akaun yang tersebut di atas, bank Islam juga menerima simpanan dari penyimpan terpilih, daripada kerajaan atau syarikat dalam bentuk akaun pelaburan khas. Akaun ini seperti juga dalam akaun pelaburan am beroperasi berdasarkan konsep mudharabah (Bank Islam Malaysia tt:7.4).

Dalam hal simpanan jenis (a) dan (b), bank akan mendapat keizinan dari penyimpan untuk penggunaan wang tersebut - sesuai dengan konsep 'amanah' dalam Islam. Keadaan ini tidak berlaku dalam bank riba.

**Penggunaan Dana.** Bagi tujuan perkhidmatan (kepada orang ramai) dan mencari keuntungan melalui pelaburan, bank akan menggunakan dana yang terkumpul padanya mengikut beberapa keperluan penggunaan; keperluan rizab, pelaburan dan hutang.

1. Keperluan rizab: iaitu rizab yang wajib diuntukkan oleh bank bagi memenuhi berbagai tujuan:

- a. Rizab tunai. Iaitu sejumlah tertentu (pada kadar tertentu) harta cair bank yang perlu diuntukkan (disimpan) dalam bank bagi memenuhi kehendak pelanggan seperti untuk tujuan pengeluaran, pelaburan atau pinjaman pelanggan.
  - b. Rizab bank. Iaitu simpanan dilakukan oleh bank di bank pusat. Tujuan utamanya ialah untuk melindungi penyimpan-penyimpan dan juga sebagai alat bagi bank pusat mengawal penawaran wang dalam edaran.
  - c. Rizab kerajaan. Tujuan rizab ini adalah untuk membolehkan kerajaan menjalankan projek-projek pelaburan dan juga projek-projek sosial yang biasanya tidak menarik minat pelabur-pelabur swasta.
2. Pembiayaan pelaburan: Sama ada pelaburan berbentuk pelaburan langsung bank atau pelaburan penyertaan (kongsi untung rugi).

- a. Bank boleh menyertai atau membayai projek-projek pelanggan di bawah prinsip-prinsip berikut:
  - i. Mudharabah. Di sini bank membekalkan sepenuhnya modal berbentuk wang kepada pengusaha. Bank berhak mengawas pengusaha dan boleh menarik balik modalnya sekiranya pengusaha telah menyeleweng. Keuntungan di atas usaha ini adalah dibahagi mengikut persetujuan yang telah dibuat. Dalam kes kerugian, iaanya akan ditanggung oleh bank, kecuali jika kerugian bersebab dari kecuaian pengusaha.
  - ii. Musyarakah. Di sini bank bersama pengusaha (pelanggan) masing-masing menyumbangkan modal dalam projek yang akan dijalankan di atas dasar perkongsian. Masing-masing ahli kongsi berhak dalam pengurusan projek tersebut. Keuntungan akan dibahagi mengikut persetujuan.
  - iii. Ba'i Bi-thaman Ajil (jualan harga tangguh). Pembelian sesuatu aset oleh bank bagi memenuhi kehendak pelanggan untuk dibayar oleh pelanggan aset tersebut secara ansuran untuk satu tempoh yang tertentu. Harga jualan aset oleh bank telah pun mengambil kira kos belian dan margin keuntungan bank. Harga jualan ini telah disetuju terima oleh kedua-dua pihak.

komisyen dan lain-lain perbelanjaan mengurus yang berkait dengan kemudahan ini.

3. Qardh ul Hasan (hutang kebajikan). Pemberian hutang kepada pelanggan tertentu sama ada bagi tujuan pembiayaan projek ekonominya atau bagi tujuan-tujuan lain di atas dasar tanggungjawab sosial - tolong menolong dan bantu membantu. Bank tidak akan meminta pembayaran lebih kecuali apa yang ia hutangkan (jumlah pokok) kepada pelanggan, walau bagaimanapun pelanggan dianjurkan memberikan sumbangan (hadiyah) kepada bank yang telah membantunya. Tempoh dan syarat-syarat hutang adalah ditentukan terlebih dahulu.

4. Khidmat-khidmat yang lain. Bank juga menyediakan khidmat-khidmat lain yang biasa disediakan oleh bank perdagangan biasa dan tidak menyalahi hukum syarak. Di antaranya:

- i. pengiriman dan pemindahan wang
- ii. jual beli matawang asing
- iii. pengurusan pelaburan
- iv. khidmat pemegang amanah (trustee) dan khidmat syarikat penama (nominee)

#### Institusi Bukan Bank

Institusi ini terdiri daripada syarikat-syarikat kewangan, syarikat pelaburan, syarikat amanah pelaburan, syarikat insuran, koperasi dan bank simpanan.

**Syarikat Kewangan.** Dananya adalah daripada penjualan saham dan akaun simpanan pelaburan. Kegiatan utamanya ialah dalam membiayai pembelian barang-barang tahan lama dan berharga yang tinggi, melalui kaedah-kaedah murabahah dan mudharabah secara bayaran ansuran.

**Syarikat Pelaburan.** Kegiatannya tertumpu kepada projek-projek pelaburan untuk mendapatkan keuntungan. Keuntungan yang diperolehi akan diagih di antara syarikat dan penyimpan-penyimpan dan juga pemegang-pemegang saham. Kaedah perniagaannya ialah melalui musyarakah dan mudharabah.

**Syarikat Amanah Pelaburan.** Kegiatan utamanya ialah untuk membeli saham berbagai syarikat - terlibat secara pelaburan ekuiti.

**Koperasi.** Institusi yang mementingkan kebajikan sosial ahli-ahlinya - seperti bantuan bila berlaku kemalangan dan kemudahan kepada ahli dalam pembelian barang-barang keperluan. Di samping itu ahli juga dapat dividen dari saham yang dipegangnya.

**Syarikat Insuran.** Dana bagi syarikat ini diperolehi dari penjualan saham dan caruman peserta-peserta takaful. Caruman ini pada asasnya dianggap sebagai simpanan pelaburan. Wang ini diagihkan kepada dua akaun; akaun khas dan akaun am peserta.

- iv. Ijarah (sewa). Pembelian sesuatu aset oleh bank bagi memenuhi hendak pelanggan bagi tujuan disewakan kepada pelanggan tersebut bagi tempoh dan kadar yang tertentu.
  - v. Ba'i ul Takjiri (sewa jual). Sama konsepnya seperti ijarah di atas tetapi bagi jenis pembiayaan ini kedua-dua pihak telah bersetuju bahawa sehingga satu masa tertentu pelanggan akan membeli aset itu dari bank pada kadar harga yang dipersetujui. Jumlah sewa yang telah dibayar sebelumnya akan diambil kira sebagai sebahagian dari jumlah pembelian.
- b. Bank juga boleh memberikan kemudahan atau pembiayaan perdagangan khususnya pembiayaan jangka pendek bagi memudahkan urusan perdagangan dan modal kendalian pelanggan. Biasanya ia berkait dengan perdagangan luar negeri (import). Ia melibatkan pembelian barang-barang jentera, saham/inventori, bahan mentah, alat-alat ganti dan sebagainya. Dalam hal ini bank Islam menyediakan pembiayaan dalam bentuk surat-surat kredit.
- i. Surat kredit berdasarkan wakalah. Pelanggan memberitahu bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak di import/dibeli. Pelanggan membayar harga barang tersebut dengan sepenuhnya dan bank meletakkan wang bayaran tersebut dalam akaun deposit dengan berlandaskan wadi'ah. Bank mengeluarkan surat kredit kepada pelanggan dan menjelaskan pembayaran barang tersebut dengan menggunakan wang deposit pelanggan. Bank mengenakan komisyen dan lain-lain perbelanjaan pengurusan kepada pelanggan berkenaan.
  - ii. Surat kredit berdasarkan Musyarakah. Hampir sama seperti surat kredit - wakalah, cuma bank sama-sama secara kongsi membayar sebahagian daripada harga barang tersebut. Walau bagaimanapun pelanggan akan menguruskan penjualan barang yang telah diperolehi untuk mendapat keuntungan. Segala keuntungan akan dibahagi mengikut persetujuan yang telah tercapai. Seperti dalam kes surat kredit wakalah, pelanggan dikenakan membayar komisyen dan perbelanjaan pengurusan kepada bank.
  - iii. Surat kredit berdasarkan murabahah. Pembiayaan cara ini berbeza dari surat kredit - wakalah adalah dari segi pembayaran barang di mana ianya dijelaskan oleh bank dengan menggunakan wangnya sendiri. Bank kemudiannya menjualkan barang tersebut kepada pelanggan dengan berlandaskan konsep murabahah. Di samping itu bank juga mengenakan bayaran komisyen dan lain-lain perbelanjaan pengurusan kepada pelanggan berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit.
- c. Surat jaminan. Kemudahan ini biasanya berkait dengan tanggungjawab pelanggan bersabit dengan sesuatu hutang atau perlaksanaan sesuatu tugas terhadap pihak yang lain. Di sini bank sanggup menerima tanggungjawab menjelaskan hutang pelanggan atau membayar gantirugi dengan mengeluarkan surat jaminan kepada pihak ketiga. Bank mungkin mengkehendaki pelanggan meletakkan sejumlah deposit berlandas: hukum wadi'ah. Bank mengenakan

Dana dalam akaun khas akan digunakan bagi membayar sebarang pampasan/sumbangan kepada sebarang peserta yang mengalami kemalangan. Manakala dana am akan digunakan bagi pelaburan dan belanja pengurusan. Keuntungan dari pelaburan ini akan diagihkan antara syarikat dan peserta.

**Bank Simpanan.** Walaupun namanya bank, tapi ia tidak tergolong dalam kategori bank kerana sumber dana dan aktivitiinya yang terhad. Bank simpanan menerima wang dari peserta hanya dalam bentuk akaun simpanan tabungan. Dana ini akan dilaburkan oleh bank untuk mendapat keuntungan. Terpulanglah kepada bank untuk memberikan bahagian keuntungan yang diperolehi ini kepada penyimpan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dirasakan sesuai.

### **Institusi Kebajikan**

Ia merupakan institusi yang tidak sahaja memeringkatkan keuntungan tapi juga memeringkatkan kebajikan dalam bentuk memberikan beberapa bentuk perkhidmatan dan bantuan kepada pihak-pihak tertentu. Di antara institusi-institusi bentuk ini yang perlu ada ialah seperti - kumpulan wang persaraan, pajak gadai, dan institusi kredit pertanian dan pembangunan.

#### i. Kumpulan Wang Persaraan

Ia dikenali juga sebagai kumpulan wang simpanan pekerja (KWSP). Dana yang diperolehi dari caruman pekerja dan majikan, sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai projek-projek ekonomi kerajaan melalui pelaburan Mudharabah. Keuntungan pelaburan akan dibahagi antara lembaga dan kerajaan. Manakala lembaga pula akan mengagihkan keuntungan ini kepada pencarum-pencarum. Apabila seseorang pekerja itu telah bersara, seluruh jumlah caruman beserta keuntungan akan diserahkan kepada pekerja tersebut.

#### ii. Pajak Gadai

Ia merupakan institusi yang bergiat semata-semata untuk memberikan bantuan dalam bentuk hutang kepada orang ramai terutamanya pelanggan-pelanggan yang kesesakan wang. Ia bukan merupakan institusi yang bertujuan untuk mengaut keuntungan dari kesempitan pelanggan. Pelanggan akan dikehendaki menyediakan sandaran berserta bayaran perkhidmatan dari hutang yang diperbolehinya. Pelanggan yang tak mampu memulangkan semula wang hutangnya akan diberikan peringatan dan masa tambahan. Kalau masih gagal juga maka barang sandaran akan dijual. Wang dari jualan ini akan digunakan untuk membayar hutang bersama kos perkhidmatan dan bakinya akan dipulangkan semula kepada pelanggan. Dalam hal institusi ini yang lebih bercorak kebajikan maka dana seharusnya datangnya dari kerajaan.

### iii. Institusi Kredit Pertanian dan Pembangunan

Institusi ini perlu wujud bagi membantu golongan petani, nelayan dan pengusaha kecil menjalani kehidupan. Kerana kemungkinan wujudnya risiko hutang dari keuntungan yang rendah, maka kerajaan perlu mengendalikan institusi ini. Hutang yang diberikan kepada golongan-golongan tadi boleh dalam berbagai bentuk - seperti mudharabah dan hutang tanpa bunga.

### Institusi Pengawas - Bank Pusat

Ia diperlukan bagi mengawal dan mengawasi semua kegiatan institusi kewangan supaya pengaliran dan penggunaan dana dalam sistem kewangan berkenaan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan serta menepati kehendak syariah. Bank pusat satu-satunya institusi yang diberi peranan dalam menguruskan penawaran wang dalam ekonomi. Bank pusat akan menentukan pertumbuhan wang yang diperlukan setiap tahun bagi mencapai objektif ekonomi negara.

Dalam keadaan tertentu, Bank Pusat bertindak sebagai pembantu atau penyelamat kepada satu-satu institusi kewangan yang menghadapi masalah. Bank pusat juga berkhidmat kepada kerajaan misalnya dalam bentuk menentukan dasar kewangan kerajaan dari masa ke semasa. Bank Pusat juga boleh menyumbangkan sejumlah tertentu modal kepada kerajaan untuk pembiayaan pembangunan ekonomi dan sosial. Jadi dalam keadaan ini Bank Pusat bertindak sebagai bank kepada kerajaan dan juga bank kepada institusi kewangan.

### Baitul Mal

Kalau Bank Pusat berperanan penting dalam sistem kewangan, maka sebaliknya Baitul Mal berperanan penting dalam sistem fiskal. Baitul Mal boleh juga dinamakan Perbendaharaan Negara (atau Kementerian Kewangan) kerana tugasnya ialah untuk mendapat/mengumpul hasil dan menguruskan perbelanjaan hasil negara.

Apabila sumber Baitul Mal tidak mencukupi untuk menampung keperluan bantuan/saraan serta pembangunan sosial, infrastruktur dan ekonomi negara, barulah kerajaan akan merujuk kepada sumber dari institusi kewangan. Namun sebelum itu langkah-langkah menambahkan hasil melalui zakat, usyur, dan lain-lain cukai, wakaf perlu dilakukan. Ringkasnya Baitul Mal berkhidmat secara langsung kepada kerajaan sahaja. Baitul Mal tidak berperanan untuk menyimpan dan melabur wang orang ramai. Dalam hal ini Baitul Mal tidak harus digolongkan sebagai institusi kewangan.

### Objektif Polisi Kewangan

Polisi kewangan sepatutnya cuba untuk memenuhi matlamat yang telah ditentukan oleh Islam bagi sektor sosio-ekonomi. Beberapa matlamat penting polisi

kewangan (lihat Umar Chapra, 1985:33-44; M. Iqbal dan M.F. Khan, 1981:24-28; Ziauddin Ahmad et al (eds), 1983:5-6) adalah seperti:

- i. Kesejahteraan ekonomi dengan gunatenaga penuh dan kadar pertumbuhan yang tinggi.

Adalah disepakati oleh ulama bahawa kebaikan setiap orang dan penghindaran kesengsaraan adalah merupakan objektif asas syariah. Ini meliputi pemenuhan keperluan asas, pembasmian sumber-sumber yang merosakkan dan tidak menyenangkan, memperbaiki kualiti kehidupan - baik dari segi kebendaan maupun kerohanian.

Bagi mencapai maksud ini tenaga manusia dan segala sumber perlu digunakan secara berkesan dan penuh.

- ii. Keadilan sosio-ekonomi dan keseimbangan agihan pendapatan dan harta.

Keadilan dan keseimbangan ini adalah berasaskan kepada konsep persaudaraan di antara manusia Islam. Islam membasmikan ketidakseimbangan pada peringkat dasar dan punca terjadinya masalah ini, di samping melalui zakat, cukai dan lain-lain bentuk agihan.

- iii. Kestabilan nilai wang

Islam menekankan keadilan dan kebaikan dalam segala urusan manusia. Inflasi, kemelesetan dan pengangguran adalah sesuatu yang tidak diterima dalam Islam kerana kesan buruknya. Oleh itu adalah menjadi kewajipan bagi negara Islam untuk membasmi atau meminimumkan ketidakstabilan ekonomi dan nilai wang dengan mencegahnya pada peringkat akar terjadinya inflasi dan kemelesetan - seperti hutang tanpa riba atau hutang secara qard-ul-Hasan.

- iv. Mobilisasi ke atas simpanan bagi menghasilkan pembangunan ekonomi dalam keadaan yang seimbang.

Islam mencelapenyorakan dan timbunan dan menggalak penggunaan produktif ke atas simpanan misalnya dengan melaburkannya bagi membangunkan ekonomi bagi kesejahteraan manusia seluruhnya.

- v. Penyediaan lain-lain perkhidmatan secara berkesan kepada orang ramai.

Memobilisasikan sumber-sumber kewangan, menyediakan sumber-sumber modal kepada mereka yang boleh mempergunakannya secara produktif.

## RUJUKAN

- Bank Islam Malaysia Berhad, 1983. Bank Islam Malaysia Berhad: Penubuhan dan Operasi, Kuala Lumpur.
- Bank Islam Malaysia Berhad, tt. Bank Islam Malaysia Berhad: Organisation and operations, Kuala Lumpur.
- Munawar Iqbal dan M. Fahim Khan 1981. A survey of Issues and a Program for Research in Monetary and Fiscal Economics in Islam. Islamabad: Institute of Policy Studies.
- Umer Chapra, M. 1985. Towards A Just Monetary System, Leicester. The Islamic Foundation.
- Surtahman Kastin Hasan 1989. Ekonomi Islam, Bangi. Penerbit UKM.
- Ziauddin Ahmad et al (eds), 1983. Money and Banking in Islam, Islamabad. Institute of Policy Studies.

## DASAR EKONOMI BARU DAN HUBUNGANNYA DENGAN ISLAM

oleh

Surtahman Kastin Hasan

Abd. Razak Dan

PERPADUAN negara adalah penting kerana ia boleh mempengaruhi pembangunan ekonomi dan sosial. Pembangunan yang diharapkan tidak akan tercapai sekiranya tidak ada perasaan persefahaman dan penyatuhan di antara rakyat berbilang kaum. Sebaliknya perpaduan itu pula boleh diasaskan daripada aspek ekonomi negara. Negara yang dinamik, mempunyai tingkat kemiskinan yang rendah, seimbang dari segi pembahagian pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta atau kekayaan negara di antara rakyatnya yang berbagai kaum, akan lebih mudah menjalani proses perpaduan. Ini akan melahirkan perasaan puas hati di antara penduduk-penduduknya. Dasar Ekonomi Baru (DEB) bertujuan untuk mencapai aspirasi ini.

### Latar Belakang

Memang pada lazimnya sebahagian besar rakyat di Negara Sedang Membangun adalah miskin. Walau bagaimanapun Malaysia masih belum lagi mengalami tragedi kematian akibat kebuluran berbanding dengan negara-negara dunia ketiga yang lain seperti India, Bangladesh atau Afrika.

Kemiskinan masyarakat di Malaysia masih terlalu tinggi peratusnya, walaupun peratus ini menurun dari tahun ke tahun. Pada tahun 1970 peratusnya ialah 49.3%, (Malaysia, 1976:85). Kemiskinan yang tinggi dapat juga ditunjukkan melalui kadar pengangguran tenaga buruh yang tinggi. Dalam tempoh 1962-67, bilangan pekerjaan di Semenanjung Malaysia bertambah pada kadar purata 2.7% setahun, manakala tenaga buruh bertambah pada kadar purata 2.9% setahun. Oleh itu pengangguran bertambah daripada 6% (1962) kepada 6.6% (1967).

Dari segi strata, kebanyakan mereka yang miskin adalah mereka yang tinggal di luar bandar. Pada tahun 1970, 58% penduduk luar bandar adalah miskin, berbanding dengan hanya 21.3% penduduk bandar. Pada tahun yang sama, 68.3% penduduk yang bergiat dalam aktiviti pertanian adalah miskin (Malaysia, 1976:85). Aktiviti mereka banyak bertumpu kepada sektor-sektor tradisi yang terdiri daripada pekebun kecil getah yang tidak produktif.

Dari segi wilayah, nyatalah negeri-negeri di Pantai Timur dan Utara mengalami keadaan kemiskinan yang paling ketara. Peratus kemiskinan di negeri-negeri ini masih tinggi. Pada tahun 1970 misalnya, tingkat kemiskinan di negeri Kelantan, Terengganu

- (b) menyusun semula masyarakat bagi memperbaiki keadaan ekonomi yang tidak seimbang, supaya dapat mengurang dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Matlamat-matlamat ini melibatkan pembaharuan penghidupan luar bandar, perkembangan kegiatan di bandar-bandar yang seimbang dan mewujudkan satu masyarakat Melayu dan Bumiputera-Bumiputera lain dalam semua jenis dan peringkat pekerjaan, supaya mereka boleh menyertai dengan sepenuhnya dalam semua aspek ekonomi.

Bagi mencapai matlamat-matlamat pertama DEB, iaitu membasmi kemiskinan, beberapa program akan dijalankan baik untuk sektor luar bandar maupun bandar. Di sektor luar bandar program-program adalah tertumpu kepada penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan pembangunan serta pembangunan tanah seperti:

- (a) menambahkan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, pengairan, perumahan, kesihatan, pelajaran atau latihan-latihan, pengangkutan, kemudahan-kemudahan kredit, pemasaran dan subsidi pertanian.
- (b) melipatgandakan pembangunan dan pembukaan tanah untuk menyerap tenaga buruh yang berlebihan.
- (c) menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui penggunaan sains dan teknologi di bidang pertanian, penternakan dan perikanan, dan
- (d) menambahkan tanaman dua kali setahun, tanaman luar musim dan tanaman kontan.

Di sektor bandar pula melibat penyediaan kemudahan-kemudahan asas terutamanya pembinaan rumah-rumah kos rendah, kemudahan air, elektrik dan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik kepada penganggur-panganggur.

Bagi mencapai matlamat kedua DEB, iaitu menyusun semula masyarakat berbagai program dijalankan bertujuan untuk memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi, ke arah membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Dua program utama ialah mengagihkan semula guna tenaga dan pemilikan harta dalam ekonomi negara, supaya ia tidak menunjukkan bahawa satu-satu kaum tertentu sahaja yang berpengaruh dari segi penguasaan ekonomi. Untuk ini sebagai daya penggerak utama, kerajaan akan memainkan peranan langsung dan positif, baik dari segi guna tenaga

dan Kedah/Perlis adalah masing-masing 76.1%, 68.9% dan 64.5% berbanding dengan negeri maju seperti Selangor Darul Ehsan yang cuma 29.2% sahaja. Begitu juga dengan tingkat Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi negeri-negeri ini yang masih jauh lebih rendah daripada negeri-negeri yang lebih maju, ataupun daripada KDNK per kapita bagi keseluruhan Semenanjung Malaysia.

Kemunduran negeri-negeri atau wilayah-wilayah juga boleh berpunca daripada ketidakseimbangan pembangunan yang telah dijalankan sama ada oleh kerajaan ataupun swasta di wilayah-wilayah ini. Pembangunan perindustrian yang merupakan penggerak yang berkesan dalam pembangunan masih terlalu kecil bilangan atau peratusnya di kawasan-kawasan ini. Pada tahun 1971 misalnya, hanya sebanyak 0.3% projek perindustrian yang diluluskan terdapat di Terengganu yang melibatkan cuma 0.2% daripada keseluruhan modal yang akan dilaburkan di Malaysia, berbanding dengan negeri yang telah maju seperti Selangor Darul Ehsan yang masing-masing 32.9% dan 12.1% bagi bilangan projek dan modal yang akan dilabur.

Oleh kerana sebahagian besar penduduk luar bandar terdiri daripada golongan Bumiputera (pada tahun 1970, 63.1% penduduk luar bandar adalah Bumiputera) dan sebahagian besarnya pula terlibat dalam sektor pertanian (tradisional) yang memang merupakan sarang kemiskinan dan terlalu sedikit peratusnya yang terlibat dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta perniagaan dan jualan. Manakala di negeri-negeri atau wilayah yang kurang maju, sebahagian besar penduduknya terdiri daripada orang Melayu. Pada tahun 1970, 65% daripada keluarga Melayu adalah miskin.

Kemiskinan juga boleh berpunca daripada tingkat pemilikan modal dan harta yang kecil oleh rakyat. Kemerdekaan yang tercapai, tidak segera membawa kepada penguasaan harta oleh rakyat tempatan. Pada tahun 1969 misalnya, 62.1% modal negara adalah dimiliki oleh rakyat asing. Dari segi modal Melayu pula, pemilikannya (kepentingan Melayu) memang jauh terkebelakang daripada kaum-kaum lain.

### **Matlamat DEB**

Dua langkah pembangunan penting yang terkandung dalam DEB ialah:

- (a) mengurangkan dan membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan memperbanyak peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan

mahupun modal. Kerajaan juga akan mencorakkan perbandaran-perbandaran baru dan pembinaan industri-industri baru supaya kepentingan kaum Bumiputera sentiasa diutamakan. Kerajaan juga akan lebih meningkatkan latihan kemahiran kepada kaum Bumiputera agar mereka berkebolehan untuk mengurus, mentadbir atau memiliki perusahaan-perusahaan. Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, maka institusi-institusi seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat), PERNAS (Perbadanan Nasional), FIDA (Federal Industrial Development Authority), MIDI (Malaysian Industrial Development Finance) dan UDA (Urban Development Authority) akan menyediakan keperluan-keperluan teknikal dan bantuan kewangan kepada orang Melayu dan Bumiputera-Bumiputera lain dalam bidang-bidang moden ini, sama ada keseluruhan ataupun secara usaha bersama.

Adalah diharapkan menjelang tahun 1990, sekurang-kurangnya 30% aktiviti moden, iaitu industri dan perdagangan dan bidang-bidang kemahiran akan mengandungi penyertaan Bumiputera mahir.

#### Pencapaian dan Harapan Masa Depan

Untuk melihat kemajuan DEB, cekalati hal-hal sebanding dengan keadaan atau tingkat kehidupan sebelum dan selepas terlancarnya DEB ini (1971), misalnya dari segi kemiskinan, pengangguran, ketidakseimbangan ekonomi dari segi strata, wilayah dan kaum.

Laporan RM4 menunjukkan bahawa peratus pengangguran guna tenaga telah semakin berkurang akibat daripada kemajuan projek-projek ekonomi kerajaan yang makin meningkat. Peratusnya menurun daripada lebih kurang 8% (1970) kepada 6.4% (1975), dan kepada 5.3% pada tahun 1980 (lihat jadual 1). Jumlah mutlaknya juga telah berkurang daripada 286,000 (1970) kepada 227,900 (1990) (lihat Malaysia, 1981: Jadual 4.6, 9.13 dan 12.8). Sebaliknya laporan terbaru RM5 menunjukkan bahawa walaupun peratus pengangguran menurun, namun meningkat semula pada tahun 1985. Begitu juga dari segi mutlaknya.

Peratus kemiskinan di Semenanjung Malaysia juga telah menurun daripada 49.3% (1970) kepada 43.9% (1975), 29.2% (1980) dan dijangkakan akan terus menurun sehingga kepada 15% (1990). Begitu juga dengan kemiskinan dari segi sektor (pertanian), di mana peratusnya telah menurun ke pada 68.3% (1970) kepada 46.1% (1980) dan dijangkakan akan terus menurun kepada 28.5% (1990). Secara mutlak, jumlah isi rumah yang miskin juga telah semakin berkurangan (lihat jadual 2).

Di sektor pertanian, khususnya penanaman padi, kadarnya berkurangan daripada 80.3% (1976) kepada 57.7% (1984). Kawasan bandar yang mempunyai kadar

kemiskinan yang terendah, iaitu 17.9% (1976) didapati terus mengecil sehingga 11.1% (1983) dan 8.2% pada tahun 1984 (Lihat Malaysia, 1984: Jadual 3.2 dan Jadual 3.7; Malaysia 1986: Jadual 3.1).

Taraf KDNK per kapita keseluruhannya juga makin bertambah baik, iaitu meningkat daripada \$993 (1970) kepada \$3,856 (1985) dan dijangkakan akan terus meningkat sehingga \$4,341 (1990). Namun begitu, ada negeri-negeri yang masih jauh dari mencapai tingkat ini dan ternyata masih tertinggal dari segi kemajuan terutamanya Kedah, Perlis dan Kelantan yang masing-masing dijangkakan akan mempunyai KDNK per kapita \$2,571, \$2,947 dan \$1,973 pada tahun 1990.

Walaupun peruntukan perbelanjaan pembangunan ekonomi kepada negeri-negeri kurang maju ini telah meningkat namun ia tidaklah memadai kerana bagi negeri yang mundur peruntukan yang berlipat kali ganda adalah diperlukan bagi menyaingi negeri yang telah maju. Misalnya, Kedah dalam RM3 menerima peruntukan berjumlah \$620.210 juta (4.9%) berbanding dengan Wilayah Persekutuan yang memperolehi jumlah yang lebih besar, iaitu \$739.883 (5.8%) sedangkan Wilayah Persekutuan merupakan negeri yang telah maju dan mempunyai kawasan yang jauh lebih kecil daripada Kedah.

Penyertaan guna tenaga Bumiputera di bidang moden atau maju seperti pentadbiran dan pengurusan, perniagaan dan jualan didapati semakin bertambah. Peratus penglibatan tenaga kerja Melayu dalam bidang pentadbiran dan pengurusan meningkat daripada 28.1% (1975) kepada 31.6% (1980) dan menurun semula kepada 28.2% pada tahun 1985, manakala dalam bidang perniagaan dan jualan peratusnya telah meningkat hingga ke angka 37.9% pada tahun 1985. (Data-data bagi tahun 1985 adalah data bagi seluruh Malaysia. Oleh itu istilah Bumiputera adalah lebih tepat daripada Melayu.)

Perlu juga ditimbulkan di sini bahawa peluang-peluang pelajaran di dalam dan luar negeri juga telah memberi sumbangan kepada usaha meningkatkan jumlah tenaga buruh yang terpelajar. Bilangan pelajar Bumiputera yang mengikuti kursus-kursus di dalam negeri di peringkat sijil, diploma dan ijazah terus meningkat dari ke tahun ke tahun. Pada tahun 1970 daripada jumlah keseluruhan pelajar sijil, 41% terdiri daripada Bumiputera dan peratusnya meningkat kepada 61% (1980) dan 65.8% (1985). Peratus pelajar Bumiputera pada peringkat diploma pula agak stabil iaitu di antara 85%-95% pada tahun-tahun tersebut, manakala pada peringkat ijazah walaupun pada mulanya peratusnya meningkat dengan begitu tinggi namun pada tahun-tahun 1980 dan 1985 peratusnya agak stabil. Penglibatan pelajar-pelajar Bumiputera dalam bidang pengkhususan Sains di peringkat sijil juga telah meningkat daripada 60% (1980) kepada 68.7% (1985), manakala

di peringkat diploma peratusnya agak stabil, iaitu pada paras 86-89% pada kedua-dua tahun tersebut (lihat jadual 3).

Walaupun jumlah pelajar-pelajar Bumiputera yang menuntut di institusi-institusi dalam negeri agak tinggi, iaitu melebihi 60% bagi setiap peringkat pengajian (yang bermula dari peringkat sijil), berbanding dengan keseluruhan pelajar-pelajar lain, namun secara total, iaitu setelah mengambilkira pengajian di institusi luar negara didapati penyertaan mereka khususnya pada tahun 1985 adalah lebih seimbang (51.7%), di mana ia mencerminkan komposisi penduduk Malaysia yang ada. Dilihat dari peringkat-peringkat pengajian, didapati peringkat sijil peratusnya cuma 38.5% berbanding dengan 48.5% bagi kaum Cina pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun di peringkat-peringkat diploma dan ijazah peratus pelajar Bumiputera lebih tinggi daripada peratus bukan Bumiputera. Perlu diingatkan perkembangan ini adalah perkembangan "kemasukan" pelajar sahaja dan bukannya perkembangan pencapaian pelajar-pelajar Bumiputera yang sebenarnya, khususnya dalam bentuk hasil akhir kemasukan tersebut, iaitu keluaran pemegang-pemegang sijil, diploma atau ijazah. Dikhawatir pelajar Bumiputera hanya tinggi dari segi peratus kemasukan tapi rendah dari segi peratus keluaran atau kelulusan.

Kajian separuh penggal RM4 menunjukkan bahawa milikan modal rakyat Malaysia telah meningkat daripada 36.6% pada tahun 1970 kepada 57.1% pada tahun 1980, 66.4% pada tahun 1983, dan dijangkakan akan terus meningkat kepada 74.5% pada tahun 1985. Data ini menunjukkan bahawa matlamat milikan modal rakyat tempatan akan tercapai lebih awal, iaitu pada tahun 1985 lagi. (Jadual 4).

Pemilikan modal Bumiputera (termasuk kepentingan Bumiputera) juga menunjukkan tren yang secara keseluruhannya terus meningkat sejak terlancarnya DEB, tetapi peningkatannya tidak secepat milikan keseluruhan rakyat tempatan, iaitu pada tingkat peratus point yang lebih rendah. Kalau pada tahun 1970 milikannya cuma 2.4%, tetapi pada tahun 1975 milikannya telah meningkat kepada 9.2% (iaitu meningkat setinggi 6.8%), dan terus meningkat sehingga 12.5% pada tahun 1980 (iaitu meningkat setinggi 3.3%) dan meningkat lagi kepada 18.7% pada tahun 1983 (iaitu meningkat setinggi 6.2%), berbanding dengan peningkatan milikan modal rakyat tempatan yang setinggi 9.3% dalam tempoh yang sama). Walaupun laporan kajian separuh penggal RM4 menjangkakan milikan modal Bumiputera ini akan meningkat kepada 21.9% pada tahun 1985, namun sebaliknya ia telah jatuh kepada 17.8% sahaja.

Satu perkara yang jelas, penyertaan modal Bumiputera sebahagian besarnya bukanlah datangnya daripada orang perseorangan Bumiputera, tetapi sebaliknya daripada badan-badan atau agensi-agensi amanah untuk kepentingan Bumiputera. Ini

tidak mencerminkan penyertaan keseluruhan kaum Bumiputera. Kerana itu, jika pun tercapai 30% modal Bumiputera pada tahun 1990 ia tidak melambangkan penyertaan aktif golongan Bumiputera tetapi sebaliknya peratus ini menunjukkan penyertaan aktif kerajaan sendiri.

Hanya pada tahun 1985 sahaja keadaannya mula berbeza. Daripada 17.8% modal Bumiputera pada tahun tersebut, 10.1% adalah milikan perseorangan, manakala selebihnya, iaitu 7.7% dimiliki oleh agensi amanah. Dengan adanya usaha-usaha kerajaan seperti program Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Mara dan juga LUTH, telah sedikit sebanyak dapat mengembangkan sedikit milikan modal perseorangan Bumiputera ke tingkat yang ada sekurang berbanding dengan jangkaan asal untuk tahun-tahun 1985 dan 1990 yang lebih rendah daripada itu (lihat Malaysia 1981: Jadual 3-14 dan 9-7).

Hakmilik rakyat Malaysia yang lain juga telah meningkat dan dijangkakan akan terus meningkat untuk tahun-tahun akan datang. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak benar jika dikatakan DEB menyekat perkembangan milikan modal kaum bukan bumiputera, kerana daripada maklumat-maklumat yang ada jelas menunjukkan bahawa modal bukan bumiputera sebenarnya telah meningkat daripada 34.3% (1970) kepada 44.6% (1980) dan 47.7% (1983) dan mencapai ke angka 56.7% pada tahun 1985 dan dijangkakan akan lebih besar lagi untuk tahun 1990 nanti. (Lihat jadual 4).

Sebenarnya kadar pertumbuhan purata tahunan milikan modal bukan Bumiputera adalah juga tinggi, iaitu 24.5% untuk tahun-tahun 1981-85, manakala kadar pertumbuhan purata tahunan modal Bumiputera telah disertai dengan berbagai-bagai galakan, dorongan dan kemudahan, berada cuma pada kadar 27.3% pada tahun-tahun tersebut. Ini secara relatifnya adalah rendah.

### **DEB dan Islam**

Falsafah Dasar Ekonomi Baru berteraskan kepada perpaduan rakyat yang berbilang kaum. Perpaduan ini dianggap tercapai jika kesemua kaum memperolehi keadilan dalam perolehan hasil ekonomi. Dalam lain-lain perkataan, kesamaan dari segi aspek memberi peluang adalah menjadi ukuran kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Penekanan Dasar ini terhadap aspek-aspek kebendaan adalah sesuatu yang boleh di perbaiki jika aspek pembangunan kerohanian insan juga di teruskan dengan lebih giat lagi.

Pembangunan ekonomi perlulah diiringi dengan pembangunan rohani manusia. Dimensi ini secara langsung akan membantu pertumbuhan pembangunan ekonomi yang sihat dan sejarar dengan Islam kerana dalam membasmi kemiskinan dan menyusun

semula masyarakat adalah baik dan digalakkan. Kemiskinan rakyat dari segi ketidak cukupan harta dan wang ringgit untuk menyanyar hidup adalah suatu fenomena yang mudah difahami dan dilihat oleh kita. Namun demikian, kemiskinan perlu dilihat juga ia dari segi rohani manusia, kerana aspek kerohanianlah yang memandu perbuatan manusia.

Jika seseorang yang miskin harta tetapi jiwanya kaya maka kemiskinan itu diterima olehnya sebagai satu ujian yang dihadapi dengan usaha, dan kesabaran. Sebalik kemiskinan jiwa boleh membuatkan seseorang individu mudah berasa putus asa samada ia seorang jutawan atau orang miskin. Oleh mulah Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda "Bukanlah yang dinamakan kaya itu kerana limpah ruah hartanya tetapi yang dinamakan kaya itu ialah kaya jiwa".

### Aspek kemiskinan

- (i) usaha-usaha meningkatkan pendapatan dan daya pengeluaran melalui bantuan-bantuan teknik dan kepakaran dan lain-lain tidaklah bercanggah dengan Islam.
- (ii) pinjaman-pinjaman yang beron-ongkos bina atau riba, iaitu berasal walaupun sebanyak 2%. Pinjaman 2% Bank Perbaikan kepada petani-petani termasuk dalam katergori ini.
- (iii) aspek-aspek kemiskinan rohani kurang ditekankan, akibatnya berlaku penyelewengan, rasuah dan lain-lain. Contoh Kes BMF. Bolehkah penyaluran keluar wang sebanyak \$2 billion tidak diketahui oleh orang-orang besar kita? Hampir mustahil!

### Penyusunan Semula Masyarakat

- (i) Pemilikan harta melalui ASN. Tiada kata sepakat tentang haram @ halal. Fatwa yang jitu hampir tiada. Walaupun bagaimanapun, saham-saham yang berbentuk riba seperti Malayan Banking dan lain-lain adalah haram. Saham-saham harta tanah, dan perindustrian adalah harus dengan syarat jenis pelaburan bagi badan-badan tersebut adalah halal. Ada pilihan lain untuk melabur seperti dalam Bank Islam, Tabung Haji dan lain-lain. Pihak kerajaan perlu sekali menyegerakan penukaran

sistem bank milik kerajaan kepada corak Islam bagi bank-bank seperti Bank Bumiputera, Malayan Banking, Bank Pertama dan lain-lain.

- (ii) Dalam usaha melahirkan peniaga-peniaga Islam yang berjaya kita mestilah mengelakkan mereka daripada perniagaan-perniagaan yang haram seperti:
- (a) perniagaan arak secara langsung (*or* tidak langsung) yang dihidangkan di rumah-rumah rehat kerajaan, Hotel-hotel milik kerajaan dan sebagainya.
  - (b) perniagaan hiburan wayang *pambutan video*.
  - (c) perniagaan judi seperti Magnum, Centing, *domino*, *kor* dan lain-lain.
  - (d) perniagaan-perniagaan kelab-kelab sosial (pub/kelab malam) dan lain-lain).

Dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, antara langkah-langkah yang dianjurkan oleh Islam ialah:

- (i) Berkerja
- (ii) Zakat, Sadaqah
- (iii) Melalui Baitul Mal
- (iv) Peranan aktif pihak kerajaan
- (v) Mencukupkan keluarga-keluarga yang miskin

## RUJUKAN

Chamhuri Siwar dan Surtaliman Kastin Hasan. Ekonomi Malaysia. Edisi kedua. Kuala Lumpur. Longman. 1988.

Malaysia. Rancangan Malaysia Keempat (RM4). percetakan kerajaan, K.L. 1976.

Malaysia. Rancangan Malaysia Keempat (RM4). percetakan kerajaan, K.L. 1981.

Malaysia. Kajian Separuh Penggal (RM4). percetakan kerajaan, K.L. 1984.

Malaysia. Rancangan Malaysia Kelima (RM5). percetakan kerajaan K.L. 1986.

Dc: Dasar Ekonomi Baru.

/lz.

Jadual 1: Pertumbuhan Tenaga Buruh, Guna tenaga dan Pengangguran Malaysia (1970, 1975, 1980)

	1970	1975	1980
Jumlah Penduduk (000)	10,776.9	12,449.9	14,261.2
Jumlah Tenaga Buruh (000)	3,681.9	4,538.8	5,380.0
Jumlah Guna tenaga (000)	3,395.9	4,247.1	5,093.5
Jumlah Pengangguran (000)	286.0	291.7	286.5
Peratus Pengangguran (%)	7.8	6.4	5.3

Sumber : Lihat Charnhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan

1988 : Jadual 2.8.

Jadual 2: Kemiskinan Di Semenanjung Malaysia  
(1970, 1975, 1980, 1990)

	Jumlah isi rumah	Jumlah isi rumah miskin	% Kemiskinan	Jumlah isi rumah	Jumlah isi rumah miskin	Kemiskinan
	1970					
Luar bandar	1,203.4	705.9	58.7	1,348.4	729.9	54.1
Pertanian	852.9	582.4	68.3	915.1	576.5	63.0
Industri-industri lain	350.5	123.5	35.2	433.3	153.4	35.0
Bandar	402.6	85.9	21.3	553	105.2	19.0
JUMLAH	1,606.0	791.8	49.3	1,901.4	835.1	43.9
	1980					
Luar bandar	1,509.6	568.5	37.7	1,685.4	364.3	21.6
Pertanian	963.2	443.7	46.1	906.5	258.4	28.5
Industri-industri lain	546.4	124.8	22.8	778.9	105.9	13.6
Bandar	774.4	97.6	12.6	1,377.6	94.9	6.9
JUMLAH	2,284.0	666.1	29.2	3,063.0	459.2	15.0

Sumber: Malaysia (1981): Jadual 3-2 dan 9-4.

Jadual 3: Malaysia: Bilangan Pelajar di Institusi Pengajian Dalam Negeri Mengikut Etnik 1980 dan 1985

Peringkat	1980			1985		
	Bilangan Pelajar	Bumiputera (%)	Bilangan Pelajar	Bumiputera (%)		
1. Sijil	2,603	61.1	6,878	65.8		
Sastera Sains dan Teknologi	53	100	983	71.7		
	2,550	60.3	5,895	68.7		
2. Diploma	12,262	93.5	25,046	94.5		
Sastera Sains dan Teknologi	4,412	100	12,822	99.3		
	7,850	88.9	12,224	86.7		
3. Ijazah	21,944	62.0	37,838	63.0		
Sastera Sains dan Teknologi	11,512	58.3	20,357	57.4		
	10,432	67.8	17,481	51.9		

Sumber: Malaysia (1986): Jadual 19.4

Jadual 4: Hakmilik Modal Saham Dalam Sektor Syarikat (Malaysia) 1970-85 (Juta)

	Kadar pertumbuhan purata tahunan									
	1970 <sup>1</sup>		1975 <sup>2</sup>		1980 <sup>3</sup>		1983 <sup>4</sup>		1985 <sup>5</sup>	
	\$ Juta	%	\$ Juta	%	\$ Juta	%	\$ Juta	%	\$ Juta	%
Permastautin Malaysia	1,952	36.6	7,047	46.7	18,493	57.1	33,010	66.4	56,701	74.5
Jumlah bumiputra	126	2.4	1,394	9.2	4,050	12.5	9,274	18.7	13,547	17.8
Perseorangan	84	1.6	550	3.6	1,880	5.8	3,762	7.6	7,679	10.1
Agenzia amanah	41	0.8	844	5.6	2,170	6.7	5,512	11.1	5,868	7.7
Rakyat Malaysia lain	1,827	34.3	5,653	37.5	14,443	44.6	23,735	47.7	43,154	56.7
Permastautin asing	3,377	63.3	8,037	53.3	13,927	42.9	16,697	33.6	19,411	25.5
JUMLAH	5,329	100.0	15,084	100.0	32,420	100.0	49,708	100.0	76,112	100.0
Nota:	1		Malaysia (1976): Jadual 4-16							
	2		Malaysia (1981): Jadual 3-14 dan 9-7							
	3		Malaysia (1984): Jadual 3-12 dan 3-16							
	4		Malaysia (1986): Jadual 3-8							

## ISLAM DAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM

Ustaz Razali Nawawi

Ahli-ahli sains sosial mentakrifkan masyarakat majmuk sebagai "masyarakat berbilang bangsa, bahasa, kebudayaan atau agama". Ahli sains sosial yang terpengaruh dengan ideologi Maxist menghuraikan bahawa masyarakat majmuk ialah masyarakat berbilang kelas.

Biar apa pun takrif dan analisa tentang masyarakat majmuk ia menepati masyarakat yang wujud sewaktu Islam mula terbit di Makkah dan kemudian membentuk negara di Madinah. Masyarakat Hijaz waktu itu terdiri dari berbagai kaum, bangsa, agama atau tiada agama, budaya, bahasa dan kelas; wujud tuan dan hamba; wujud Muslim, Yahudi, Kristian, Musyrik dan Munafiq. Tetapi Islam tetap boleh diterima oleh semua dan kemudian menjadi masyarakat yang padu. Mengikut Prof. Watt bahawa "proses integrasi sosial yang telah dilakukan melalui Islam di Semenanjung Arab itu adalah suatu yang luar biasa". Ini kerana hukum-hukum Islam berpunca dan berdasarkan kepada keadilan tabie (natural justice). Mereka dapat menikmati keadilan hukum Islam apabila ia terlaksana seluruhnya. Masyarakat majmuk adalah suatu gejala tabi'e dan ia adalah ciptaan Allah: "... Sekiranya Allah yang kehendaki nescaya kamu dijadikanNya satu umat ...." (al-Maidah/5:48). Allah sedar bahawa hukum-hukum Islam akan dilaksanakan di kalangan hamba-hambaNya yang Muslim dan bukan Muslim.

Adalah ternyata bahawa kekeliruan mengenai fungsi dan peranan hukum Islam dalam masyarakat majmuk adalah berpunca dari kekurangan pengetahuan tentang ciri-ciri dan matlamat hukum Islam itu sendiri. Dalam hukum Islam terdapat dua bentuk pendekatan terhadap masalah masyarakat majmuk: pertama, Umat Islam yang beriman dengan keesaan Allah dan kenabian Muhammad serta al-Qur'an dan Sunnah RasulNya sebagai undang-undang yang mutlak adalah bertanggungjawab di segi akidah untuk tunduk kepada hukum Islam dan berusaha melaksanakannya di bawah doktrin 'the rule of law' yang semua manusia menyantunginya; kedua, segi politik dan keadilan di mana pemerintah dan rakyat berikrar untuk menegakkan keadilan, mengukuhkan sistem dan memperkuatkan negara. Semua orang cintakan keadilan tidak kira apa saja bentuk undang-undang kalau ia benar-benar adil. Dalam hal ini Islam dapat mengemukakan undang-undang yang hakiki adil dan boleh menandingi hukum-hukum lain. Justeru itu semua warganegara harus tunduk kepada pemerintah yang ingin membawa hukum yang adil tidak kira apa akidahnya.

Warganegara yang berugama Islam wajib tunduk kepada semua peruntukan-peruntukan hukum-hukum Islam. Kewajipan ini adalah ditentukan oleh dua faktor:

- i) Kewajipannya terhadap Allah apabila ia mengumumkan Islam sebagai ugamanya.
- ii) Tanggungjawabnya kepada pemerintah apabila ia menerima Ulil `amri al-Islami (pemerintah) yang mengambil sistem perundangan Islam (Islamic Legal System) sebagai dasar Pemerintah negara.

Warganegara bukan berugama Islam yang tinggal dengan aman di bawah penyeliaan hukum Islam dan meletakkan amanah kerakyatannya pada pemerintahan yang mengikut sistem Islam, ia bertanggungjawab untuk tunduk kepada undang-undang Islam kerana ia tertakluk kepada faktor kedua ini, iaitu tanggungjawab politik, bukan tanggungjawab akidah atau ugama.

Dalam konteks masyarakat majmuk di bawah hukum Islam, mereka dibahagikan kepada tiga kelompok:

- i) Warganegara yang berugama Islam. Kelompok ini mestilah tunduk kepada hukum Islam seluruhnya, sama ada undang-undang mahkamah sivil atau ugama, tidak kira apa mazhab yang ia anuti. Ia tiada kebebasan untuk memilih hukum-hukum yang lain dari hukum Islam.
- ii) Warga negara yang bukan berugama Islam yang dikenali dalam istilah hukum Islam sebagai zimmi. Kelompok ini mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama dengan kelompok pertama di bawah hukum Islam. Cuma mereka hanya wajib tunduk kepada beberapa peruntukan undang-undang dan tidak wajib kepada beberapa yang lain dalam hukum Islam dari segi kehakiman dan tidak wajib langsung tunduk di segi akidah atau kepercayaan. Mereka bebas menganut dan menjalankan ritu-ritu atau adat-adat upacara agama mereka. Cuma mereka wajib tunduk kepada mana-mana peruntukan hukum Islam yang mereka akui sebagai wujud atau tidak langsung wujud dalam ugama mereka. Mereka wajib tunduk kepada hukum-hukum yang terdapat dalam ugama mereka; sebagaimana al-Qur'an sendiri menegaskan: (maksudnya): "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya (yang menerangi), yang dengan Kitab itu diputuskan perkara orang-orang Yahudi oleh Nabi-nabi yang menyerah diri kepada Allah , oleh orang-orang alim mereka dan pendita-pendita mereka, disebabkan mereka diperintahkan memelihara Kitab-kitab Allah dan mereka menjadi saksi terhadapnya.." (al-Mai'dah/5:44). Mereka tidak boleh dipaksa supaya tunduk kepada hukum-hukum yang mereka yakin bercanggah dengan akidah kepercayaan mereka. Malah sebagai kesan dari peruntukan ini adalah suatu kesalahan jenayah bagi seorang Muslim merampas arak milikan orang zimmi (bukan Muslim) dan arak itu kelak rosak atau hilang. Mengikut mazhab Maliki dan Hanafi, ia mestilah

dibayar gantirugi kepada tuan punya kerana dalam ugama orang zimmi, arak itu tidak haram.

- iii) Kelompok ketiga yang bukan Islam yang menumpang atau mendapat perlindungan di bawah pemerintahan Islam. Kelompok ini tidak boleh dipaksa tunduk kepada mana-mana hukum Islam. Kalau berlaku pertikaian di kalangan mereka dan di bawa pertikaian itu kepada kehakiman Islam maka hakim mempunyai hak untuk memutuskan mengikut hukum Islam atau menolaknya. Malah apabila diputuskan mengikut hukum Islam mereka pula boleh memilih untuk menerima atau menolaknya. Sebab mereka tidak terikat dengan commitment pertama atau kedua, mereka tidak berugama Islam dan tidak tunduk kepada ugama Allah dan sistem hukumnya dan tidak juga mencurah taat setia kepada negara dan pemerintahan Islam.

Demikian pendapat majoriti ulama hukum mazhab Shafi'iy dan Hanafiy. Tetapi ada ahli-ahli fiqah yang berpendapat bahawa dalam kes seperti di atas, seorang hakim boleh memilih untuk memutuskan mengikut hukum Islam atau mana-mana hukum yang pihak-pihak yang bertikai itu setuju. Pendapat ini barangkali berlandaskan kepada peruntukan al-Qur'an (yang bermaksud): "Jika mereka datang kepadamu (untuk meminta putusan), maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka, atau berpalinglah dari mereka. Jika kamu berpaling dari mereka maka mereka tidak akan memudharatkan kepadamu sedikitpun. Dan jika kamu memutuskan perkara mereka maka putuskanlah (perkara itu) di antara mereka dengan adil, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang adil" (al-Maidah/5:42). Ada juga ahli fiqah berpendapat bahawa rakyat bukan Islam boleh memilih untuk dibicarakan di bawah hukum Islam, maka wajib bagi hakim memutuskan mengikut hukum Islam dan mereka pula mesti patuh dan tidak boleh menolaknya.

Dari perbincangan ini ternyata bahawa apabila rakyat yang bukan Islam memilih untuk hidup di bawah pemerintahan undang-undang Islam, mereka tidaklah dipaksa supaya tunduk kepada apa yang ternyata bercanggah dengan akidah mereka, cuma mereka diwajibkan sebagai tanda setia kepada negara tunduk kepada mana-mana hukum ugama mereka yang selari atau tidak bercanggah dengan kehendak negara yang beramal dengan dasar dan undang-undang Islam. Demikian toleransi undang-undang Islam yang belum pernah diberi oleh mana-mana sistem undang-undang. Amerika Syarikat umpamanya yang mendakwa diri sebagai 'free society', 'free state' atau 'free world', hingga kini masih belum membentarkan rakyatnya yang berugama Islam berkahwin lebih dari satu; mana-mana perkahwinan lebih dari satu maka perkahwinan itu dianggap tidak sah (null and void). Dalam soal perjalanan hukum dalam masyarakat, Islam sentiasa mengajak kepada keadilan dan matlamat utama tiap-tiap hukum itu ialah

menjaminkan keadilan kepada masyarakat. Islam sentiasa yakin bahawa hukumnya adalah adil. Di samping itu Umat Islam dan negara adalah sama-sama bertanggungjawab secara langsung kepada Allah, penciptanya bukan kepada manusia. Dari segi sejarah, sebelum Umat Islam dijahah oleh Barat negara-negara Islam telah berama dengan undang-undang Islam (dan juga undang-undang adat). Hanya apabila dijahah, undang-undang Islam telah diganti dengan undang-undang asing dari Eropah pada perlengahan abad ke 19. Sekarang umat Islam sedang kembali kepada sejarah asalnya, ingin mengembalikan apa yang sudah hilang: dulu hilang kuasa, sekarang sudah berkuasa; dulu hilang ketuanan, sekarang sudah menjadi tuan. Masa sudah lama sampai untuk ia kembali kepada undang-undang Islam dan menunjukannya kepada rakyat bukan Islam akan keadilan Islam. Undang-undang Islam adalah untuk semua orang, Muslim dan bukan Muslim, di atas prinsip bahawa semua manusia adalah hamba dan dijadikan Allah.

Islam yakin akan keadilan dan itulah yang diperjuangkannya. Allah, dalam konteks keadilan ini, mengarah Nabi Muhammad (saw) dan pengikut-pengikutnya dengan firmanNya (maksud): "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menghukumkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat". (an Nisa/4:48)

Semua nilai-nilai moral (moral values) seperti keadilan, persamaan (equality), kejujuran dalam mu'amalah dan sebagainya mesti dijaga dan dianggap sebagai mulia serta dihayati dalam amalan, tidak kira bangsa dan ugama. Otoriti hukum atau perjalanan 'rule of law' terkait dengan ciri keadilannya, mengiktiraf akan tiada sekatan dan diskriminasi antara satu insan dengan yang lain. Dengan kata lain, nilai-nilai ini merupakan taraf yang standard bagi sifat adil yang berkait rapat dengan ugama. Justeru itu, makin utuh sikap 'Islam' pemerintah itu makin terjamin sikap adilnya terhadap golongan bukan Islam.

Untuk menjelaskan kekeliruan mengenai undang-undang Islam perlu rasanya diterangkan sedikit mengenai ciri-ciri dan matlamat undang-undang Islam.

### Ciri-Ciri Hukum Shari'ah

Shari'ah menggariskan peraturan hidup individu dan kolektif. Peraturan ini mencakupi bidang-bidang ritual, moral, keluarga, sosial, ekonomi, warganegara, sistem undang-undang, undang-undang perang dan damai dan hubungan antarabangsa. Ringkasnya, ia mencakupi semua bidang hidup manusia. Syariah menunjukkan perkara baik dan buruk, yang berfaedah dan yang merosakkan. Ia menunjukkan cara-cara untuk mencapai matlamat yang luhur dari peraturan-peraturan berkenaan. Shari'ah

menunjukkan cara-cara untuk menggerakkan masyarakat dinamik di bawah peraturan dan disiplin.

Shari'ah berbeza dari undang-undang yang lain kerana ia merupakan segugus peraturan skima sistem kehidupan yang digariskan oleh Islam untuk kesaduan hidup insan. Ia tidak boleh dipisah-pisah; kerana pemisahan ini akan meretak dan mungkin meranapkan struktur Shari'ah itu sendiri. Logika Shari'ah dan hukum-hukum Syari'ah dalam kaitannya dengan kehidupan masyarakat adalah secara sepadu. Hukum Shari'ah akan dapat berjalan secara berkesan dan lancar dalam skima struktur hidup masyarakat mengikut garisan Islam. Di sini barangkali hukum Islam menjadi sasaran kritik, kerana kelemaohnya untuk berfungsi dalam masyarakat bukan Islam. Bilakah hukum Islam itu dapat dilaksanakan kalau menunggu terbitnya masyarakat Islam? Mungkin hukum Islam dicabar supaya menerima realiti semasa di mana tiada umat Islam tetapi masyarakat Muslim, supaya bersedia ia dilaksanakan mana-mana yang patut dalam masyarakat. Tetapi realiti juga mengajar bahawa penyakit masyarakat tidak mungkin dapat disembuhkan dengan ubat yang tidak sepadan.

Adalah salah pada pandangan hukum Islam kiranya keberkesanannya dinilai dari aspek-aspek yang terpisah dan dipadukan dengan realiti yang bercanggah. Umpamanya keberkesanannya hukum keluarga Islam yang dilaksanakan di kebanyakan negeri Islam masih boleh diperitkaikan: sebab perangai dan sikap masyarakat tidak berorientasikan Islam dan perjalanan hukum itu pula pincang. Suatu peruntukan dalam undang-undang jenayah Islam yang mudah menimbulkan selaran pengkritik ialah hukum kerat tangan pesalah curi. Padahal peruntukan hukum ini perlu ditinjau dari sistem Islam yang mencakupi sistem ekonomi, sosial, politik dan pendidikan. Andainya sistem-sistem ini tidak dilaksanakan serentak kanun jenayah Islam tidak mungkin dapat membawa keadilan yang benar.

Hukum rompak samun dan curi dibayangkan sebagai berjalan dalam masyarakat Islam tulun atau masyarakat yang menerima hukum Islam seluruhnya di mana orang kaya membayar zakat sepenuhnya kepada negara dan negara membekalkan keperluan asas secara percuma kepada rakyat yang memerlukannya: kekayaan negara dibagikan secara adil. Hukum-hukum Islam bertujuan untuk membentuk masyarakat adil dan mencetuskan suasana yang selesa di mana tiada seorang pun yang terdorong untuk mencuri, sebab dalam peraturan-peraturan sosial Islam, di samping galakan untuk membantu golongan susah secara sukarela, negara akan membuat peruntukan untuk menjamin keperluan asas kepada semua. Justeru itu andainya selepas keadilan dan kemakmuran yang ideal itu diadakan masih ada penjenayah yang mencuri maka dia sebenarnya tidak layak untuk hidup dalam masyarakat yang baik dan dia wajar dihukum sekerasnya.

## **Matlamat Undang-undang Islam**

Matlamat utama undang-undang Islam atau Shari'ah ialah untuk mengatur hidup insan atas dasar ma'ruf dan mengenepikan munkar. Istilah ma'ruf mengandungi erti segala nilai-nilai luhur dan sifat-sifat baik yang selalunya diterima oleh naluri manusia sebagai "baik". Sebaliknya munkar membawa erti segala macam dosa dan kejahatan yang selalunya dikecam oleh perasaan murni manusia sebagai "buruk". Ringkasnya ma'ruf sentiasa serasi dengan tabie dan sesuai dengan keperluan manusia, manakala munkar adalah sebaliknya. Hukum Shari'ah menunjukkan perbezaan yang jelas antara keduanya dan menganjurkan manusia agar mengatur hidupnya sesuai dengan norma-norma ma'ruf.

Ma'ruf atau kebaikan dan munkar atau keburukan sentiasa bertentangan di tengah-tengah kehidupan manusia. Allah tidak menjadikan manusia ini sebagai malaikat tetapi sebagai makhluk dengan sifat yang boleh tertarik kepada mana-mana pihak: baik atau buruk. Justeru itu Shari'ah Islam menyusun peraturan yang lengkap bagi keseluruhan hidup manusia sehingga kebaikan menjadi subur dan kejahanan terpendam.

Dalam bidang ini manusia bebas membuat undang-undang baru yang sesuai dengan keperluan dan suasana semasa dengan syarat ia tidak sampai ke sempadan haram atau merempuh kawasan wajib. Dalam menggubal undang-undang dalam ruang ini Shari'ah Islam menyarankan dua kaedah, pertama, ialah "mengutamakan muslihat umum", dan kedua, "menolak kesukaran atau membawa kesenangan".

Manakala munkar dikelaskan kepada dua : haram (iaitu segala sesuatu yang secara muktarad dilarang) dan makruh (iaitu segala sesuatu yang tidak disukai atau digalakkkan). Setiap individu Muslim tidak bertolak ansur dibenarkan sama sekali melakukan atau cuba melakukan perkara haram. Shari'at Islam tidak bertolak ansur dalam hal ini: tidak bertolak ansur dengan rasuah, dengan penzina, dengan pemimum arak, dengan perompak, pencuri, dengan penyalah guna kuasa, dengan penzalim, dengan pencuri harta rakyat dan negara. Shari'at Islam tidak membenarkan sesiapa dari kalangan umat Islam menggubal undang-undang mengharamkan perkara halal atau menghalal perkara haram. Tentang perkara makruh, Shari'ah menjelaskannya samada secara terang (explicit) atau secara andaian (implicit), tetapi dalam banyak hal diterangkan kaedah Syari'ah Islam membentuk masyarakat dalam suasana yang boleh membantu menyuburkan kebaikan dan nilai-nilai murni dalam semua segi aktiviti manusia. Di waktu yang sama ia menyekat kesuburan unsur-unsur kejahanan dan menutup dengan tegas segala ruang yang boleh diresipi oleh unsur kejahanan. Dalam konteks ini Shari'ah Islam tidak liberal dalam ertikata membiarkan kebaikan dan kejahanan sama-sama subur.

Shari'ah Islam membahagikan perkara-perkara ma'ruf kepada tiga kelompok: fardu atau wajib, sunat dan harus (mubah). Perkara wajib mesti dilakukan oleh setiap individu Muslim. Shari'ah Islam tidak bersedia bertolak ansur dalam hal ini seperti orang yang enggan membayar zakat atau mengingkari sembahyang atau menolak manapun hukum Allah yang sudah jelas dan muktamad. Tentang perkara sunat setiap individu Muslim digalakkan melakukannya supaya tertingkat nilai moral pada diri dan tersubur rasa kesedaran dan tanggungjawab yang kelak diharapkan menjadi benteng pejal terhadap penyelewengan unsur kejahanatan. Tentang perkara harus, segala sesuatu yang tidak tersebut dalam hukum Shari'ah sebagai haram atau makruh adalah harus.

#### Rujukan

Mandudi, S. Abul A'la (1976). "Rights of Non - Muslims in Islamic State." Islamic Publications Ltd. Lahore.

Muhammad Qutb. (1972). "Islam The Misunderstood Religion." Islamic Publications Ltd. Lahore.

dc:B54Razali-Masy.Berbilang kaum.

## FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

PENDIDIKAN DI MALAYSIA ADALAH SUATU USAHA BERTERUSAN KE ARAH MEMPERKEMBANGKAN LAGI POTENSI INDIVIDU SECARA MENYELURUH DAN BERSEPADU UNTUK MEWUJUDKAN INSAN YANG SEIMBANG DAN HARMONIS DARI SEGI

INTELEK, ROHANI, EMOSI DAN JASMANI BERDASARKAN KEPERCAYAAN DAN KEPATUHAN KEPADA TUHAN.

USAHA INI ADALAH BAGI MELAHIRKAN RAKYAT MALAYSIA YANG BERILMU PENGETAHUAN, BERKETRAMPILAN, BERAKHLAK MULIA, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERKEUPAYAAN MENCAPAI KESEJAHTERAAN DIRI SERTA MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP KEHARMONIAN DAN KEMAKMURAN MASYARAKAT DAN NEGARA.